

Apabila Murid Bersuhbah Dengan Syeikhnya Maka Inilah Kisah Mereka

Hj Ahmad Salim
Tabib Nur
Ir Ahmad Jais
Rahmat Muhamad

PERSATUAN AS-SYAZILIYYAH
IPPM. 014-14-30102013

Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
Hakcipta karya asal © Rahmat Muhamad
Cetakan Pertama April 2015

Cetak rompak ertinya makan haram, menyalahi undang-undang dunia dan Akhirat. Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang siar mana-mana bahagian artikel, illustrasi dan isi kandungan buku dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia

Diterbitkan oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
BAIT SYDNA ABDUN NASIR AL-HASANI
No. 2 Jalan Gunung Nuang U11/9A, Bukit Bandaraya SS U11,
40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Bahan-bahan untuk buku ini telah dihimpun oleh muridin dan muridat Sidna As-Syeikh Al-Kamil As-Syarif Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili, selanjutnya digarap dan ditulis oleh Ustaz Rahmat Muhamad As-Syazili
013-6437075
rahmatshazlee@gmail.com

Penerbit Eksekutif
Dr Mahmoud MrGlani
Penulis
Rahmat Muhamad As-Syazili
Editor
Noormizan Ahmad
Reka Bentuk kulit & Kandungan
Abdul Jalil Shukor

Diedar Oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
Dicetak Oleh
Percetakan FDZ
Bukit Serdang, Selangor.

Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
Rahmat Muhamad

Daftar Isi

Sekapur Sireh	*iv*
Bab 1: Peranan Zawiyah	*1*
Bab 2: Pelawaan Dato Mufti	*3*
Bab 3: Lanskap Peribadi & Hutan Dara	*6*
Bab 4: Silaturrahim	*9*
Bab 5: Jiran-jiran Zawiyah -1	*11*
Bab 6: Pertemuan Yang Tak Disangka	*18*
Bab 7: Muzakarah	*22*
Bab 8: Bangkitlah Wahai Pewaris	*52*
Bab 9: Corat-coret Kembara Sufi -1	*56*
Bab 10: Corat-coret Kembara Sufi -2	*66*
Bab 11: Titik di Atas Huruf	*70*
Bab 12: Kesatuan Ilmu Menuju Kesatuan Amal	*74*
Bab 13: Corat-coret Kembara Sufi -3	*77*
Bab 14: Jiran-jiran Zawiyah -2	*95*
Bab 15: Ke Makassar	*98*
Bab 16: Kaedah Sufi	*112*
Bab 17: Dari Detik Pertama	*121*
Bab 18: Inilah Kisahku	*128*
Bab 19: Mengapa Pula Tiada?!	*136*
Bab 20: Akar Umbi As-Syaziliyyah Di Alam Melayu	*139*
Bab 21: Teman-teman Solihin	*144*
Bab 22: Sangkar & Burung di Zawiyah	*167*
Bab 23: Suhbah Ke Penjara	*173*


Sekapur Sireh

Alhamdulillah syukur kepada ALLAH, bersempena dengan Seminar Nafahat Jalan Robbi siri kelapan yang berlangsung di Experimental Hall, Universiti Islam Antarabangsa, Gombak pada 18 April 2015, pihak Zawiyah As-Syaziliyyah di tanah air kita dengan rendah hati dapat mempersembahkan SUHBAH kepada sidang pembaca budiman sebagai kelangsungan dari buku BAHTERA yang telah dilancarkan pada Seminar Nafahat Jalan Robbi siri ketujuh di Auditorium Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam pada 17 Mac 2015.

صُحْبَة/Suhbah adalah satu istilah sufi yang dapat diertikan sebagai berdamping, berteman dan berkhidmat. Apabila seorang murid bersuhbah dengan syeikhnya maka akan mengalirlah kepada si murid pengajaran dan didikan dari syeikh secara langsung kepadanya. Suhbah adalah proses pembelajaran dan didikan yang tidak hanya berlaku di dalam kelas-kelas formal, bahkan di saat santai, waktu permusafiran dan di mana-mana saja.

Semoga SUHBAH dapat menghidangkan berbagai-bagai iktibar dan hikmah dari kenang-kenangan hidup yang telah ditempuh oleh murid-murid Tareqat As-Syaziliyyah saat bersama Syeikh mereka. Alhamdulillah sebahagian dari kenang-kenangan itu sudah dapat kita dokumentasikan dan Insya ALLAH selepas ini akan bersambung lagi.

Penerbit



Sidna As-Syeikh Al-Kamil
As-Syarif Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili

بسم الله الرحمن الرحيم

"Demi ALLAH,
tidaklah jaya siapa
yang jaya itu melainkan
dengan kerana dia
suhbah kepada
yang jaya."


Sidi Ibnu `Atho'illah As-Sikandari As-Syazili



Bab Pertama

Peranan Zawiyah

Sewaktu menghadiri Perayaan Maulid Junjungan Agung Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيهِ وَسَلَّم di Setif, Algeria pada bulan Rabi'ul Awwal 1436 Hijrah, Sidna Syeikh Al-Kamil As-Syarif Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili -moga ALLAH meredhoinya dan mencapaikan keredhoan buatnya- ada menceritakan kepada murid-murid beliau yang datang dari Malaysia: "Nenek moyang kami sejak zaman berzaman membuka zawiyah. Di zawiyah mereka memberi makan kepada para fakir, membesarkan anak-anak yatim, menanggung dan memberi pelajaran kepada para penuntut ilmu serta mengkhidmati masyarakat. Bahkan



...dalam sejarah zawiyah sufi adalah sumber pancaran hidayah dan titik tolak tamadun kemanusiaan yang murni...

balu yang tak dapat mengahwinkan anak perempuannya akan datang mengadu ke zawiyah lalu syeikh menolongnya dan mengahwinkan semua anak-anak perempuan balu itu…"

Dalam sejarah Islam, zawiyah-zawiyah sufi sememangnya telah memainkan peranan penting di dalam masyarakat. Contohnya di Algeria pada zaman-zaman dahulu zawiyah sufi selain kedudukan asasinya sebagai rumah ALLAH tempat berkumpul ahli zikir dan orang-orang soleh, turut menjadi pusat pendidikan dan rujukan ilmiah yang mantap, markaz pertemuan rakyat dan basis pertahanan dalam perjuangan melawan penjajah. Zawiyah-zawiyah sufi sejati di dalam sejarah telah menjadi sumber pancaran hidayah, pusat peradaban kesufian dan titik tolak tamadun kemanusiaan yang murni.





Pelawaan Dato Mufti

Apabila Syeikh ku datang menziarahi tokoh ini di Pejabat Jabatan Mufti beliau akan mempersilakan Syeikh ku ke bilik mesyuarat, setelah mengunci pintu dan menghidangkan teh serta kuih-muih duduklah mereka berjam-jam dalam dialog yang bagai tak mahu berhenti. Beliau Sohibus Samahah Dato Haji Murtadza Ahmad, mantan mufti Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus.

Sejak pertemuan pertama Syeikh ku dengan beliau di pejabatnya sekitar tahun 2006 Dato Mufti sudah menawarkan: "Syeikh datanglah ke Negeri Sembilan dan buka cawangan Tareqat As-Syaziliyyah di sini. Kami sedia memberi kelulusannya[1]!."

Usai sessi di pejabat, Dato Mufti mengajak Syeikh ku menziarahi pusara almarhum nendanya, wali ALLAH yang kesohor As-Syeikh Muhammad Said Bin Jamaluddin Al-Linggi -moga ALLAH Taala merahmatinya- (wafat tahun 1345H – 1926M). Sebelum kami beredar pulang Dato Mufti berpesan kepada Syeikh ku agar setiap kali datang ke Malaysia hendaklah menjenguknya di Pejabat Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.

Syeikh ku amat menghargai pelawaan beliau, masa berlalu begitu pantas dan kesibukan mengurus berbagai

1 - Pada tahun 2005 Negeri Sembilan adalah satu-satunya negeri di tanah air kita yang mempunyai Enakmen Tarekat Tasawuf yang telah diusahakan pengkanunannya dengan gigih oleh Dato Mufti sendiri.

pekerjaan telah membawa Syeikh ku ke merata tempat, Dato Mufti juga telah bersara dari jawatannya pada tahun 2008 namun hingga kini hajatnya untuk melihat zawiyah Syeikh ku di Negeri Sembilan masih belum tertunai, namun hubungan antara mereka berdua tetaplah berterusan seperti dahulu.

Pada tahun 2011 dan setelah menimbang dari berbagai sudut Syeikh ku melihat bahawa zawiyah utama beliau nampaknya sesuai jika bertempat di Shah Alam. Pada waktu itu belum kedengaran ada tareqat Tasawuf yang membuka zawiyah di ibu kota negeri Selangor ini, sementelahan pula lokasinya yang dekat dengan KLIA akan memudahkan urusan permusafiran Syeikh ku.

Mulanya beliau menyewa sebuah pangsapuri, setahun selepas itu menyewa pula sebuah rumah teres dua tingkat dan aku diserahkan tugas untuk mengkhidmati zawiyah tersebut sepenuh masa. Apabila Syeikh ku berada di Madinah beliau akan menugaskan aku untuk menyelia majlis zikir mingguan setiap malam Jumaat (khatam Al-Quran) dan tiap subuh Ahad (khatam kitab Dalailul Khayrat) di samping kelas-kelas pengajian berkala.

Syeikh memesankan kepadaku agar menjaga hubungan baik dengan jiran-jiran zawiyah terutamanya tuan rumah kami yang rumahnya bersebelahan pula dengan kami, jangan menyakiti jiran baik dengan kata-kata maupun tingkah laku, murid-murid zawiyah yang hadir pastikan mereka menjaga sopan santun dan kenderaan mereka harus diparkir dengan baik, tidak diparkir sembarangan dan tidak menghadang lalu lintas, jaga keharmonian kawasan kejiranan, waktu menjalankan majlis zikir pastikan alat penghawa dingin dipasang, pintu dan tingkap ditutup supaya tidak mengganggu jiran-jiran yang sedang berehat

di rumah-rumah mereka, beri peluang kepada jiran-jiran untuk turut mendapat manfaat dari zawiyah; jika mereka suka untuk hadir majlis zikir alu-alukan mereka, jemput juga mereka untuk turut menyertai kelas-kelas pengajian yang dijalankan di zawiyah, jika zawiyah mengadakan kenduri-kendara jangan lupa mengundang jiran-jiran…

Syeikh memesankan kepadaku agar menjaga hubungan baik dengan jiran-jiran zawiyah terutamanya tuan rumah kami yang rumahnya bersebelahan pula dengan kami, jangan menyakiti jiran baik dengan kata-kata maupun tingkah laku...

Semua yang dipesan oleh Syeikh aku ingat kemas-kemas dan aku minta kepada para junjunganku murid-murid zawiyah untuk saling ingat mengingati segala adab-adab ini. Segala yang beliau pesankan mengenai hak-hak jiran Alhamdulillah kami jaga dengan teliti.

Sebelum nak merangka kelas pengajian di zawiyah, Syeikh ku bertanya: "Anakku Rahmat, kamu sudah ada tauliah mengajar dari pihak berkuasa agama negeri Selangor?" aku jawab belum. Dengan itu Syeikh pun mengarahkan aku untuk menghadiri temuduga tauliah mengajar agama di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) di samping menyemak bacaan Al-Quran seminggu sekali kepada almarhum Ustaz Ahmad Mustafa Bin Mohammad Sidin Al-Muqri imam besar Masjid Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah pada waktu itu hinggalah kedua-dua tauliah tersebut aku perolehi.



Lanskap Peribadi & Hutan Dara

Perkenalan Syeikh ku dengan seorang pengarah institut latihan yang dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akhirnya membawa beliau untuk berta`aruf pula dengan Ketua Pengarah JAKIM waktu itu, Yang Berbahagia Dato Haji Wan Mohamad Bin Syeikh Abdul Aziz. Satu sessi ramah mesra telah diatur oleh pihak JAKIM di Kuala Lumpur dengan dihadiri oleh Dato Ketua Pengarah, timbalan beliau Dato Haji Othman Mustapha dan beberapa orang pegawai kanan lalu mengundang Syeikh ku sebagai tetamu utama dalam dialog tidak rasmi ini.

Inilah pertemuan pertama Syeikh ku dengan Dato Wan Mohamad. Ayahanda beliau almarhum Syeikh Abdul Aziz dan adik beradiknya telah menuntut ilmu di kota Makkah Al-Mukarrammah waktu zaman muda mereka. Ini menjadi satu sebab mengapa Dato Wan begitu cepat mesranya dengan Syeikh ku anak kota Madinah Al-Munawwarah. Banyaklah kisah Dua Tanah Suci tempo dulu yang disembangkan oleh mereka pada pertemuan tersebut.

Dialog tidak rasmi pada malam itu turut menyentuh isu kumpulan-kumpulan ajaran tareqat tertentu yang telah menimbulkan kontroversi dalam masyarakat Islam di tanah

air. Duduk dalam kurungan ISA sudah, tahanan terhad pun sudah, JAKIM dan Jabatan Agama kursuskan mereka sampai jenuh pun sudah, masukkan mereka dalam program pemurnian aqidah dan macam-macam juga sudah, isytihar taubat pun sudah tapi masih terus juga dengan pegangan mereka yang lama. Ini telah membuat para pegawai kerajaan terutamanya pihak berkuasa agama pening kepala.

Syeikh ku memberi tamsilan kepada Dato Ketua Pengarah JAKIM bahawa tanah air ini kalau nak diibaratkan maka ia bukanlah seperti taman lanskap di halaman rumah kita, ia ibarat hutan dara. Jika taman lanskap peribadi kita boleh memilih pokok apa yang mahu ditanam, bunga apa yang nak dibiar menjalar, dekorasi apa yang kita mahu dan kita boleh buang tumbuhan mudarat yang kita tidak mahu. Soalnya itu taman lanskap peribadi kita, maka kita boleh tentukan pokok apa yang kita mahu dan pokok apa yang kita tidak mahu.

Tapi tanah air bukan taman lanskap peribadi, tanah air ibarat hutan dara yang menfardhukan bahawa pokok-pokok yang bermanfaat dan tumbuh-tumbuhan yang mudarat saling hidup bersama demi kelangsungan ekosistemnya. Di dalam sebuah hutan dara kita tidak tahu kadang-kadang suatu tumbuhan mudarat itu menjadi sebab bagi tumbuhan lain yang bermanfaat untuk terus hidup dan apabila tumbuhan mudarat itu dibuang maka tumbuh-tumbuhan yang bermanfaat tadi akan mati. Contoh praktisnya dari apa yang berlaku di negara yang membenarkan hanya ada satu aliran pemikiran agama berkembang dan pada masa yang sama memerangi ajaran Tasawuf habis-habisan akhirnya telah mengakibatkan merebaknya *terrorism* di kalangan rakyat.

Tapi kita nak buat macam mana lagi dengan kumpulan-

kumpulan ini? Masyarakat marah; siswa pengajian tinggi tinggalkan universiti kerana terpengaruh dengan ajaran jemaah x, anak perempuan kahwin lari kerana mematuhi arahan jemaah x, dari kaya jatuh merempat jadi papa kedana kerana berkorban habis-habisan untuk perjuangan jemaah x dan kemudian tidak dipedulikan… Kata Syeikh ku: "… Kerajaan buatlah hospital gila dan sumbatlah mereka ramai-ramai ke dalamnya," Dato Haji Wan Mohamad yang dari tadi serius menyemak ucapan beliau tak dapat menahan gelak.

Kata Syeikh ku lagi: "Para pemimpin kumpulan-kumpulan ini memang gila dan yang mengikut mereka pun orang-orang gila juga. Itu cukup adil kerana jika tidak ada pemimpin-pemimpin gila tersebut ke mana pula orang-orang gila nak berkumpul?" demikian ujar Syeikh ku hingga mencuit hati semua pegawai JAKIM yang hadir.

Dari mencuit hati Syeikh ku berpindah kepada titik yang benar-benar serius: "…Tapi untuk mengklasifikasikan mereka sebagai ancaman kepada keselamatan negara adalah tidak benar. Mereka bukan ancaman kepada keselamatan negara. Sesungguhnya yang mengancam keselamatan negara adalah orang-orang yang menculik anak-anak gadis kita dan menjadikan mereka pelacur, orang-orang yang senang-lenang menjadi tauke-tauke dadah; dia tak tersentuh sedikit pun dengan tindakan undang-undang yang mengejar-ngejar para pengedar dan penagih dadah…

"Mereka yang menculik anak-anak gadis kita dan tauke-tauke itu kerana licik dan lihainya tak dapat diapa-apakan oleh undang-undang sedangkan siapakah majoriti yang menjadi pelacur, pengedar dadah, keldai dadah, penagih dadah dan yang seumpama itu serta yang seterusnya merengkok di penjara dan pusat pemulihan?! Anak-anak kita orang Melayu Islam! Inilah ancaman sebenar kepada keselamatan negara… adapun orang-orang gila itu, bukan."



Silaturrahim

Setelah Dato Haji Wan Mohamad tamat tempoh perkhidmatan dengan JAKIM beliau masih sibuk dengan berbagai kerja dakwah dan kebajikan. Persahabatan beliau dengan Syeikh ku juga tetap berterusan, malah dalam satu kesempatan beliau telah mengundang khas Syeikh ku untuk melakukan lawatan sambil mengajar ke madrasah yang dikendalikan oleh pakcik beliau di Baling, Kedah. Dengan sukacita undangan itu dipenuhi oleh Syeikh ku.

Pengganti beliau di kerusi Ketua Pengarah JAKIM, Yang Berbahagia Dato Haji Othman Mustapha juga meneruskan tradisi pendahulunya yang komited dan mencintai alim ulama Akhirat. Apabila sudah menyelesaikan cetakan buku Bekalan Murid Menuju Jalan Akhirat yang mengupas topik Tasawuf dan Tareqat As-Syaziliyyah dengan panjang lebar, Syeikh ku di Madinah telah menghadiahkan buku tersebut -melalui seorang muridnya- kepada pihak JAKIM. Dato Haji Othman Mustapha selaku Ketua Pengarah yang gembira menerimanya menulis dalam surat penghargaan beliau yang bertarikh 15 April 2013:

> "Sukacita dimaklumkan bahawa naskah buku tersebut telah pun diterima. Jabatan ini ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih

atas edaran tersebut dan akan menjadikan buku tersebut sebagai rujukan dalam jabatan."

Antara lain sebenarnya buku ini juga adalah rentetan dari satu muzakarah dengan pihak JAKIM setahun sebelum penerbitannya dalam satu pertemuan silaturrahim bersama Syeikh ku. Pertemuan yang dihoskan oleh Dato Ketua Pengarah JAKIM itu turut dihadiri oleh mantan ketua pengarahnya Dato Haji Wan Mohamad, Dr. Abdul Hayei Abdul Shukor pakar rujuk JAKIM dan beberapa orang lagi kalangan pengarah bahagian. Selain perbincangan yang menyentuh berbagai topik tentang Tasawuf dan isu-isu dunia Islam, Syeikh ku turut meminta kepada penterjemahnya mendendangkan beberapa buah qasidah sufi untuk teman-teman beliau yang memikul amanah negara dalam menjaga hal ehwal agama itu.



Foto kenangan selepas muzakarah bersama JAKIM. Ketua pengarahnya Dato Hj. Othman Mustapha berdiri di sebelah kanan Syeikh ku dan Dato Hj. Wan Mohamad berdiri nombor tiga dari kanan gambar.



Jiran-jiran Zawiyah -1

Ketika peringkat awal kami berzawiyah di Shah Alam Syeikh ku ada bersama dan kami telah mengundang jiran-jiran berdekatan untuk hadir dalam majlis zikir sempena malam Nisfu Syaaban. Alhamdulillah ramai juga yang datang lalu mereka dapat berkenalan mesra dengan Syeikh ku. Sepertimana kelazimannya Syeikh ku menghadiahi tamu-tamunya itu dengan beberapa buah buku yang beliau terbitkan, apa lagi memang ada kalangan mereka yang memintanya dari Syeikh.

Tak berapa lama selepas Syeikh ku pulang ke Kota Madinah aku mendengar cerita yang tak sedap di telinga beredar di kawasan kejiranan kami. Alkisahnya ialah seorang jiran yang turut hadir dalam majlis zikir kelmarin merasa prihatin apakah Syeikh ku membawa ajaran yang meragukan? Kalau benar syak wasangkanya itu dia bimbang keberadaan kami akan menggugat kesejahteraan di sini.

Dia pun membawa buku yang telah dihadiahkan oleh Syeikh ku lalu menyerahkannya kepada seorang ustaz yang menjadi imam di surau taman perumahan kami untuk memeriksa isi kandungannya apakah terdapat perkara-perkara yang melanggar hukum syarak. Kononnya setelah membaca ustaz memberitahu kepadanya agar tak usah kuatir kerana tiada apa-apa yang salah dalam buku itu.

Soalnya sekarang aku sendiri hanya mendengar cerita ini dari angin sepoi-sepoi yang bertiup di kawasan kejiranan kami. Versinya berbagai-bagai pula, maklum sajalah angin, tapi mana satu yang betul? Atau semuanya hanya *gossip*? Hati rasa tak sedap. Syeikh ku di Madinah apabila mendengar berita ini menyuruh aku pergi ke surau dan bersilaturrahim dengan ustaz tersebut, moga-moga jernihlah keadaan. Masya ALLAH apabila bertemu baru tahu orangnya ceria dan berdedikasi. Dia berkerja sebagai pegawai dakwah di JAIS dan namanya Ustaz Hashim. Kami berkenalan mesra dan katanya kepadaku tiada apa-apa masalah sebenarnya, cuma dia bimbang dengan khabar-khabar angin yang bertiup lalu mencadangkan aku untuk merujuk kepada seorang temannya di JAIS… "…kumpulan *anta* sekarang memang sedang dipantau" kata Ustaz Hashim kepadaku.

Aku segera melapor kepada Syeikh ku dan beliau dari Madinah menyuruhku mengambil langkah proaktif mengunjungi pegawai berkenaan. Berbekalkan panduan dan pesan-pesan Syeikh, aku pun pergi ke ibu pejabat JAIS yang jauhnya tak sampai tiga kilometer dari zawiyah Syeikh di Shah Alam. Pada hari Khamis 31 Januari 2013 barulah dapat bertemu setelah dua kali pergi sendiri tapi pegawai yang mahu ditemui sedang *out station* dan kali yang ketiga ini membuat temujanji terlebih dahulu dengan bantuan Ustaz Hashim. Terus ke Bahagian Penyelidikan & Pembangunan di tingkat lima aku pun bertemu dengan Ustaz Azezul Azery yang menyambutku dengan baik.

Aku memperkenalkan diri dan menyebut tujuan kedatanganku. Selama lebih kurang sejam pertemuan Ustaz Azizul berbual-bual denganku dan dengan cermat dia mencatat setiap jawapanku dari soalan-soalannya:

1- Aduan dari orang ramai telah sampai ke pihak kami, kata mereka di kawasan kejiranan mereka -yakni tempat tinggal ustaz- sekarang ada satu kumpulan menjalankan aktiviti-aktiviti tertentu dengan menjemput seorang syeikh Tareqat Tijani dari Iran syiah… err, maaf Ustaz Rahmat, adakah syeikh itu guru awak? Siapa nama penuhnya? Adakah dia seorang tua berkulit putih berjanggut nipis?

2- Siapa dia Syeikh Abdun Nasir? Adakah dia orang Iran? Oh, jadi syeikh ustaz itu Dr. Mahmoud MrGlani masih muda, benarkah dia dari Madinah Al-Munawwarah? Jadi apakah dia bukan orang Iran?

3- Bagaimana awak boleh kenal dengan Syeikh Mahmoud dan sejak bila? Bagaimana awak boleh kenal dengan Syeikh Abdun Nasir dan apa yang awak tahu tentang lawatannya yang telah berkali-kali ke Malaysia? Apa hubungan awak dengan kedua-dua orang ini?

4- Ertinya kamu tidak tahu bahawa Syeikh Abdun Nasir telah berkali-kali melawat Malaysia dan sebelum ini dia telah mengasaskan jamaahnya di sini?

5- Yang disebut orang sebagai Ustaz Rahmat Bin Muhamad itu adakah awak orangnya? Ceritakan di mana awak belajar dahulu.
6- Pada setiap tahun berapa kalikah Syeikh Mahmoud datang melawat Malaysia? Gurunya pula berapa kali?

7- Apakah Syeikh Mahmoud dan gurunya Syeikh Abdun Nasir berkerja di bawah Syarikat PUSRATU? Laporan yang sampai kepada pihak kami menyebut bahawa Syeikh Abdun Nasir pernah datang ke pusat rawatan alternatif ini. Kalau tidak berkerja dengan PUSRATU mengapa pengasasnya sering menyebut-nyebut nama Syeikh Mahmoud dalam bual bicaranya di radio?

8- Apa alamat tempat tinggal ustaz sekarang? Adakah ustaz menghadiri sembahyang berjemaah di surau kawasan kejiranan ustaz? Apa aktiviti-aktiviti yang dijalankan di rumah (zawiyah) ustaz? Apakah aktiviti-aktiviti ini di bawah naungan organisasi atau pertubuhan tertentu? Apa nama perkumpulan ini? Apakah ia majlis zikir satu tareqat sufi? Sila beri keterangan.

9- Apakah Syeikh Mahmoud atau gurunya Syeikh Abdun Nasir ada menulis buku tentang manaqib Sidi As-Syeikh Abul Hasan As-Syazili? Apakah ustaz ada menyimpan sanad Tareqat As-Syaziliyyah yang ustaz anuti ini? Bolehkah saya minta sanad ini dari Syeikh Mahmoud?

10- Bagaimana hubungan ustaz dengan jiran-jiran sekeliling? Adakah mereka mengadu apa-apa yang tak elok mengenai jemaah ustaz? Contohnya mereka tak rasa terganggukah dengan majlis zikir yang dijalankan? Jemaah surau di kawasan kejiranan ustaz; mereka tak marahkah dengan majlis zikir ustaz atau

mereka tak tuduhkah ustaz membawa ajaran sesat?
11- Berapa ramai orang yang hadir ke majlis zikir mingguan di zawiyah? Siapa mereka? Adakah jika mengadakan majlis di rumah orang pihak ustaz akan mengenakan bayaran tertentu?

12- Syeikh Dr. Mahmoud itu apa hubungannya dengan jemaah Darul Arqam dan dengan Abuya Ashaari Muhammad? Benarkah seperti kata orang dia merupakan murid setia kepada Abuya, dia telah berbaiat kepada Abuya dan macam-macam lagi?

13- Benarkah awak yang menjadi penterjemah dalam setiap pertemuan Syeikh Mahmoud dengan Abuya Ashaari? Apakah dalam pertemuan-pertemuan itu Abuya Ashaari sendiri yang bercakap atau Ummu Jah yang bercakap untuknya?

14- Pada pendapat ustaz apakah benar isteri Abuya Ashaari (Ummu Jah) menterjemahkan kata-kata suaminya atau sebenarnya dia bercakap sesuka hatinya?

15- Siapakah pihak-pihak yang memberi perhatian terhadap usaha-usaha Syeikh Mahmoud menasihati Abuya Ashaari?

16- Apa hubungan Syeikh Mahmoud dengan pihak JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia)?

17- Adakah jemaah Syeikh Mahmoud menjalankan aktiviti di Negeri Sembilan? Untuk pengetahuan

ustaz Negeri Sembilan adalah satu-satunya negeri di Malaysia yang punya enakmen melindungi tareqat sufi. Sangat elok kalau Syeikh Mahmoud mendaftarkan tareqatnya di sana. Malangnya di negeri Selangor kita tidak ada enakmen seperti ini. Cuma saya dengar pihak yang berkenaan akan mula merangka enakmen tersebut pada tahun ini, tapi tentunya ia akan memakan masa yang lama sebelum diisytiharkan.

18- Pihak ustaz tidak terfikirkah untuk menjadikan rumah tempat ustaz tinggal sekarang ini sebagai markaz rasmi? Rasanya tentu tidak sebab ustaz pun menyewa rumah ini, tapi adakah pihak ustaz merancang untuk mendaftarkan persatuan misalnya?

Kalau bukan kerana didikan Syeikh ku nescaya aku memang dah meletup dengan soalan-soalan yang bukan-bukan itu. Bila masa pulak Syeikh ku dan Sidna Syeikh Al-Kamil jadi orang Syiah Iran yang mengajar Tareqat Tijani di Shah Alam?! Bila pulak Sidna Syeikh Al-Kamil telah berkali-kali datang ke Malaysia dan sebelum ini telah mengasaskan jemaahnya di sini?! Bila masa pulak Sidna Syeikh Al-Kamil dan Syeikh ku datang ke Malaysia berkerja dengan pusat rawatan alternatif?!

Siapa pulak jiran-jiran zawiyah kami yang menuduh khatam Al-Quran dan majlis selawat sebagai ajaran sesat lagi syirik?! Bila masa pulak Syeikh ku jadi murid setia yang bersumpah sehidup semati dengan Abuya dan Darul Arqam?! Soalan-soalan jenis ini dan yang sewaktu dengannya jelas provokatif … nasib baik sebelum pertemuan itu Syeikh ku telah memesankan aku untuk bersikap tenang, berani dan

jujur… Alhamdulillah.

Aku juga wajib mengiktiraf bahawa Ustaz Azezul mengajukan soalan-soalannya tadi dengan sesopan yang mungkin, nyata bagiku bahawa dia telah berusaha sungguh-sungguh untuk mengawal intonasi suaranya supaya perbualan kami berjalan mesra dari awal hingga ke hujung dan dalam masa yang sama dia juga tentunya mahu mengorek berbagai maklumat dariku.

Sebelum berpisah Ustaz Azezul berkata: "Harap ustaz dapat maafkan saya jika soalan-soalan tadi menyinggung perasaan ustaz ye. Saya hanya menjalankan tugas seperti yang diamanahkan oleh para atasan saya. Setakat ini saya tidak melihat ada apa-apa masalah atau penyelewengan di pihak ustaz, cuma ada aduan-aduan yang sampai ke pejabat Sohibus Samahah Mufti Selangor dari orang ramai mengenai pihak ustaz, di samping ada fail lama dalam rekod kami… tapi Sohibus Samahah Mufti tidak percaya dengan aduan-aduan tadi lalu mengarahkan bahagian kami untuk melakukan penyelidikan… tak mengapalah, ustaz pun faham hukum-hakam agama, biarlah apa orang nak cakap, ustaz teruskanlah saja kerja-kerja ustaz."

Kenyataan Ustaz Azezul tadi ku sambut baik, bagi pihak Syeikh pula aku menyampaikan undangan beliau kepada Ustaz Azezul dan para pegawai JAIS untuk hadir ke majlis-majlis zikir kami pada bila-bila masa dan di mana-mana bagi memerhatikan sendiri dari dekat serta membuat teguran jika mereka melihat ada apa-apa yang melanggar batas-batas syarak. Sila beri nombor telefon tuan-tuan dan saya sendiri akan memberi maklumat bila dan di mana kami mengadakan majlis.



Pertemuan Yang Tak Disangka

Pertemuan dengan Ustaz Azezul di penghujung Januari 2013 membuahkan tindak balas positif, surat rasmi bertarikh 6 Februari 2013 dari Penolong Pengarah Kanan Bahagian Penyelidikan & Pembangunan JAIS dialamatkan kepadaku dan intinya menyebut:

> "Sehubungan dengan itu, Jabatan ini meminta agar pihak tuan dapat menyediakan kertas kerja berhubung tarikat yang diamalkan oleh pihak tuan bagi melancar dan memudahkan proses penyelidikan dan rujukan Jabatan ini. Bersama-sama ini dilampirkan isi kandungan yang diperlukan dalam kertas kerja tersebut."

Surat tersebut aku terjemah ke dalam Bahasa Arab dan segera ku *email*kan kepada Syeikh ku di Kota Madinah. Beliau melahirkan rasa gembira dan syukur lalu menulis draft kertas kerja itu kemudian menugaskan aku untuk menyempurnakannya dengan maklumat-maklumat yang diperlukan. Pada tarikh 18 Februari 2013 kertas kerja tersebut telah dihantar dengan tangan ke ibu pejabat JAIS dan tembusannya kepada Menteri Dalam Negeri serta pihak-pihak yang berkaitan. Dalam surat balasan yang disertakan antara lain pihak kami menyatakan:

"Semasa menyediakan kertas kerja ini, kami telah berusaha merujuk dan memetik sumber-sumber asal dan muktabar berkaitan Tareqat Syaziliyyah, dan memberikan segala maklumat terkini berkaitan kegiatan dan perkembangan amalan Tareqat ini di Selangor.

"Besarlah harapan kami, agar kertas kerja ini diterima dengan baik oleh pihak Tuan, dan menjadi asas untuk seterusnya mengiktiraf dan mengizinkan amalan Tareqat ini di Selangor, serta menggalakkan perkembangan dan penyebaran amalan soleh ini di kalangan masyarakat.

"Sekiranya pihak Tuan memerlukan maklumat dan keterangan lanjut, kami sentiasa bersedia untuk membantu dan memberikan kerjasama selanjutnya."

Lama sesudah itu satu surat rasmi dari Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan & Pembangunan JAIS bertarikh 10 Julai 2013 sampai ke tanganku memberitahu bahawa:

"Jabatan ini sedang membuat penelitian terhadap profail tersebut. Jabatan ini juga akan membuat pertemuan bersama pihak tuan yang dijadualkan pada 10 September 2013 (Selasa) waktu 9.00 pagi untuk perbincangan dan penjelasan berkaitan Tariqat Syaziliyyah yang diamalkan oleh pihak tuan. Maklumat terperinci pertemuan akan dimaklumkan kemudian dan tertakluk pada pindaan."

Makluman ini ku laporkan kepada Syeikh ku dan beliau menanggapinya positif serta menyuruh aku membalas dengan kawat terima kasih.

Akhirnya tuan Ketua Penolong Pengarah dalam surat rasminya yang bertarikh 22 Ogos 2013 pun memaklumkan

kepadaku ketetapan dan perincian pertemuan yang dirancangkan seperti berikut:

Tarikh : 10 September 2013
Masa : 10:00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat
Bahagian Penyelidikan & Pembangunan
Jabatan Agama Islam Selangor
Tingkat 5, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah
40000 Shah Alam, Selangor

Waktu sedang bersiar-siar bersama Syeikh ku di Shah Alam seorang pegawai JAIS menghubungi telefon bimbitku dan bertanya berapa orang yang akan hadir pertemuan esok? Sepontan aku menjawab tiga orang dan kemudian barulah melaporkan kepada Syeikh ku. Syeikh mempersoalkan jawapanku: "Kenapa kamu tak kata sepuluh orang?!"… aduh! Ampunkan aku ya Syeikh!

Esoknya seawal jam 9:30 pagi kami sudah sampai di Bangunan Sultan Idris Shah. Syeikh ku diiringi oleh murid-muridnya Tuan Hj. Hasan Mokhtar, Tuan Hj. Ahmad Salim, Dato Hj. Adnan, Tabib Nur, Sidi Ahmad Jais, dan aku. Kami terus ke lokasi yang telah ditetapkan, pegawai protokol JAIS menyambut kaget apabila aku memaklumkan kepadanya Syeikh ku ada bersama rombongan kami. Sememangnya pihak JAIS sendiri tidak pernah meminta kepadaku senarai nama siapa yang akan hadir.

Kami dipersilakan untuk menjamah sarapan yang telah disediakan di luar bilik mesyuarat manakala pegawai tadi melesat masuk ke dalam. Sudah jam 10:00 pagi tapi masih belum dipanggil. Kira-kira jam 10:30 pagi pegawai protokol membuka pintu dan mempersilakan, apabila kami semua

bangun si pegawai berkata hanya boleh tiga orang. Syeikh memandang mukaku, aku tunduk, Syeikh ku bertanya si pegawai tidak bolehkah semua? Dia jawab sambil senyum simpul pengakap: "Pihak Syeikh sudah kata tiga orang semalam," aku tunduk lagi.

Akhirnya Syeikh ku memilih Sidi Ahmad Jais menemaninya sebagai mewakili murid-murid beliau yang lain manakala aku diajak untuk keperluan terjemahan… yang tak dapat ikut menjeling-jeling aku. Aduh! maafkan aku tuan-tuan!

Sudah jam 10:00 pagi tapi masih belum dipanggil. Kira-kira jam 10:30 pagi pegawai protokol membuka pintu dan mempersilakan. Apabila kami semua bangun si pegawai berkata hanya tiga orang sahaja yang boleh masuk...

Di dalam bilik mesyuarat itu wakil-wakil yang hadir dari pihak JAIS sudah bersedia dan Syeikh ku menyalami mereka satu persatu dengan mesra. "Assalamualaikum! *Ahlan wa sahlan ya Syeikh*!!!." Suara parau yang bersemangat itu aku kenal, beliau Dr. Abdul Hayei Abdul Shukor yang dijemput khas oleh JAIS untuk menjadi panel utama dan pakar rujuk mereka dalam muzakarah pagi ini. Dia mendatangi Syeikh ku lalu kedua-duanya berpelukan mesra bagai kawan lama yang telah berpisah sepuluh tahun. Ini satu pertemuan yang tak disangka di tempat yang tak disangka!



Muzakarah

Pihak JAIS diwakili oleh hampir 20 orang terdiri dari Dr. Abdul Hayei yang didatangkan khas dari JAKIM, para penolong pengarah JAIS termasuk Tuan Mohamad Shahrom Penolong Pengarah Penguatkuasa yang berbaju seragam bagai polis, beberapa orang wakil dari pejabat mufti dan tim penolong pegawai hal ehwal Islam. Tapi Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan & Pembangunan yang sepatutnya mempengerusikan muzakarah pada pagi 10 September 2013 ini tidak dapat hadir dan tempatnya digantikan oleh Ustaz Mohammad Hidayat Abd. Rani selaku penolong pengarah kanannya.

Aku senyum kepada Ustaz Mohammad Hidayat kerana dia juga jiran di taman perumahan tempat zawiyah kami dan selalu terserempak di surau. Ustaz Azezul ada pada pagi ini, tapi sayang Ustaz Hashim imam surau taman perumahan kami tidak ada pula. Kelihatan di hujung sana seorang pegawai muda dari unit dokumentasi sedang tekun dengan kamera video membuat liputan muzakarah.

Oleh kerana muzakarah ini panjang dan pelbagai topiknya yang dibahas sulam-menyulam, maka dalam bab ini aku hanya menumpukan kepada topik-topik yang menjadi objektif utama dari muzakarah tersebut dan bahasa perbualannya terpaksa aku sunting demi menyesuaikan

dengan bahasa buku supaya mudah difahami, tapi sama sekali tidak mengubah makna asal. Adapun topik sampingan dalam muzakarah yang tidak aku perturunkan dalam bab ini aku sentuh pula dalam bab-bab yang lain.

Ustaz Mohammad Hidayat membuka dialog dengan surah Al-Fatihah dan mengalu-alukan kedua-dua belah pihak. Dalam ucapan pembukaannya itu dia menjelaskan bahawa antara objektif Bahagian Penyelidikan & Pembangunan JAIS menganjurkan pertemuan pada pagi ini adalah untuk mendapat maklumat dan penjelasan mengenai isu-isu terkini yang diadukan kepada pihak JAIS, untuk menjelaskan apakah sebenarnya kedudukan dan apakah yang sepatutnya dilaksanakan dalam konteks peraturan-peraturan yang sedia ada. Sudah sedia dimaklumi bahawa pertemuan ini untuk berbincang, mendengar pandangan dan penjelasan beberapa pihak dalam perkara ini.

Usai dari kata-kata aluannya yang ringkas dan padat pengerusi majlis terus mempersilakan pihak Tareqat As-Syaziliyyah untuk memberi latar belakang dan penjelasan yang sewajarnya atas apa-apa yang berkaitan dengan perkara-perkara yang berbangkit.

Hendaklah Kamu Periksa

Semua yang dikatakan oleh Ustaz Mohammad Hidayat ku terjemahkan sebutir-sebutir kepada Syeikh ku dan lampu hijau telah dinyalakan untuk beliau memulakan bicara. Kata beliau sesudah memohon perlindungan ALLAH, membaca Bismillah dan berselawat:

"Yang pertama terima kasih tak terhingga kepada tuan pengerusi majlis dan kepada tuan guru kami Profesor Abdul Hayei, kepada Tuan Shahrom dan kepada ustaz-

ustaz hadirin yang mulia.

"Saya merasa amat gembira, sepatutnya yang datang hari ini adalah Ustaz Rahmat, namun apabila saya dengar tentang pertemuan ini saya pun datang dari Madinah, kalau tidak ada kapal terbang nescaya saya datang berjalan kaki. Kerana saya menyayangi tuan-tuan semua dan gembira dengan lapang hatinya tuan-tuan yang sudi mengaturkan pertemuan ini.

"Saya amat berterima kasih kepada tuan-tuan dan sebelum saya nak mula ingin saya katakan di sini bahawa jika ada apa-apa teguran atau perkara yang tuan-tuan lihat pada pihak kami selaku Tareqat As-Syaziliyyah, maka saya mohon pihak tuan-tuan untuk menyampaikannya kepada kami. Kerana kesempurnaan itu milik ALLAH dan saya berjanji dengan tuan-tuan semua bahawa apa yang ditegurkan itu akan segera saya buang.

"Kerana kita semua sama-sama kaum Muslimin. Kita sesama kita saling sempurna menyempurnakan… saya kurang di sudut ini, tuan-tuan kurang di sudut itu… jadi kita saling sempurna menyempurnakan.

"Agar saudara-saudara sekalian memahami satu perkara penting di sini suka saya nyatakan Alhamdulillah syukur kepada ALLAH bahawa Tareqat As-Syaziliyyah yang merupakan jalan tareqat Ahlus Sunnah Wal Jamaah, Sidi Abul Hasan As-Syazili yang merupakan anak keturunan Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيه وَسَلَّم, semua ulama belahan Maghribi tanpa kecuali yang antara mereka adalah tokoh pertama yang mengasaskan bidang ilmu qiraat Al-Quran iaitu Al-Imam As-Syathibi Al-Maghribi beliau adalah penganut Tareqat As-Syaziliyyah.

"Maka jika kita mengingkari As-Syaziliyyah, kita mengingkari ilmu qiraat, kita mengingkari Al-Quranul Karim dengan riwayat-riwayat qiraatnya. Kerana sepertimana kerja

yang telah dilakukan oleh Al-Imam Sibawaih dalam ilmu Bahasa Arab maka seperti itulah kerja yang telah dilakukan oelh Al-Imam As-Syathibi dalam ilmu qiraat.

"Agar sama-sama kita membuka hati kita, agar kita saling memahami antara kita sila beritahu apakah dia perkara-perkara dari Syaziliyyah yang menimbulkan masalah kepada pihak tuan-tuan, saya sedia membuangnya.

"Kalangan pegawai-pegawai tinggi kerajaan Malaysia ada yang bertanya saya dan saya katakan kepada mereka Alhamdulillah bahawa Syaziliyyah sama seperti JAIS dan JAKIM. Serupa. Tauhidnya sama, aqidahnya sama, syariatnya sama, akan tetapi lebihnya Syaziliyyah ke atas JAIS dan JAKIM ialah mereka berzikir mengingat ALLAH dengan zikir yang banyak.

"Sekarang saya ingin memberi kepada pihak tuan-tuan dua sampel dari majlis kami; pada hari Khamis khatam Al-Quran dan majlis kami pada hari Ahad khatam Dalailul Khayrat yang merupakan selawat ke atas Saiyidina Rasulullah… ini dia. (Syeikh ku menunjukkan naskah mushaf Al-Quran 30 juzu' dan naskah kitab Dalailul Khayrat).

"Namun marilah saya ceritakan kepada tuan-tuan latar belakang. Tuan-tuan sekalian, kita perlu untuk mengetahui satu perkara penting, bagaimana bermulanya isu ini?

"Rahmat menyewa rumah supaya apabila saya datang saya boleh tinggal bersamanya. Ada seorang jiran yang baik, dia hadir majlis khatam Al-Quran bersama kami, kemudian ada buku Burdah lalu dia memintanya. Dia mengambil buku Burdah … Burdah ini adalah karya Al-Imam Al-Busairi As-Syazili yang tentunya tuan-tuan tahu qasidah ini:

مَولَايَ صَلِّ وَسَلِّم دَائِـمًا أَبَدَا * عَلَى حَبِيبِكَ خَيرِ الـخَلقِ كُلِّهِمِ

Ya Robbi kurniakan selawat salam abadi

atas kekasihMu makhluk yang paling mulia

"Qasidah ini tuan-tuan tahu dari bapa-bapa dan nenek moyang tuan-tuan. Jiran tadi telah mengambil buku Burdah lalu memberikannya kepada Ustaz Hashim di surau. Ustaz Hashim -semoga ALLAH memanjangkan umurnya, semoga ALLAH memberkatinya, semoga ALLAH menjadikannya kemanfaatan kepada hamba-hambaNya dan tanah bumiNya- pergi mengadu kepada JAIS, kami ada kes penting di tempat kami, Tareqat Syaziliyyah!

"Ustaz Hashim menghubungi Ustaz Azezul yang ada bersama kita sekarang dan beritahu Rahmat untuk jumpa Ustaz Azezul di JAIS. Rahmat dipanggil lalu datang jumpa Ustaz Azezul …

"Kemudian apabila saya datang sama minta untuk bertemu Ustaz Hashim. Kami hantar kepadanya tiga sms. Saya cakap ustaz jemputlah datang ke rumah kami kita berjumpa, atau kami datang ke rumah ustaz, atau kami datang ke pejabat ustaz. Tapi tidak ada respon apa pun. Kemudian kepada Ustaz Azezul kami hantar sms, nak berjumpa, marilah berkenalan dengan saya, kita bersilaturrahim… (tapi tiada respon).

"Lihatlah tuan-tuan, saya jika tuan-tuan tidak mahu Dalailul Khayrat, jika tuan-tuan tidak mahu maulid, Burdah dibaca di Malaysia baiklah kami tak baca. Tapi ada dua perkara yang kami tak boleh mengalah untuk meninggalkannya; membaca Al-Quran dan amalan berselawat ke atas Saiyidina Rasulullah. Kerana ianya perintah yang bukan perintah dari kita manusia, ALLAH yang perintahkan kita berselawat ke atas Saiyidina Rasulullah.

إِنَّ اللهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِي

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيهِ وَسَلِّمُوا تَسلِيمًا.

"Sesungguhnya ALLAH dan para malaikatNya berselawat ke atas Nabi, wahai mereka yang beriman hendaklah kamu berselawat ke atasnya dan ucapkanlah salam akan sebagai salam yang sempurna."

Setiap kali Jumaat khatib akan berkata: Sabda Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم:

مَن صَلَّى عَلَيَّ صَلَاةً وَاحِدَةً صَلَّى اللهُ بِهَا عَلَيهِ عَشرًا

"Barangsiapa berselawat ke atasku sekali nescaya ALLAH akan berselawat ke atasnya sepuluh kali"

"Jadi ini perkara yang saya tak boleh tinggalkan. Benda lain semua boleh saya tinggalkan, melainkan mengkhatam Al-Quran dan selawat ke atas Junjungan Nabi… minta maaf… minta maaf.

"Biar saya habiskan cerita ini kepada tuan-tuan. Bulan Ramadhan saya datang… cubalah tuan guru kami Profesor Abdul Hayei lihat; ada jiran kami namanya Encik Azhar yang tinggal dekat dengan rumah kami cakap pada Ustaz Rahmat: "Ini dah Syeikh Mahmoud datang dan tinggal bersama kita di perumahan kita di bulan yang mulia pulak ni, boleh tak Syeikh Mahmoud datang ke surau kita sampaikan kuliah?" Saya kata kepada Encik Azhar saya tak suka, tapi jika encik mendesak dan warga kawasan perumahan ini setuju maka saya *samikna wa atho'na* saja.

"Ditetapkanlah jadualnya pada hari Rabu. Hari Isnin

sebelumnya lepas asar Encik Azhar beritahu pada Rahmat: "Ada ahli jawatan kuasa surau namanya Ustaz Hashim cakap bahawa Syeikh Mahmoud tidak ada tauliah dari JAIS, dia tidak dibenarkan," Encik Azhar membantah: "Ustaz Hashim, kan ada juga dari Indonesia yang dijemput dan dia pun tiada tauliah, tapi kenapa semua benarkan dia?!" kata Ustaz Hashim: "Tak apa Indonesia jiran kita, Saudi Arabia musuh kita!"

"Saya kata tak mengapalah, kita jangan buat orang marah pada kita, tak perlulah kuliah. Sedangkan kalau saya nak sampaikan kuliah… bersama kita sekarang ada Encik Ahmad Jais yang beliau ini mantan pengarah radio IKIM.fm, masjid-masjid di seluruh Malaysia mahu saya sampaikan kuliah dan sayalah satu-satunya penceramah yang tidak mahu terima bayaran. Seumur hidup saya tak pernah mengambil bayaran walau seringgit di Malaysia. Kerana yang saya cari adalah redho ALLAH dan RasulNya.

"Hari Rabu saya pergi juga ke surau, bukan untuk menyampaikan kuliah, tapi semata-mata nak berkenal-kenalan dengan jiran-jiran, saya sudah ada di sini. Saya pergi ke surau tuan-tuan sekalian, sumpah demi ALLAH tak ada seorang pun ucap Assalamualaikum, seolah-olah saya ini musuh mereka. Apa yang mereka lihat pada diri saya?! Apa yang telah saya lakukan kepada mereka?! Ada masalah apa sebenarnya?! Tolong fahamkan saya!

"Baik, mari lihat apa kemajuan yang telah saya lakukan. Kalangan murid saya yang dahulunya tiada pekerjaan, fakir… sekarang tiada seorang pun murid saya yang fakir, tiada seorang pun murid saya yang tidak berkerja, semua mereka punya pekerjaan. Yang dahulunya penagih dadah, sekarang sudah sembuh. Yang dahulunya penagih rokok, sekarang sudah sembuh. Itu semua ubatnya hanya dengan

amalan Selawat Nabi saja.

"Saya undang Ustaz Hashim, saya undang Ustaz Azezul, saya undang semua kakitangan JAIS. Silakanlah datang -moga ALLAH meredhoi tuan-tuan semua- lihat sendiri. ALLAH telah memberi amaran:

إِذَا جَاءَكُم فَاسِقٌ بِنَبَاءٍ فَتَبَيَّنُوا

"…jika orang fasik datang kepadamu membawa suatu berita maka hendaklah kamu selidik terlebih dahulu…"

… jangan kita dengar cakap musuh, mari lihat dengan mata sendiri.

"Baik, tuan pengerusi majlis jangan marah dengan saya. Tuan pengerusi majlis selaku jiran cakap pada Encik Azhar: "Jangan beri kerjasama dengan Syeikh Mahmoud, dia sedang diawasi." Untuk apa tuduhan ini?! Untuk apa reputasi buruk ini?! Apa yang telah saya lakukan kepada tuan-tuan semua?! Apa Syaziliyyah itu?!

"Untuk makluman ustaz kami adalah yang satu-satunya sepertimana yang diketahui oleh tuan guru kami Profesor Abdul Hayei… saya sendiri memerangi orang-orang sufi (yang bengkang-bengkok)!. Minggu lepas orang-orang Arqam; Ummu Jah dan kumpulannya minta dari saya untuk beri mereka Tareqat As-Syaziliyyah, mereka minta saya dapat jadi orang tengah antara pihak JAIS dengan jemaah mereka. Majlis pertemuan dengan mereka minggu lepas dirakam dan demi ALLAH saya "basuh" mereka, JAIS pun tak dapat nak basuh mereka macam mana yang telah saya buat. Saya katakan kepada mereka tiga perkara pertama yang kamu semua mesti lakukan:

- Pertama batalkan bank taqwa kamu. Tuan-tuan

JAIS dan JAKIM tak tahu apa itu sistem bank taqwa dalam Arqam. Saya tahu dengan perinciannya.

- Kedua saya katakan pada mereka tutup semua rumah-rumah anak yatim kamu yang bohong itu…
- Ketiga daftarkan nikah cerai kalangan jemaah kamu yang tak ketentuan itu…

"Siapa yang perangi kumpulan-kumpulan itu? Saya. Apakah saya minta fulus dari tuan-tuan?! Apakah saya minta apa-apa dari tuan-tuan?! Saya menginginkan redho ALLAH dan RasulNya.

"Kesufian yang kami punya tiada satu pun perlanggaran (syarak) wahai tuan guru kami Profesor Abdul Hayei. Sekarang warga kawasan perumahan tempat tinggal kami semua takut-takut dengan saya. Kenapa?! Kerana Ustaz Hashim dan ustaz besar kita ini (tuan pengerusi majlis) cakap: "JAIS sedang monitor Syeikh Mahmoud."

"Untuk apa saya dimonitor?! Jangan monitor saya tapi marilah duduk bergaul dengan saya!.

"Sesungguhnya ALLAH tidak suka terhebah tuduhan-tuduhan yang buruk dalam kalangan orang-orang yang beriman.

"ALLAH tak suka kekejian… apa yang tuan-tuan mahu sila sampaikan. Tuan-tuan nak saya pindah keluar dari Selangor? Saya pindah. Tutup fail, Assalamualaikum… beritahu saya apa tuntutan tuan-tuan, saya bersedia. Bukan kerana takut, tidak, tapi kerana mahabbah, kerana silaturrahim.

"Adapun penjelasan tentang Syaziliyyah, jika ada apa-apa soalah dari pihak tuan-tuan mengenainya saya persilakan. Bukan soalan mudah. Beri saya soalan susah. Silakan."

Syeikh ku senyum kepada tuan pengerusi majlis Ustaz Mohammad Hidayat yang juga tersenyum kepada beliau

lalu berkata: "*Kholas*?" yang ertinya sudah habis? Syeikh ku jawab *kholas*. Ustaz Mohammad Hidayat pun menyambut:

Minta Penjelasan

"*Syukran*… okay, jadi kita dah dengar penjelasan yang telah dijelaskan oleh pihak Tareqat Syaziliyyah… Syeikh Mahmoud sendiri… jadi Insya ALLAH sedikit pencerahan ini untuk kita bincang bersama, untuk kita mendapat maklumat-maklumat yang penting-penting, supaya kita dapat berkongsi dan kita dapat bincangkan bersama-sama Insya ALLAH. Jadi untuk round yang kedua saya bukalah kepada semua panel yang hadir untuk berbincang atau menyatakan pandangan ataupun soalan-soalan tertentu yang boleh kita lihat dan boleh kita kongsi bersama Insya ALLAH. Dengan ini saya mempersilakan."

Pelawaan tuan pengerusi disambut oleh Dr. Abdul Hayei. Kata beliau:

"Terima kasih saudara pengerusi… semua pihak yang hadir. Saya tidak banyak mahu bertanya tentang tareqat ini. Cuma ada beberapa perkara yang saya minta penjelasan ye. Biasanya kita dengar Tareqat Syazaliyyah ada sambungan jugak pada namanya… misalnya Syaziliyyah Al-Hamidiyyah, Ad-Darqawiyyah dan berbagai-bagai lagi. Tapi, kali ini saya tidak mendengar apa-apa tambahan di belakangnya, seolah-olah memberi kefahaman kepada saya bahawa Tareqat As-Syaziliyyah yang diasaskan oleh Abul `Abbas, ataupun oleh sesiapa jua, seolah-olahnya tidak diubah sepertimana kesannya tadi.

"Jadi, walaupun kita dapati jarak di antara pengasas bagi tareqat ini telah begitu panjang terutama sekali selepas daripada Saiyidi Abul `Abbas Al-Mursi sampai kepada

hari ini terlalu banyak tareqat ataupun syeikh-syeikh yang menaruhkan nama Abul `Abbas yang merupakan pengasas bagi tareqat ini. Jadi soalan yang ingin saya minta penjelasan di sini, apakah nama sebenarnya Tareqat Syaziliyyah ini (yang dibawa oleh Syeikh Mahmoud)… adakah ia merupakan ajarannya sama dengan jalan yang ditinggalkan oleh Abul `Abbas Al-Mursi, ataupun Abul Hasan As-Syazili, ataupun siapa saja yang sebelum daripada beliau?

"Jadi, saya ingin kalau ada perbezaan, apakah perbezaan yang didapati di dalam tareqat yang disebarkan oleh Syeikh dengan tareqat ataupun ajaran-ajaran yang ditinggalkan oleh Abul Hasan As-Syazili, ataupun Abul `Abbas Al-Mursi yang cukup terkenal di sebenarnya di negeri Mesir?

"Selain daripada itu saya juga ingin bertanya tentang erti ataupun istilah quthb yang dipakai pada beberapa nama[1], misalnya Al-Quthb Saiyidi Muhammad Jabir, Al-Quthb Saiyidi Said Al-Ghaznawi… banyak al-quthb al-quthb, tetapi sesetengahnya tidak ada al-quthb. Ada di antaranya yang menggunakan Al-Quthbul Kamil, Al-Waliyyul Kamil, Al-Waliyyus Syahir… apa erti gelaran-gelaran itu?

"Siapakah quthb yang ada sekarang ini di dalam Tareqat As-Syaziliyyah ini?

"Dan selain dari itu juga saya ingin minta penjelasan… apa komen Syeikh tentang beberapa istilah… dan sebelum itu saya meminta penjelasan… umpamanya kita dapati antara istilah itu quthbul aqhtab, autad, al-ghaust … ini antara istilah-istilah yang saya dengar banyak dipakai dalam institusi tareqat.

1- Profesor Abdul Hayei mengisyaratkan kepada beberapa nama tokoh yang tertulis pada sanad Tareqat As-Syaziliyyah seperti yang terlampir dalam kertas kerja kami yang beliau telah membacanya.

"Dan ada juga yang saya dengar bahawa beberapa orang quthb mengadakan pertemuan di Makkah, di Mesir, di Sudan… dan pertemuan-pertemuan mereka mencapai beberapa persetujuan tentang perkara-perkara besar yang berlaku di dalam dunia hari ini. Dan ada juga yang diambil sebagai keputusan tentang keadaan semasa yang berlaku dan yang akan berlaku di dunia hari ini. Siapakah mereka yang dianggap sebagai beberapa quthb yang disebutkan itu, siapakah orang-orangnya? Adakah orangnya itu telah meninggal dunia ataupun mereka itu masih hidup hari ini dan mereka yang mengendalikannya.

"Saya juga pernah mendengar perkataan ad-diwan, ra'isud diwan umpamanya… yang mengetuai mesyuarat antara beberapa quthb ini. Kerana ini sebenarnya sangat penting, kerana dalam masyarakat yang mengamalkan tareqat ini dilihat dari luar sepanjang masa berlaku pemujaan, taqdis (mendewa-dewakan) kepada syeikh-syeikh tareqat.

"Jadi jika ada dalam Tareqat As-Syaziliyyah ini, saya amat menghargai jika dapat dijelaskan apakah erti sebenarnya. Saya sehingga ini belum dapat mendengar, ataupun saya (telah) membaca tetapi belum mendengar konsep sebenarnya. Kerana difahami dalam semua tareqat ada konsep ini. Konsep quthb, al-autad, abdal dan sebagainya.

"Dan satu perkara lagi tentang rabithah[1] umpamanya… dibimbangi oleh pihak pentadbiran Jabatan Agama Islam di negara ini kerana di kalangan murid-murid … mungkin tidak di kalangan syeikh… kerana mereka mendewakan

1 - Yang dimaksudkan oleh Tuan Profesor tentang rabithah ini ialah adakah murid-murid dalam Tareqat As-Syaziliyyah apabila mereka melakukan zikir akan membayangkan wajah guru mereka seperti yang dilakukan oleh sesetengah golongan tareqat? Jawabnya tidak.

syeikh itu hingga melampaui batas. Jadi keterlaluan dalam meletakkan seorang guru sampai ke satu peringkat memuja mereka. Sangat dibimbangi oleh sesetengah pihak terutama sekali kalangan peserta perbincangan (JAIS) kali ini.

"Oleh yang demikian secara peribadi saya lebih setuju kalau kita mencari suatu jalan yang lebih hampir kepada Nabi صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم, bukan hanya menjurus sanad ini, tetapi menerusi suatu kaedah yang kita ambil, kita mengikuti sunnah Nabi صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Kerana kita berpendapat, sesungguhnya sumber air yang semakin dekat pancarannya dengan mata airnya akan lebih jernih… lebih jernih."

"Jadi kalau jalan ini boleh kita ambil, maka saya rasa kita boleh bersepakat dengan banyak tareqat, ataupun mengumpulkan mereka dalam satu konsep iaitu kita akur kepada Quran, kepada sunnah Nabi sepertimana yang saya sebutkan tadi. Dan di sana kita tidak wujudkan berlaku perbezaan antara satu tareqat dengan tareqat yang lain.

"Saya membaca sebenarnya beberapa wirid dan zikir yang ditulis, ataupun awrad yang ditulis dalam muzakkirah (kertas kerja) ini. Saya tidak mendapati apa-apa perkara besar sebenarnya, perbezaan antara satu dengan yang lain, tidak banyak. Jadi dengan itu saya tidak mahu komenlah sekalipun pada rasa saya ia tidak ma'tsur (tidak diriwayatkan) daripada Nabi صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم…

"Selain itu secara peribadinya, saya sangat menyukai qasidah Burdah, terutama sekali yang diterjemahkan oleh Ustaz Rahmat dan (bukunya) sentiasa ada pada saya, dan saya membaca qasidahnya dan terjemahannya, dan saya bersyukur kepada usaha yang telah dilakukan oleh Syeikh Rahmat.

1- kertas kerja.

"Saya membaca juga, di antara keistimewaan di dalam Tareqat Syaziliyyah ini ialah zikir mufrad. Jadi zikir mufrad tidak ada dalam muzakkirah[1] ini, tapi zikir mufrad itu dikatakan sebagai keras. (Ia merupakan) awrad yang dikemukakan oleh pengasas bagi Tareqat As-Syaziliyyah ini… sama ada Abul Hasan atau Abul `Abbas… saya tidak pasti. Beberapa laman youtube di dalam internet dapat saya lihat di antaranya Tareqat As-Syaziliyyah Al-Hamidiyyah … di sana memperlihatkan bagaimana zikir mufrad itu dibaca. Jadi bacaan yang seumpama itu adakah ia merupakan suatu sunnah daripada Nabi صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم ataupun sebagai suatu rekaan?

"Sebagai contoh saya lihat misalnya (mereka berzikir dengan menekan suara) HU! HU! HU! HU!... begitu. Jadi saya rasa itu di antara wirid yang tidak pernah saya lihat di dalam tareqat-tareqat yang lain, sekalipun saya punya komen yang lain pula tentang tareqat-tareqat yang lain dalam penilaian saya.

"Dan ada juga saya dengar satu tareqat yang berkembang di Mesir kalau tak salah saya, antara zikir mufradnya, disebutkan dalam satu keadaan QUL HU! QUL HU! QUL HU! QUL HU!... begitu. Saya tidak boleh pastilah berapa bilangannya tetapi sekali sekala saya merasa ganjil sebenarnya melihat …sekalipun pada zikir-zikir asas seperti Dalailul Khayrat dan Burdah sangat saya setuju.

"Jadi dengan itu saya kita tentu kita boleh terima konsep seperti yang saya sebutkan tadi… maka satu jalan yang amat baik untuk kita dapat merapatkan hubungan antara satu dengan lain. Kerana tujuan pentadbiran agama Islam di negara ini adalah untuk menghapuskan perbezaan ataupun mengecilkan perbezaan antara satu dengan yang lain. Kerana untuk menghapuskan semua tareqat itu adalah suatu

perkara yang sangat sulit, kerana perbezaan masing-masing dan kedudukan masing-masing di dalam tareqat itu.

"Soalan yang akhir sekali… saya meminta penjelasan adakah pemimpin-pemimpin tareqat hari ini mereka mempunyai target sebenarnya untuk sampai ke suatu puncak di dalam tareqat masing-masing sama ada wali ke, wali abdal ke, autad ke, quthb ke dan sebagainya… saya rasa itu juga mempengaruhi keadaan murid-murid untuk masuk ke tareqat itu dengan harapan suatu hari nanti mereka akan meningkat sampai kepada kedudukan yang istimewa dalam tareqat sufi.

"Jadi saya rasa dengan itu setakat ini dulu sebagai permulaan dari saya di dalam meminta penjelasan daripada Tuan Syeikh. Dan kalau ada apa-apa komen nanti saya akan susul kemudian. Terima kasih."

Tasawuf
Untuk Ubudiyyah Kepada ALLAH

Syeikh ku terus menyambut ucapan Profesor Abdul Hayei tadi dengan berkata:

"Terima kasih buatmu tuan guru kami Profesor Abdul Hayei. Masya ALLAH, semua penjelasan tuan tadi memberi petunjuk kepada cinta, dan semangat tuan yang membara terhadap agama Islam. Saya berkongsi perasaan ini dengan tuan seratus peratus.

"Sebelum saya nak bercakap, ini Encik Ahmad Jais… saya akan menjawab soalan-soalan tuan tadi tapi sebelum itu kita tanya kepada Encik Ahmad Jais. Encik Ahmad Jais, sekarang sudah berapa tahun saudara bersama kami, bersama saya, kita beramal zikir sama-sama… sudah berapa tahun?"

Sidi Ahmad Jais jawab: "Kurang lebih tiga tahun."

"Baik, dari semua persoalan yang dibangkitkan oleh tuan guru kita Profesor Abdul Hayei tadi, apakah saudara pernah mendengar saya bercakap soal-soal itu? Apakah kita pernah amal zikir HUWA? Apakah kita pernah amal zikir QUL HUWA? Apakah pernah saya membicarakan tentang abdal, tentang aqthab? (Sila jelaskan) secara ringkas."

"Kemudian dalam tempoh tiga tahun ini sila saudara beritahu kepada tuan-tuan di sini apa yang kita lakukan dalam majlis-majlis kita. Dengan jujur dan telus sila sampaikan. Sebab di sini sekarang kita bersama-sama mahu berdamai, bermuafakat, kita tidak mahu bersalah-salahan"…

Sementara Sidi Ahmad Jais menyampaikan ucapan Syeikh ku minta izin ke bilik air untuk memperbaharui wudhu' beliau. Sidi Ahmad Jais berucap menceritakan pengalamannya bersama Syeikh ku bahawa dia tidak pernah melihat ada apa-apa seperti yang disebut oleh Professor Abdul Hayei tadi. Dia menjelaskan bahawa kandungan majlis-majlis zikir yang diikutinya bersama Syeikh ku tidak lain dari khatam Al-Quran, Dalailul Khayrat dan wirid-wirid harian yang tidak berhubung kait dengan zikir-zikir yang dipersoalkan tadi begitu juga soal istilah-istilah yang dibangkitkan. Syeikh ku pun sampai dan kembali ke tempat duduknya lalu menyambung bicara.


"Baik, sebelum kita nak meneruskan perbincangan di sini kami telah terjemahkan buku Bekalan Murid Menuju ALLAH yang di dalamnya mengandungi pengenalan menyeluruh (tentang Tasawuf)… (Syeikh ku bangun dan menghadiahi naskah-naskah buku tersebut kepada pengerusi majlis, Profesor Abdul Hayei, Tuan Shahrom dan kemudian kembali menerangkan) … buku ini terdiri dari 50 buah artikel yang saya tulis dalam Bahasa Arab kemudian diterjemahkan oleh Rahmat ke dalam Bahasa Melayu.

Semua di dalamnya menerangkan apakah itu Tareqat As-Syaziliyyah. Kami telah menghantar buku ini kepada Ketua Pengarah JAKIM Dato Othman Mustafa, beliau gembira dengan buku ini dan menyebut bahawa pihaknya akan menjadikan buku ini sebagai rujukan di JAKIM… ini surat penghargaan dan tandatangan dari beliau.

"Tuan guru kami Profesor Abdul Hayei, saya merasa gembira kerana di Malaysia ada peribadi-peribadi seperti tuan, kerana saya sependapat dengan tuan seratus-peratus bahawa kita takkan mampu untuk menghapuskan atau membatalkan Tasawuf. Tetapi yang boleh dilakukan ialah memperbaiki apa dapat diperbaiki dan menjauhkan mereka (komuniti sufi) dari soal-soal ghaib kerana masalah persoalan-persoalan ghaib ialah siapa saja syeikh atau ustaz yang masuk menerawang dalam perkara-perkara ghaib nescaya dia berbohong dan terus berbohong dan jemaahnya semua jadi pembohong. Wahai tuan, kerana yang ghaib itu wajiblah tetap menjadi ghaib.

"Apa erti ghaib? Ertinya ghaib! Kalau dikeluarkan… tiada izin… jadi akan berlakulah penipuan yang banyak di dalamnya. Kerana sebab ini madrasah kami tidak menyentuh apa-apa isu yang bersifat ghaib, kami tidak memperdulikannya, kami tidak mengambil pusing soalnya, kami tidak mempelajarinya. Sebaliknya semua pekerjaan kami ialah bagaimana kami mahu ubudiyyah kepada ALLAH. Bagaimana kami mahu menjadi jujur dalam ubudiyyah kepada ALLAH.

"Kerana seperti yang tuan profesor dan para hadirin tahu bahawa ALLAH Subhanahu wa Taala telah menciptakan kita -kerana suatu hikmah yang ALLAH mahu-kita ini menyembah nafsu kita sendiri. Melainkan siapa yang diberi taufik, ditolong dan dimuliakan oleh ALLAH maka dia berubah



KETUA PENGARAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)
ARAS 9, BLOK D7, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62519 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel : +603 - 8886 4000
Faks : +603 - 8889 2033
E-mel : hjothman@islam.gov.my
Laman Web : http://www.islam.gov.my

1

Ruj. Kami : JAKIM.KP.100-21/1 Jld.6 (32)
Tarikh : 15 April 2013
9 Jamadil Akhir 1434H

Ir. Ahmad Jais bin Alias As-Syazili
Principal Consultant
Cema Minda Sdn. Bhd
No. 57B, Jalan Medan Pusat 2D
Persiaran Bangi, Seksyen 9
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tuan,

HADIAH BUKU DARI TOKOH ULAMA' AL-MADINAH AL-MUNAWWARAH: SYEIKH DR MAHMOUD MRGLANI AL-HUSAYNI

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas berpandukan surat tuan CM.HB.JAKIM/13/3(1) bertarikh 9 April 2013.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa naskhah buku tersebut telah pun diterima. Jabatan ini ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas edaran tersebut dan akan menjadikan buku tersebut sebagai rujukan dalam jabatan.

3. Perhatian dan keprihatinan tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, *wassalam.*

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"WASATIYYAH TOGGAK KESATUAN UMMAH"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA)

Surat penghargaan dan pengiktirafan dari Ketua Pengarah JAKIM terhadap buku Bekalan Murid Menuju Jalan Akhirat karya Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani.

dari ubudiyyah terhadap nafsunya kepada ubudiyyah terhadap ALLAH Subhanahu wa Taala.

"Jika terdapat apa-apa jalan selain jalan zikir yang dapat membawa saya dari ubudiyyah terhadap nafsu saya kepada ubudiyyah terhadap ALLAH maka saya berjabat tangan bersepakat dengan Tuan Profesor .

"Semua orang beribadat menyembah nafsu mereka sendiri, melainkan siapa yang ALLAH beri dia taufik untuk beribadat menyembah ALLAH. Maka ALLAH mengutus para rasul agar kita manusia berpindah dari ibadat kepada nafsu sendiri kepada ibadat bagi ALLAH. Jalannya cuma satu dan tidak ada dua jalan…

يَا أَيُّـهَا الَّذِينَ آمَنُوا اذْكُرُوا اللهَ ذِكرًا كَثِيرًا…

"Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu berzikir mengingat ALLAH dengan zikir yang banyak…"

"Apa ertinya bilamana ALLAH menyebut zikir yang banyak? Ertinya jika kita sehari ada 24 jam, kita berzikir 100 jam jika kita ada masa itu.

"Biarlah saya menjawab satu persatu, jika saya lupa menjawab mana-mana dari soalan tadi harap tuan profesor dapat ingatkan saya supaya saya boleh jawab.

Kami Adalah Satu-satunya

"Yang pertama Alhamdulillah cabang tareqat kami tidak menambah apa-apa nama selepas nama asal. Kerana tokoh yang telah mengkhidmati tareqat ini adalah Sidi Abdus Salam Bin Basyisyh. Beliau berkata kepada muridnya: "Wahai Abul Hasan! Aku telah mengkhidmati tareqat ini…" Apa erti mengkhidmati tareqat? Ertinya telah membuka jalan yang pendek dan laju menuju ALLAH Subhanahu wa Taala. Apa cara beliau melakukannya? Itu soal peribadi antara beliau dengan ALLAH…

"Bagaimana tuan-tuan nak tahu bahawa suatu tareqat itu soheh dan satu lagi tidak soheh? Ialah kalau tareqat yang soheh itu tuan akan dapati wajah-wajah pengamalnya berseri-seri, khususnya di dalam majlis zikir. Itu ertinya hati mereka bercahaya. Bagaimana caranya hati bercahaya?

أَلَا بِذِكرِ اللهِ تَطمَئِنُّ القُلُوبُ

"Ketahuilah bahawa dengan zikir mengingat ALLAH hati menjadi tenang."

dan Tuan Profesor adalah mahaguru ahli tafsir di

Malaysia. Semoga Robbana menolong dan memberi taufik kepada tuan untuk menyelesaikan kitab tafsir tuan yang besar itu. Inilah dia

أَلَا بِذِكرِ اللهِ تَطمَئِنُّ القُلُوبُ

"Ketahuilah bahawa dengan zikir mengingat ALLAH hati menjadi tenang."

"Ertinya hati ini takkan dapat berperanan, takkan dapat jadi bersih, takkan dapat jadi suci melainkan dengan zikir. Baik, ada dua jenis zikir; ada jenis zikir yang semuanya telah tercatat dalam Al-Quran seperti:

- حَسبُنَا اللهُ وَنِعمَ الوَكِيل
- حَسبِيَ اللهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيهِ تَوَكَّلتُ وَهُوَ رَبُّ العَرشِ العَظِيم
- لَا إِلَهَ إِلَّا أَنتَ سُبحَانَكَ إِنِّي كُنتُ مِنَ الظَّالِمِين
- رَبِّ لَا تَذَرنِي فَردًا وَأَنتَ خَيرُ الوَارِثِين
- رَبَّنَا لَا تُزِغ قُلُوبَنَا بَعدَ إِذ هَدَيتَنَا وَهَب لَنَا مِن لَدُنكَ رَحمَةً إِنَّكَ أَنتَ الوَهَّاب

"Semua ini, semua doa-doa ini adalah antara seagung-agung doa. Kerana Al-Quran itu tiada yang lebih agung darinya. Akan tetapi, marilah kita perhatikan perkara penting ini kerana Tuan Profesor selaku akal pemikir yang besar, saya

mahu bercakap sekarang dengan tahap yang tinggi ini. Kami dalam As-Syaziliyyah apa yang kami katakan:

"Yang pertama hendaklah kamu amalkan selawat ke atas Saiyidina Rasulullah. Kerana berselawat ke atas Saiyidina Rasulullah akan meluaskan ruang hati. Supaya nanti tidak berlaku tak tentu arah.

"Kami adalah As-Syaziliyyah yang satu-satunya… dalam jemaah tareqat kami tidak ada orang majzub tidak ada orang gila. Adapun kalau dalam An-Naqsyabandiyyah dan Al-Qadiriyyah -dengan sepenuh penghormatan saya kepada mereka- mereka ada jazabat[1] . Mengapa itu berlaku? Kerana mereka tidak mengamalkan selawat ke atas Saiyidina Rasulullah. Saya tidak mengatakan mereka salah, saya tidak ada urusan dengan mereka, akan tetapi yang saya katakan adalah tentang diri kami.

"Kamilah satu-satunya cabang dalam Tareqat As-Syaziliyyah yang tidak ada menari, kami tidak ada hadrah, kami tidak ada HU HU, kami tidak ada HO HAW… itu semua tidak ada pada kami…"

Pantaulah Dari Dekat

Syeikh ku melanjutkan ucapan beliau dengan menerangkan isi amalan zikir dalam Tareqat As-Syaziliyyah; mengapa kita perlu mengamalkan istighfar, faedah amalan istighfar, mengapa kita perlu berselawat, faedah mengamalkan selawat… Syeikh ku juga memberi berbagai contoh dari isu-isu semasa yang berlaku dalam masyarakat Malaysia dan tanggungjawab pihak Jabatan Agama dalam menanganinya untuk memberi pencerahan terhadap perkara-perkara yang

1- Jazbah atau jazabat dapat diertikan sebagai tertarik keluar dari kewarasan kerana tidak dapat menanggung suatu perasaan.

yang dibangkitkan oleh Tuan Profesor tadi. Kerana suatu sebab Profesor Abdul Hayei mengangkat tangan mengajukan soalan kepada Syeikh ku sekaligus membawa perbincangan pindah ke topik-topik baru. Tuan Profesor bertanyakan soalan-soalan yang mafhumnya seperti berikut:

> 1- Untuk apa dalam tareqat Tasawuf perlu ada sanad yang panjang-panjang? Pada pendapat saya (Profesor Abdul Hayei) tidak perlu kepada sanad dan nama yang panjang-panjang untuk satu tareqat, tukarkan saja (contohnya) kepada Tareqat As-Syaziliyyah, atau Tareqat Al-Masyisyiyyah ataupun kita sebut saja sebagai At-Thoriq As-Sunnah An-Nabawiyyah umpamanya, cukup…selesai. Jadi dengan itu kalau itu boleh diterima maka tidak ada apa-apa masalah lagi antara pentadbiran agama dengan tareqat ini khususnya.

Syeikh ku mengangguk dan berkata: "Setuju! Alhamdulillah!."

> 2- Namun begitu kerana wujudnya segala penambahan ini maka adalah menjadi tanggungjawab bagi pentadbiran agama mengawasi… kalau-kalau ada perkara-perkara yang tersembunyi…yang kita (pentadbiran agama) tidak ketahui…

Di sini Syeikh ku segera menegaskan: "Sila hadir (majlis tareqat kami) setiap hari. Berikan kepada saya (nombor telefon bimbit tuan-tuan), saya akan sms, bila-bila diadakan majlis saya undang tuan-tuan. Saya tidak mahu tuan-tuan memantau saya dari jauh, sila hadir majlis! Dan lihat sendiri

jika ada apa-apa perlanggaran (syarak), demi ALLAH saya *delete*."

Mendengarkan itu Profesor Abdul Hayei menyambut: "Sebenarnya secara peribadi di sini saya bercakap, tidaklah atas nama pentadbiran (agama), mungkin ada (pegawai) pentadbiran yang dalam penyiasatan mereka ada perkara-perkara yang belum lagi disebut oleh Syeikh di sini. Dan kalau tak ada semua sekali itu mengapa kita (pihak pentadbiran agama dengan pihak tareqat) boleh dianggap berbeza antara satu dengan lain?! Kami juga mempunyai prinsip Al-Quran, Hadis, ijmak ulama, dan dalam mazhab fiqh kami bermazhab Syafie. Ini prinsip kami. Jadi, oleh yang demikian saya kira tidak ada perbezaan itu.

"Namun yang demikian Syaziliyyah juga tidak perlu ada di sini… kalau prinsip itu boleh diterima (maka pihak tareqat) tukarkan saja; prinsip-prinsip kami ialah Al-Quran, As-Sunnah, ijmak ulama dan bermazhab Syafie. Jadi dengan itu kita boleh terima, tapi Syaziliyyah kita tinggalkan supaya masyarakat tidak terkeliru. Itu satu pandangan saya secara peribadi."

Syeikh ku mendengarkan itu dengan saksama lalu menyambut: "Untuk makluman tuan Profesor, Sidi Abul Hasan As-Syazili itu berasal dari Maghribi dan beliau selama hidupnya bermazhab Maliki. Apabila beliau datang ke Mesir dan tinggal di Mesir maka kerana beradab dengan Imam As-Syafie (yang bermakam di Mesir) dan dengan mazhab Syafie (yang menjadi pegangan masyarakat Mesir) beliau pun berpindah ke mazhab Syafie. Jadi itu tidak ada masalah."

Isu Sanad Tareqat Tasawuf

Profesor Abdul Hayei selanjut mengingatkan Syeikh ku untuk memberi jawaban terhadap persoalan sanad yang

beliau timbulkan sebentar tadi. Maka kata Syeikh ku sambil tersenyum:

"Kalau saya tahu yang Profesor Abdul Hayei akan hadir (dalam pertemuan ini) tentu saya sudah bawakan sanad-sanad saya dalam bidang ilmu hadis. Tuan Profesor! Isu sanad… menjadi antara keagungan umat Nabi Muhammad adalah wajib mereka bersanad. Jika tidak ada sanad, tidak ada rijal dari rijal, dari rijal… dari sahabat, dari Saiyidina Rasulullah nescaya siapa saja dengan sesuka hatinya akan bercakap apa yang dia mahu.

"Kita dalam bidang ilmu hadis ada dua jenis ilmu yang kuat, ada dua gunung nan tinggi iaitu ilmu diroyah dan ilmu riwayah. Ilmu diroyah ertinya makna hadis manakala ilmu riwayah ertinya ilmu rijal dan ilmu sanad iaitu siapakah mereka para rijal hadis itu.

"Kita takkan boleh (meninggalkan sanad)… sanad sangat penting. Bagaimana kita nak dapat berhubung dengan Saiyidina Rasulullah?! Contohnya imam Masjid Sultan Selangor, Ustaz Mustafa… orang kena datang mengaji kepada beliau barulah beliau boleh memberi sanad yang bersambung kepada Saiyidina Rasulullah dalam ilmu qiraat. Ini soheh! Demikian juga saya; di Makkah saya mengaji kepada Syeikh Al-Fadani[1] ilmu hadis, semua hadis beliau beri kepada saya dan saya ada sanad-sanad yang saya ambil dari Syeikh Al-Fadani dan beliau di zamannya adalah pemegang sanad tertinggi di dunia. Ini dalam bidang ilmu syariat, sanad sangat penting dan kudus, tiada siapa dapat membatalkannya.

1- Maksud Syeikh ku ialah guru beliau Musnid Al-`Ashr As-Syeikh Muhammad Yasin Bin Isa Al-Fadani yang wafat di kota Makkah Al-Mukarromah tahun 1410H – 1990M.

"Demikian jugalah (halnya dalam tareqat Tasawuf) wahai Tuan Profesor… ini untuk maklumat, bukan untuk berselisih pendapat, tidak. Kita bertukar-tukar maklumat."

Di sini Profesor Abdul Hayei mencelah lalu mengajukan soalan yang intinya seperti berikut:

Para Rijal Tasawuf

> 3- Adakah isnad/sanad di dalam Tasawuf sama dalam kaedah isnad dalam hadis? Kerana hadis mempunyai kaedah isnad; hendaklah bersambung, hendaklah adil…ini semuanya syarat. Adakah isnad dalam tareqat Tasawuf mempunyai ciri-ciri yang sama dalam kitab-kitab hadis? Dalam ilmu hadis ada ilmu rijalnya, ada naqdnya, di sana juga ada jarh dan ta'dilnya. Apakah di dalam isnad ilmu Tasawuf ini, ilmu Tareqat khususnya tunduk kepada kaedah jarh wa ta'dil dan mereka (para rijal tareqat Tasawuf) ini boleh didapati di dalam kutubur rijal (kitab ilmu rijal hadis) dan adakah mereka masyhur di dalam rijalul hadis (para tokoh pengriwayatan hadis)? Maknanya kita boleh dapati mereka ini di dalam kitab-kitab yang ditulis oleh para ulama seperti Ibnu Hajar dalam Tahzibut Tahzib menerusi Abdullah Ibnul Mubarak dan lain-lain lagi yang merupakan tokoh di dalam ilmu jarh wa ta'dil? Jika kita menggunakan kaedah ilmu hadis maka bolehkah kita selidiki nama-nama para tokoh tareqat Tasawuf yang ada dalam sanad-sanad tareqat?

Syeikh ku menyambut baik soalan tadi dengan berkata: "Jadi, di sini Profesor telah mengutarakan perkara ini dari

satu dimensi. Itu soheh, tuan berhak; sepertimana yang dilakukan kepada para rijal hadis maka demikianlah juga pada rijal tareqat perlu ada tahqiq (selidik). Akan tetapi masalahnya di sini amat asasi dan ini yang tidak sampai kepada otak pemikiran masyarakat; bahawa para rijal dalam sanad (tareqat Tasawuf) ini setiap orang dari mereka menyembunyi diri di bawah tanah. Dia tidak mahu dirinya dikenali. Bahkan jalan tareqat yang diberinya hanya diberi kepada dua tiga empat orang, dia tidak peduli kepada orang lain!

"Contohnya, saya Mahmoud. Katalah sekarang saya ada dua tiga ribu orang murid di Malaysia, di Maghribi sedikit, di Makkah, Madinah, Jeddah, di Jordan, Mesir, Turki, Perancis… daripada seramai-ramai murid itu, murid-murid penuju ALLAH -biarlah saya jujur saja dengan tuan- boleh jadi di kalangan seramai-ramai itu yang murid sejati hanya satu, dua, tiga murid. Baki yang lain semuanya bertujuan mahu mendapatkan rawatan bagi masalah-masalah mereka. Masalah mentalnya, masalah jiwanya, masalah keluarganya. Jadi dia datang berzikir demi kerana maslahat duniawi. Bukannya dia mahu dari zikir itu redho ALLAH dan redho RasulNya.

"Di zaman ini wahai Tuan Profesor -dan saya bersama tuan-tuan semua- sila tuan-tuan pejam mata masing-masing! Entah sudah berapa tahun kita menunaikan solat, adakah satu dari solat-solat kita itu diterima atau tidak? Kita tidak tahu. Apakah kalau kita sekarang ini mati, adakah kita akan ke syurga atau ke neraka? Kita tidak tahu."

Kembali kepada Asas

Di sini Tuan Profesor mencelah meminta penjelasan

yang intinya seperti berikut:

> 4- Kembali sekali lagi kepada isu isnad. Di sini dikemukakan isnad rijal tareqat Taswuf, kita tidak patut mengkritik mereka, bahkan kita kena menerima mereka dan mereka semua sudah meninggal dunia. Tapi kita tidak dapat mengetahui mereka dari kitab-kitab rijal hadis, kita tidak dapat mengetahui nama-nama mereka dalam kitab-kitab kaedah jarh wa ta'dil .

Syeikh ku terus menyambut dengan berkata: "Bahkan ada kalangan mereka (dapat kita ketahui dalam kitab rijal hadis), contohnya Ibnu `Atho'illah As-Sikandari, contohnya lagi Sidi Ahmad Zarrouq yang merupakan mujaddid kurun ketujuh…" ini disambut pula oleh Profesor dengan menyambung persoalan tadi yang intinya:

> 5- Itu benar, sebahagian dari mereka memang ada disebut dalam kitab rijal hadis tapi tidak semua. Tapi dalam ilmu hadis ada kaedah dalam meneliti sanad seperti al-inqitha' (putus sanad), ada al-intiqal (perpindahan sanad), ada yang majhul (tidak diketahui), ma'ruf (diketahui), munkar (diengkari)… jadi bila kami mengguna pakai kaedah isnad dalam hadis kepada isnad dalam tareqat kami gagal. Kami tidak dapat mengenali siapa mereka para rijal tareqat Tasawuf itu dengan mengguna pakai kaedah isnad hadis. Jadi kami mahu berbincang hingga kita bertemu pada satu titik dan kita mahu mencapai satu persetujuan dalam satu isu yang dikatakan sebagai isu sanad tareqat Tasawuf. Saya rasa di sinilah masalahnya kita pada hari ini.

Syeikh ku menerima baik celahan itu lalu menyambut: "Saya tidak rasa di sini ada masalah yang besar. Kerana isu ini wahai Tuan Profesor -dengan sepenuh penghormatan saya kepada tuan-tuan- tidak mungkin dapat diselesaikan. Dan saya tidak peduli dengan solusi ini. Kenapa? Kerana kita kembali kepada asas; kami mahu ibadat kepada ALLAH, kami ada Al-Quran dan amalan selawat ke atas Saiyidina Rasulullah. Datang kepada kami sanad ini dari sana atau dari sini… itu tidak mungkin kita dapat menyiasatnya.

"Biarlah saya masuk menyelam ke dalam untuk menjawab Profesor, perkara ini lazim diketahui oleh tuan-tuan semua. Wahai Tuan Profesor, tuan telah membangkitkan soal sanad hingga ke satu titik dan tuan mahu mengunci pada titik ini, biarlah saya membukanya dengan sepenuh kelembutan.

"Tuan, jika tuan mahu mengetahui ilmu-ilmu sanad, Al-Imam Jalaluddin As-Suyuthi adalah pengarang Al-Fatawi[1]… jika tuan tidak ada kitab-kitab rujukannya saya akan beri, semua soalan-soalan yang tuan mahukan jawapannya tadi telah disebut dalam fatwa-fatwa Al-Imam As-Suyuthi. Dan Al-Imam As-Suyuthi itu dikenali sebagai salah seorang ulama besar dalam ilmu hadis.

"Dan tuan juga boleh merujuk kepada Sidna Ibnu Hajar Al-Asqalani dalam kitab beliau yang terkenal tentang tokoh-tokoh kurun ke lapan hijrah[2]. Beliau dalam kitab itu telah membicarakan para rijal dan tentang sanad-sanad dan tentang para masyaikh as-sufiyyah. Bahkan beliau telah membuktikan bahawa Ibnu Taimiyyah sesungguhnya telah mengambil Tareqat Al-Qadiriyyah dan ini telah disebutkan

1- maksud Syeikh ku kitab Al-Hawi Lilfatawi yang menghimpun fatwa-fatwa Al-Imam As-Suyuthi.

2- Maksud Syeikh ku kitab karya Al-Imam Ibnu Hajar Al-Asqalani yang berjudul Ad-Durarul Kaminah Fi A'yan Al-Mi`ah As-Tsaminah.

oleh Ibnu Qudamah Al-Maqdisi yang merupakan kalangan siswanya.

"Maka wahai tuan, tuan-tuan sekalian dan tuan pengerusi majlis. Terima kasih kepada pihak JAIS yang telah memberi kepada saya peluang ini. Sila fahami kalam ini kerana tuan-tuan takkan menemuinya di dalam kitab dan tidak juga pada siapa-siapa, bahawa para rijal Tasawuf itu jika mereka jujur dengan ALLAH maka mereka tidak mahu kemasyhuran, mereka tidak mahu pangkat kedudukan, mereka tidak mahu memimpin, mereka tidak mahu apa-apa dari dunia, mereka tidak mahu apa-apa melainkan redho ALLAH dan RasulNya. Mereka tidak mahu sanad, mereka tidak mahu ilmu melainkan zikrullah.

"Maka kerana sebab ini adalah tidak mungkin -sejak daripada zaman Al-Imam Al-Ghazali- adalah tidak mungkin dan tidak mungkin untuk bersetuju antara ulama zahir iaitu ulama-ulama syariat yang masyhur yang mengambil pangkat jabatan, kedudukan pangkat dunia dengan ulama-ulama Akhirat yang tidak mahu pangkat kedudukan di dunia. Maka sentiasalah antara kedua pihak ini ada khilaf, sentiasalah ada "perang" antara dua pihak ini.

"Untuk supaya perkara ini jadi mudah kepada saya dan tuan-tuan, dengan *simple* saja, silakan hadir ke majlis-majlis kami. Jika ada yang menyalahi syariat kami akan padam *direct*.

"Dan saya -mohon maafkan saya- dengan sepenuh tawadhu', dengan hina diri dan remuk redam hati saya mencabar tuan-tuan untuk memperlihatkan kepada saya (dalam majlis-majlis tareqat saya) ada satu kesalahan yang menyalahi syariat. Sila rekodkan kata-kata ini dan dipersilakan tuan-tuan ke majlis-majlis kami."

Tasbih Kaffarah

Lebih kurangnya selepas ucapan penggulungan dari Syeikh ku itu sudah selesailah tujuan utama dari muzakarah ini. Tuan pengerusi majlis pula asyik menjeling-jeling aku seolah-olah memberi isyarat masa mesyuarat dah hampir tamat tapi beliau tetap juga memberi peluang kepada ahli-ahli panel yang lain untuk bertanya soalan. Penolong Pengarah Penguatkuasa JAIS mengambil peluang mengajukan soalan sampingan kepada Syeikh ku apa pendapat beliau tentang Ustaz Ashaari Muhammad (isu Al-Arqam) dan isu membilang zikir menggunakan anak-anak batu lalu dijawab dengan panjang lebar oleh beliau hingga yang hadir semuanya senyum puas hati.

Setelah tuan pengerusi sekali lagi menyoal kepada ahli-ahli panel jika mahu bertanya apa-apa soalan lain lalu tidak mendapat respon dari mereka maka tuan pengerusi pun membuat ucapan penutup dengan menegaskan bahawa pertemuan ini adalah untuk mendengar penjelasan dan sama sekali bukan bertujuan mahu mencari salah sesiapa, akan tetapi JAIS selaku pihak berkuasa agama di negeri ini dipertanggungjawabkan untuk menangani aduan-aduan yang sampai kepada mereka seterusnya akan mengambil keputusan-keputusan yang sewajarnya.

Tuan pengerusi majlis tidak lupa berterima kasih kepada pihak-pihak yang hadir serta berdoa agar perjumpaan ini akan memberi kebaikan kepada semua. Kemudian sepertimana kebiasaannya kita orang Melayu, tuan pengerusi pun mengakhiri pertemuan dengan membaca Surah Al-`Ashr dan tasbih kaffarah lalu semua yang hadir bersalam-salaman mesra sebelum berpisah.



Bangkitlah Wahai Pewaris

Aku bersyukur kepada ALLAH kerana berpeluang menyertai Syeikh ku Dr. Mahmoud MrGlani Al-Husayni -moga ALLAH meredhoi guruku- dalam muzakarahnya bersama Jabatan Agama pada bab sebelum ini. Alhamdulillah, terima kasih wahai guruku. Dari muzakarah itu dapat aku belajar berbagai perkara yang suka aku nak kongsikan dengan sidang pembaca budiman, khususnya saudara-saudariku dari kalangan muridin dan muridat tareqat-tareqat sufi Islam yang muktabar dalam aliran Ahlus Sunnah Wal Jamaah di tanah airku yang tercinta.

Antara pesan yang diingatkan selalu oleh Sidna Syeikh Al-Kamil dan diulang-ulang oleh Syeikh ku kepada murid-murid beliau dan kepada para pewaris tareqat-tareqat sufi yang beliau kunjungi atau yang mengunjungi beliau ialah:

> "Mari kita masing-masing memberi tumpuan untuk mengembang tenaga positif dan membina, supaya kita menjadi pihak yang memberi kesan, bukan pihak yang menerima pengaruh. Ertinya kita harus mula membuat perubahan yang disuruh oleh ALLAH Subhanahu wa Taala dan RasulNya صَلَّى اللّٰهُ عَلَيه وَسَلَّم iaitu perubahan baik yang kita mahu untuk diri kita, sebelum orang lain dari timur dan barat

memaksakan perubahan yang mereka mahu ke atas diri kita… waktu itu kita sudah terlewat masa."

Baik pegawai Jabatan Agama atau orang lain, siapa sahaja yang berakal waras memang tidak akan ada apa-apa masalah dengan mana-mana komuniti tareqat sufi yang mereka itu sayugianya ahli zikir. Tetapi apabila pihak berkuasa agama melihat berlaku dalam kelompok tertentu perkara-perkara yang bukan-bukan seperti dakwa-dakwi itu dan ini, kahwin lari, kahwin banyak tapi tidak bertanggungjawab, imej malas, mundur, pengangguran, kotor dan berbagai-bagai lagi yang menimbulkan kekeliruan bahkan fitnah di tengah masyarakat itulah yang menjadi biang masalahnya. Komuniti sufi wajib menginsafi kebenaran dan menjauhi perkara-perkara yang boleh merosakkan reputasi Tasawuf kerana siapa saja yang menjadi sebab Tasawuf dipandang hina bererti dia telah menghina jalan menuju ALLAH.

Kami (kaum sufi) selaku anak watan Malaysia sudah tentu mencintai ibu pertiwi kami dengan sepenuh hati dan ini adalah harga mati yang tak boleh ditawar oleh sesiapa pun. Kami mendoakan kerajaan kami, kami mendoakan para pemimpin negara kami. Kami mendoakan para pengawal keselamatan aqidah di tanah air kami yang terdiri dari jabatan-jabatan agama, majlis-majlis agama, JAKIM dan semua institusinya. Kami mendoakan agar mereka semua diberkati, dipelihara, dikuatkan dan diberi petunjuk oleh ALLAH Taala.

Dan tuan-puanku para muridin-muridat tareqat-tareqat sufi sekalian janganlah ada yang menganggap bahawa orang-orang Jabatan Agama itu hanya tahu nak mengeluarkan fatwa tentang ajaran sesat dan yang sewaktu dengannya saja. *Wallahi* tidak, bahkan negara telah memikulkan amanah yang seberat-beratnya ke atas pundak kakitangan Jabatan

Agama dan mereka akan ditanya nanti di hadapan ALLAH tentang tanggungjawab itu.

Bayangkanlah di bahagian nikah cerai sahaja entah berapa ribu fail yang sudah bertahun-tahun tidak selesai-selesai. Renungkanlah betapa orang-orang di Jabatan Agama merasa amat serba salah dengan arak yang disabdakan oleh Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم sebagai ibu segala kejahatan. Arak dijual secara terbuka di kedai-kedai 24 jam, di pasaraya-pasaraya besar dan dijual oleh jurujual yang beragama Islam serta dengan bebas dapat dibeli oleh pelanggan yang beragama Islam. Kes-kes orang Melayu murtad yang makin hari makin parah… ini semua dan banyak lagi perkara yang berlaku dalam masyarakat kita telah menjadi dilema kakitangan Jabatan Agama hingga ada yang meletak jawatan. Mereka pun tahu takut, selaku pegawai agama di dunia, kalau ditanya ALLAH tentang itu semua di *yaumil hisab* apa mereka nak jawab??? Kita sewajibnya menyokong jabatan-jabatan agama yang gigih menjalankan tanggungjawab dan tidak menambah beban kepada masalah *super* berat yang mereka pikul!

Pada masa yang sama pihak berkuasa agama juga diseru untuk bersikap rahmat… "*Rahmatilah makhluk di bumi nescaya yang di langit akan merahmatimu*," bersikap rahmatlah kepada rakyat jelata dengan ufuk pemikiran yang luas, dengan fikiran terbuka, hati terbuka dan sikap fleksibel yang dianjurkan oleh ALLAH dan RasulNya صَلّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

> "Demi menginsafi kebenaran dan berlaku adil terhadap mereka yang benar maka wajiblah difahami bersama bahawa dosa-dosa kaum pendusta yang menyamar dan menyeleweng itu tak patut dipikulkan di atas bahu Tasawuf dan golongan sufi Islam. Puji

atau keji, dorongan maupun ancaman haruslah ditujukan kepada mereka yang berhak menerimanya dengan mengenepikan sentimen taksub dan asabiah maupun menuduh tanpa bukti dan ilmu, tanpa firasat, kasyaf, istikharah, juga tanpa merujuk kepada mereka yang sempurna akal, ilmu, amal dan adab di setiap tempat dan zamannya.

"Perenggan ini kami sudahi dengan menukil pandangan Imam As-Syatibi -semoga Allah meredhoinya serta para solihin- tentang siapa sebenarnya kaum sufi itu, kata beliau:

الصُّوفِيَّةُ الصَّادِقُونَ هُم أَهلُ اتِّبَاعٍ لَا ابْتِدَاعٍ وَإِنَّهُم أَحرَى بِالـمَدحِ وَالتَّقدِيرِ وَإِنَّـهُم أَبعَدُ النَّاسِ عَنِ البِدَعِ وَأَهلِهَا وَأَرعَى النَّاسِ لِلحِفَاظِ عَلَى اتِّبَاعِ الشَّرِيعَةِ وَآدَابِهَا.

"Sesungguhnya kaum sufi yang sejati itu adalah orang-orang yang mengikuti perjalanan sunnah, mereka bukan kaum bid'ah, merekalah golongan yang paling patut menerima pujian dan penghargaan, merekalah manusia yang paling jauh dari perbuatan bid'ah dan kelompoknya, merekalah golongan yang paling menjaga soal-soal syariat dan adab-adabnya..."

Demikianlah seruan guruku Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani Al-Husayni di dalam bukunya, Murid Sejati, seperti yang beliau nukilkan dari gurunya Sidna Syeikh Al-Kamil As-Syarif Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili -moga ALLAH meredhoi mereka berdua dan para solihin, amin-.



Corat-coret Kembara Sufi -1

Bolehkah Wanita Menjadi Syeikh?!

Al-Ustaz itu menghadapi masalah besar apabila pihak berkuasa agama di Malaysia telah mengeluarkan fatwa menyenarai hitam ajaran jemaahnya. Tapi disenarai hitam oleh kerajaan bukan satu-satunya masalah besar ustaz kita ini, dia juga sudah lanjut usia dan semakin uzur, mahu tak mahu dia perlu banyak bersandar kepada salah seorang isterinya yang paling bijak untuk terus mentadbir para pengikutnya, anak-anak lelakinya ramai, masing-masing sudah dewasa dan mahu kuasa dalam kumpulan ayah mereka itu.

Setiap kali Syeikh ku datang berziarah, ustaz akan gembira dan meminta Syeikh ku memberi tarbiah kepada para pengikutnya, terutamanya kepada barisan pimpinan jemaahnya. Sidang pembaca tentu sudah kenal dengan Syeikh ku dalam buku BAHTERA sebelum ini; sahsiahnya tegas, jelas, telus dan pada masa yang sama tulus serta mesra dalam pergaulan. Kerana itu kedatangan Syeikh ku sebagai "pensyarah tamu" di dalam jemaah ini selalu digeruni oleh kalangan pimpinan, tapi dalam masa yang sama disayangi

oleh kalangan bawahan yang dapat merasakan penyantunnya beliau.

Di peringkat permulaan Syeikh ku menjalankan tugasnya di Malaysia beliau akan selalu mengunjungi perkumpulan jemaah ini di merata-rata negeri bagi menyampaikan tarbiah dan ilmu. Syeikh ku berusaha gigih menjelaskan kepada mereka apakah itu Tasawuf Islam yang soheh, murni dan terang dan apa bezanya ia dengan dakwa dakwi yang bukan-bukan.

Pernah berlaku seorang kalangan pimpinan jemaah ini yang menjadi sahabat baik Syeikh ku pada waktu itu bercerita: "Apabila Syeikh pulang ke Madinah selepas lawatan yang lalu, guru kami bertanya dalam pertemuan bulanan bersamanya: "Jika saya melantik Syeikh Mahmoud sebagai khalifah pengganti saya, apakah kamu semua akan setuju?" Saya tak jawab Syeikh, tapi saya lihat barisan yang pimpinan lain semuanya masam muka."

Selain anak-anak lelaki yang sudah pasti mempertahankan hak mahu mewarisi jemaah ayah, isteri ustaz yang paling bijak juga sangat berambisi untuk mengganti tempat suaminya sebagai pemimpin tertinggi dan ini tentu takkan dikabulkan oleh anak-anak tirinya. Pada satu hari sesudah Syeikh ku selesai menyampaikan kuliah "membasuh" peringkat pimpinan jemaah tersebut dan ustaz minta diri untuk berehat, isterinya yang paling bijak itu minta untuk bertemu dengan Syeikh ku secara peribadi.

Syeikh ku pun dipersilakan masuk ke bilik tamu. Aku ikut untuk keperluan menterjemah, maka di dalam bilik itu hanya ada Syeikh ku bersama penterjemah beliau, isteri ustaz dan setiausaha sulitnya yang merupakan seorang doktor wanita. Isteri ustaz mengajukan satu soalan yang sangat-sangat penting: "Syeikh Mahmoud! Bolehkah perempuan

menjadi syeikh tareqat?."

Aku lihat Syeikh ku agak tergamam dengan soalan tidak lazim tersebut, ini kerana hukum di dalam tareqat Tasawuf yang muktabar mengikut Ahlus Sunnah Wal Jamaah ialah wanita tidak diperbolehkan menjadi syeikh, sama seperti dalam hukum fiqh bahawa wanita sama sekali tidak boleh menjadi imam solat Jumaat! Dengan sopan yang tegas Syeikh ku menjawab dan seingat aku kurang lebih jawaban itu berbunyi begini: "Wahai puan, orang perempuan tidak boleh menjadi syeikh tareqat walau dalam apa bentuk sekalipun. Apabila seorang perempuan mahu menjadi syeikh itu bererti dia akan menjadi iblis!."

Mereka Semua Pembohong!

Ini pula kisah seorang lagi ustaz yang dikenali oleh Syeikh ku dalam kembara beliau di negara kita. Ustaz ini memimpin satu jemaah kecil dan surau pengajian mereka di sebuah kampung yang lanskap alaminya indah. Surau di lanskap alami yang indah… apabila ada kesempatan Syeikh ku suka untuk menziarahi mereka.

Ustaz ini hobinya mengumpul barang-barang antik; burung cenderawasih yang diawetkan, keris dan senjata-senjata lama, seterika arang, teras berbagai jenis kayu hutan, buntat, geliga embun, geliga lipan, buluh perindu, buluh tumpat dan macam-macam lagi barang langka yang disimpan dalam satu bilik khas berpintu dua lapis di rumahnya yang bersebelahan surau. Pada pemerhatianku hobi sang ustaz itu tidaklah aneh, tapi cita-cita besarnya mahu melayakkan diri menjadi syeikh tareqat yang mandraguna *supernatural* seperti di dalam filem Wali Songo itulah yang aneh. Walhasil dia jadi cenderung kepada perkara-perkara mistik, alam jin,

bunian dan yang sewaktu dengannya… perbualannya juga jadi aneh-aneh. Syeikh ku berkali-kali menasihati kawannya ini untuk banyak mengamal selawat dan tidak berkecimpung dalam perkara-perkara mistik… "mudaratnya lebih banyak dari manfaatnya."

Namun antara perkara yang baik dari minat ustaz kita ini ialah kesukaannya untuk menziarah orang-orang soleh. Pantang ada peluang, dia mesti akan membawa murid-muridnya menziarahi tokoh agama yang diyakini soleh. Dalam satu pertemuan Syeikh ku dengannya, ustaz bercerita kepada beliau betapa selama ini sudah berkali-kali dia pergi berziarah kepada Habib Ali Al-Aydarus[1], tapi tidak dibenarkan masuk. "Ini mungkin kerana dosa-dosa saya yang banyak…" kata ustaz sambil menunjuk muka sedih kepada Syeikh ku dan meminta beliau untuk membawanya bertemu tokoh yang masyhur kalangan keturunan Hadhramaut Yaman di Batu Pahat, Johor itu. Kata ustaz: "Habib Ali itu doanya mustajab, keramat besar, kasyaf, wali quthub! Betul Syeikh! Ramai orang cakap macam tu!."

Soalnya sekarang Syeikh ku sendiri belum pernah ada hubungan dengan Habib Ali, tapi untuk memujuk hati si ustaz Syeikh ku berjanji jika ada peluang di hari-hari mendatang beliau pasti akan membawanya Insya ALLAH. Selang waktu pun berlalu dan Syeikh ku bersama ustaz yang ditemani rombongan murid-muridnya telah melakukan kunjungan muhibbah ke Yayasan Al-Jenderami di Sepang, Selangor. Pihak Yayasan dan Tuan Gurunya Syeikh Haji Hafiz Bin Selamat amat berbesar hati dengan kedatangan

1- Beliau wafat pada 28 Jamadil Awwal 1431H - 13 Mei 2010M, semoga ALLAH menyirami pusaranya dengan hujan rahmat dan maghfirah, amin.

Syeikh ku buat pertama kali itu. Perkenalan bersahut dan silaturrahim bersambut.

Dalam perbualan terbit cerita Habib Ali Al-Aydarus dan tuan rumah bertanya sudahkah Syeikh ku dibawa berziarah kepada beliau? Kata Tuan Guru Haji Hafiz kalau nak berziarah beliau kami boleh aturkan, tapi perlu temujanji terlebih dahulu kerana Habib Ali tak mudah juga untuk dikunjungi. Syeikh ku gembira dengan pelawaan tersebut lalu mengusulkan: "Mohon dihubungi dan katakan kepada beliau: Mahmoud -khadam syeikhnya- dari Madinah Al-Munawwarah merasa dipermuliakan jika Syeikh Ali sudi bertemu dengannya." Tuan Guru segera meminta pembantunya untuk menelefon ke rumah Habib Ali. Selepas beberapa minit si pembantu tergesa-gesa datang memaklumkan bahawa Habib Ali mempersilakan Syeikh Mahmoud ke Batu Pahat bila-bila beliau suka!

Wajah ustaz peminat barang antik berseri-seri memandang kepada Syeikh ku, Syeikh ku faham lalu minta waktu yang sesuai untuk pergi. Kata Syeikh ku: "Nanti dari tempat ustaz teruslah ke Batu Pahat, kita bertemu di hadapan rumah Habib Ali dan saya akan bawa ustaz masuk bersama."

Pada hari yang sudah ditetapkan aku pun mengiringi Syeikh ku pergi ke alamat yang diberi kepada kami oleh Yayasan Al-Jenderami. Sesampainya kami di halaman rumah Habib Ali, Syeikh ku terkejut dengan kawannya sang ustaz yang sudah siap menunggu ditemani rombongan beberapa biji[1] kereta! Lah… kenapa ramai sangat macam pasukan meminang?! Kalau begini memanglah susah nak dapat masuk!

1- aku kurang pasti sekarang dengan berapa biji keretakah ustaz ini datang, tapi seingatku lebih dua biji dan semuanya penuh.

Salam diberi dan apabila pintu dibuka muncul seorang tua berbadan kecil yang dipapah oleh pembantunya berdiri menyambut: "*Ahlan wa sahlan* ya Syeikh Mahmoud! Ya *marhaba*! Syeikhmu memberitahu aku agar menyambut kedatangan kamu anaknya! Ya *marhaba*!" Syeikh ku hanya diam dan mencium tangan tokoh sepuh itu dengan takzim. Kami dipersilakan masuk.

Rumah yang tidak nampak ada apa-apa keistimewaan dari luar dan dalam itu memang amat sederhana dan tanpa apa-apa perabot. Kami duduk di lantai dan ketika kami masuk sudah ada dua orang tetamu di situ. Minuman panas serta kuih-muih dihidang dan Syeikh ku dilayan mesra oleh sohibul bait [1].

Si ustaz yang dapat masuk pada kali ini amat gembira dan teruja bercakap memperkenalkan dirinya kepada sohibul bait. Habib Ali terkejut dengan sampukan ustaz lalu memandang tajam kepadanya dan rombongannya seraya berkata: "Kamu siapa???! Siapa yang benarkan kamu masuk???!."

Suasana bertukar tegang, bentakan orang tua ini membuat ustaz jadi malu alah dan tak tentu arah, Syeikh ku segera menyelamatkan keadaan dengan berkata: "Mohon dimaafkan Tuan Syeikh, mereka datang bersama saya, mohon kiranya Tuan Syeikh menyayangi ahli Madinah agar sudilah menerima mereka"… begitulah lebih kurang kata Syeikh ku dengan lembut dan selepas itu si ustaz pun duduk diam-diam penuh adab.

"Syeikh Mahmoud! Apa yang mereka ceritakan kepadamu tentang diriku?!," Syeikh ku menjawab sopan kepada Habib Ali yang nampaknya masih belum reda itu: "Tiada apa-apa

1- tuan rumah.

Tuan Syeikh, mereka bercerita yang baik-baik saja," sohibul bait bertegas: "Aku tahu! Mereka kata aku wali quthub! Aku itu dan aku ini… bukankah begitu?! Mereka semuanya pembohong!!! Aku hanya insan biasa. Aku dan kamu sama-sama kenal siapa wali quthub sekarang!!!." Perbualan antara sohibul bait dan tetamu Madinahnya sepenuhnya dalam Bahasa Arab asli dan aku tak berkutik sedikit pun untuk menterjemah sepanjang penziarahan ini. Syeikh ku juga diam lagi dan menundukkan kepalanya… singa walaupun sudah tua tapi kalau dia naik angin itu bukan soal remeh.

Habib Ali kemudian beransur reda. Syeikh ku berbual-bual dengan hormat kepada beliau yang amat gembira apabila Syeikh ku bercerita tentang kota Madinah Al-Munawwarah. Antara yang aku ingat dari perbualan mereka ialah cerita Syeikh ku tentang seorang tokoh sepuh Tasawuf yang sudah meninggal dunia di Madinah dan Habib Ali ternyata mengenalinya. Tokoh tersebut adalah almarhum Syeikh Huud -moga ALLAH merahmatinya-. Syeikh ku bercerita:

"Satu ketika Syeikh Huud pernah didatangi oleh dua orang penziarah dari luar dan kedua-dua orang itu saling memuji-muji temannya dengan pujian yang melambung-lambung waktu memperkenalkan diri. Kata si A teman saya si B ini seorang soleh, syeikh sufi, alim dan begitu begini di negeri kami manakala si B turut berkata demikian tentang si A. Syeikh Huud merenung muka kedua-dua penziarahnya itu dan kemudian berkata: "Kamu dua-dua pembohong!!!" Habib Ali pun pecah ketawa hingga bergoyang-goyang badannya.

Dalam penziarahan itu ada juga Habib Ali bertanya siapa namaku, berapa umurku dan sudah berapa lama aku mengkhidmati Syeikh ku? Aku terbata-bata menjawab. Banyak lagi yang dibualkan antara Syeikh ku dengan sohibul

bait, namun tak banyak pula yang dapat aku ingat sekarang akibat tidak rajin membuat catitan pada waktu itu.

Habib Ali kelihatan letih tapi beliau tidak berkata apa-apa lalu masuk ke dalam kamarnya. Kemudian beliau keluar lalu memanggil: "Syeikh Mahmoud! Aku tahu kamu tidak suka menerima wang dari orang, tapi untuk kali ini aku harap kamu sudilah menerima dariku." Syeikh ku terpaksa menerima segenggam not RM50 yang masih baru darinya, selepas itu sohibul bait kami pun masuk semula ke dalam kamar dan tidak keluar-keluar lagi.

Yang beramai-ramai di ruang tamu terpinga-pinga harusnya apa tindakan mereka sekarang; menunggu sehingga sohibul bait keluar lagi atau bagaimana? Syeikh ku pun memberi pencerahan bahawa antara adab seorang syeikh sufi itu ialah dia takkan sama sekali menyuruh tetamunya balik walaupun dirinya letih dan walau sudah berapa lama tamu bertandang. Dia sama sekali takkan memberitahu sekarang sila bersurai atau menepuk tangan memberi isyarat sekarang sudah habis tempoh melawat. Paling yang dapat dia katakan ialah maafkan saya kerana keletihan, izinkan saya masuk berehat, tuan-tuan buatlah macam rumah sendiri… atau yang seumpamanya. Dengan itu fahamlah kami semua termasuk aku yang menterjemah.

Di luar rumah Habib Ali, anak buah beliau Syed Ilyas kami salami. Syeikh ku mencium dahinya dan mendoakan anak muda yang tulus mengkhidmati pamannya itu. Syeikh ku membahagi-bahagikan kesemua not RM50 yang beliau terima tadi kepada ustaz serta pasukan meminangnya dan aku turut mendapat peruntukan, Subhanallah, memang kesemua not itu cukup-cukup untuk kami seorang sekeping dan hanya Syeikh ku yang tidak dapat. Ustaz amat gembira lalu mencium not RM50 yang diterimanya sembari berkata:

"Syeikh! Saya akan bingkaikan duit ini dan gantung di dinding rumah saya. Ini duit berkat ya Syeikh!!!."

Masih Belum Hafal

Ini cerita seorang ustaz bandar yang terampil. Jemaah pengajian suka mendengar ceramahnya dan dengan tim kerja yang cekap ustaz kita ini berjaya dalam bidang keusahawanan Islam. Alhamdulillah. Melalui seorang kawannya dia berkenalan dengan Syeikh ku lalu berminat untuk berguru dan menjadi murid. Syeikh ku memperkenankan dan seperti yang diminta, Syeikh ku pun mengajar kepadanya wirid-wirid tareqat untuk dia mengamalkan.

Dalam peradaban tareqat Tasawuf, objektif utama yang tiada duanya ialah bagaimana untuk mendidik diri menjadi hamba kepada ALLAH, hamba dalam ertikata ubudiyyah yang jujur kepada ALLAH. Seorang insan masuk menjadi pengamal tareqat bukan untuk menjadi syeikh, mengumpul pengaruh dan murid yang ramai, menjadi wali, menjadi *supernatural* atau segala bagai. Soalnya, Tasawuf adalah ubudiyyah dan ubudiyyah itu jalannya tarbiah, amal, wirid, zikir... Begitulah secara *simple*nya.

Tak sampai setahun dari perkenalan ustaz kita telah menghubungi Syeikh ku lalu menceritakan bahawa di ibu kota dia punya ramai jemaah pengajian kalangan lelaki dan wanita dan semua mereka berminat untuk beramal tareqat. "Jadi sekarang Syeikh, bagaimana kaifiat[1]nya untuk saya mengijazahkan amalan tareqat kepada murid-murid wanita saya?," tanya ustaz kepada Syeikh ku. Soalan serius itu kembali dijawab oleh Syeikh ku dengan soalan polos: "Ustaz

1- cara-cara.

sekarang sudah hafaz wirid asas yang saya ajarkan?," dengan bersahaja ustaz jawab belum.

Sebagai seorang guru, adalah menjadi kewajibannya mendidik murid dan untuk mendidik jikalau perlu menggunakan rotan maka rotan adalah jawabannya. Untuk itu Syeikhku pun me"rotan" ustaz dengan berkata: "Wirid asas pun ustaz masih belum hafal, perkara-perkara asas pun ustaz masih jahil tapi sekarang ustaz sudah mahu jadi syeikh tareqat mengijazah amalan kepada orang?! Kalau ustaz mahu menjadi murid saya, dipersilakan, saya tidak mahu membohongi ustaz. Kalau ustaz nak jadi syeikh, ustaz pergilah minta dari orang lain yang boleh membohongi ustaz."

Nah, ustaz kita rasa kecil hati di"rotan" oleh gurunya. Maklum saja, sebelum kenal dengan gurunya ini dia sudah ramai jemaah pengajian, banyak pengaruh dan ringgit pun tak kurang. Sejak dari hari itu ustaz terampil telah memutuskan hubungannya dengan Syeikh ku dan sampai sekarang masih merajuk. Kasihan.



Bab Kesepuluh

Corat-coret Kembara Sufi -2

Larilah Kepada ALLAH

Ramai orang di zaman sekarang menjadi pelanggan sihir, bomoh, dukun dan yang sewaktu dengannya. Memang kalau nak dibicarakan secara logik makin manusia moden dan bertamadun mereka sepatutnya makin jauh dari sihir dan perbomohan. Tapi realitinya sekarang di negara-negara moden dan kota-kota besarnyalah pasaran bomoh dan sihir terlajak laris. Jangan tanya bagaimana pasaran ini di negara dunia kedua dan ketiga dan jangan ingat negara yang sudah puluhan tahun mengisytiharkan undang-undang hudud bersih dari perbomohan dan sihir.

Orang menjadi pelanggan sihir dan bomoh itu ada beberapa sebabnya, tapi semua sebab itu menjurus kepada satu kesimpulan jitu; manusia lari dari ALLAH dan mencari solusi/perlindungan kepada perkara-perkara ghaib. Apabila manusia pergi kepada ahli sihir dan bomoh, mereka akan jadi kufur, bertambah kufur dan jauh. Kasihan, mereka tidak tahu bahawa jikalau mereka pergi kepada para Ahlillah, awliya ALLAH dan masyaikh yang kamil, mereka akan mendapat semua solusi yang mereka perlukan dan bahkan lebih dari itu. Apabila mereka pergi kepada masyaikh awliya ALLAH mereka akan bertambah iman dan keimanan.

Kanvas Lukisan Lama

Antara program yang suka dilakukan oleh Syeikh ku di dalam permusafirannya ialah menziarahi zawiyah tareqat-tareqat sufi dan permakaman wali-wali. Selain menghubungkan tali silaturrahim kepada saudara-saudara Muslim dan komuniti sufi, hikmah dan pengajaran yang dapat dikutip di tempat-tempat itu juga amat banyak, terutamanya di zawiyah dan madrasah Tasawuf yang sudah berterusan beberapa generasi, sejarah di tempat-tempat itu memang punya nostalgia yang tersendiri.

Alhamdulillah, pada masa yang baik dan di hari yang baik beberapa orang murid telah dapat bersuhbah dengan Syeikh ku dalam permusafiran ke Kalimantan pada tahun 2014. Antara objektif utama permusafiran kali ini ialah untuk berziarah ke makam As-Syeikh Muhammad Arsyad Al-Banjari (wafat tahun 1227H) di Martapura, ulama besar Melayu dan pengarang kitab fiqh Sabilal Muhtadin yang sampai sekarang pun masih dimengajikan orang tua-tua kita di sini.

Gelar Ulama Besar Melayu kepada beliau ini bukanlah sekadar tempelan, tapi memang dengan sepenuh kriteria dan kelayakannya. Beliau bergandingan dengan dan As-Syeikh Abdus Shamad Al-Falimbani dan ramai lagi siswa Melayu menahun di Makkah Al-Mukarromah menimba ilmu dengan para ulamanya hingga mereka menjadi ulama-ulama yang mantap, kemudian ke halaman Junjungan Nabi صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّم berguru dan mengambil didikan Tasawuf kepada Quthbul Madinah As-Syeikh Muhammad Bin Abdul Karim As-Samman (wafat 1189H). Apabila mereka mahu melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar di Mesir, mahaguru segala ulama mazhab Syafie pada waktu itu As-

Syeikh Muhammad Bin Sulaiman Al-Kurdi yang mereka temui di Madinah berkata tidak perlu kerana ilmu-ilmu yang diajarkan di Mesir sekarang sudah ada pada mereka.

Syeikh Muhammad Arsyad Al-Banjari selain alim dalam bidang-bidang ilmu Syariat juga seorang yang pakar dalam bidang falak (astronomi) dan ilmu hisab (matematik). Apabila pulang ke Nusantara beliau telah membetulkan arah kiblat yang kurang tepat di beberapa buah masjid kota Batavia (Jakarta) dan ketokohannya telah membuat penjajah Belanda kagum lalu menjulukinya dengan gelaran Haji Besar. Kepulangannya yang ditunggu-tunggu oleh pemerintah kerajaan Banjar, Sultan Tahmidullah Ibnu Sultan Tamjidullah disambut hangat oleh semua dan Sultan mengurniakan kepada beliau sebidang tanah yang luas lalu di situlah beliau telah membangun zawiyah dan madrasahnya iaitu perkampungan Dalam Pagar di Martapura.

Dalam Pagar di zaman Syeikh Muhammad Arsyad telah menjadi pusat penyebaran Islam ke merata ceruk Kalimantan dan dari sini jugalah beliau telah menyiarkan Tareqat As-Sammaniyyah yang sampai sekarang masih banyak jemaahnya di Indonesia dan Malaysia. Beliau beristeri ramai dan melahirkan anak-anak soleh yang menjejak perjalanannya, tidak sedikit dari zuriatnya yang menjadi alim ulama, qadhi dan mufti di berbagai negeri Melayu. Moga ALLAH menurunkan hujan rahmat ke atas pusara tokoh besar ini.

Tapi hari ini di Dalam Pagar, Syeikh ku menitik air mata dan kami murid-murid berkongsi kesedihan beliau. Kalau soal berkat kesolehan para pendahulu, itu memang ada dan kekal sampai sekarang, tapi *sirr*[1]nya sudah hilang.

1- rahsia kekuatan rohani.

Kenapa jadi begitu? Kerana cucu-cicit telah mengubah jalan yang dirintis oleh sang moyang. Amat malang kerana mereka telah menukar ajaran Tasawuf yang suci murni menjadi rawatan alternatif, ruqyah, azimat, mandi bunga dan tolak bala… mereka menukarnya kepada perkara-perkara yang tiada hubungkait dengan jalan menuju ALLAH. Syeikh ku rasa amat pedih hati dan menangis.

Nenek moyang kita yang terdahulu semuanya menjejaki perjalanan Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم

Kesedihan ini juga terjadi apabila kami pergi berziarah ke zawiyah dan madrasah suluk yang ditinggalkan oleh As-Syeikh Abdul Wahab Rokan Al-Khalidi An-Naqsyabandi (wafat tahun 1345H) di Besilam, Langkat. Nenek moyang kita yang terdahulu semuanya menjejaki perjalanan Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم … tapi mengapa kita (para pewaris madrasah sufi zaman sekarang) mengubah dan berubah dari jalan asal, kenapa bukan kita yang menjadi ejen perubahan kepada kebaikan dan yang lebih baik?!

Semua orang, hatta pihak-pihak yang mengkritik Tasawuf pun sebenarnya rindu untuk melihat kemakmuran tradisi ilmu, pengajian kitab-kitab warisan, kemeriahan majlis-majlis zikir, selawat dan khatam Al-Quran serta keteguhan pembangunan insan berlaku di zawiyah-zawiyah sufi. Itu semua apabila bertukar atau ditukar kepada perkara-perkara lain yang bukan dari asal madrasah Tasawuf telah menjadikan orang di zaman sekarang melihat kaum sufi bagai kanvas lukisan lama yang tercalar.



Titik Di Atas Huruf

Dalam tulisan Arab-Jawi ada beberapa huruf yang sama bentuk rumahnya iaitu Ba, Ta dan Tsa / Jim, Ha dan Kho / Dal dan Dzal / Ro dan Zai / Sin dan Syin / Shod dan Dhod / Tho dan Zho / `Ain dan Ghain /… Kalau nak diperincikan lagi huruf Ya apabila bersambung dengan huruf lain juga rumahnya akan jadi sama dengan rumah Ba, Ta dan Tsa… begitulah selanjutnya.

Di zaman awal orang Arab serta bangsa-bangsa Islam yang lain dengan mudah dapat membaca mashaf Al-Quran yang huruf-hurufnya gondol tak bertitik, tak berbaris dan tanpa apa-apa tanda baca. Apabila zaman beredar, keperluan pun menuntut agar huruf-huruf yang sama bentuk rumahnya itu diberi tanda yang dapat membezakannya supaya orang di kemudian hari tidak salah baca. Maka Ba pun diberi satu titik di bawahnya, Ta dua titik di atasnya, Tsa tiga titik di atasnya dan begitulah seterusnya.

Dalam hidup manusia pun begitu juga, banyak peristiwa berlaku dan ada kumpulan-kumpulan peristiwa yang bingkainya nampak sama tapi situasi, makna, tujuan dan natijahnya berbeza-beza. Jadi supaya orang tidak bercakap serkap jarang dan menganggap semua peristiwa-peristiwa itu sama sahaja maka patutlah diketahui dengan saksama agar kenal yang mana kain kapas yang mana kain sutera, yang

mana epal dan yang mana mangga. Untuk menyimpulkan perkara sebegini nenek moyang bangsa Arab mengungkap pepatah:

وَضعُ النُّقَاطِ عَلَى الـحُرُوفِ

meletak titik kepada huruf

supaya orang tak tersalah membaca adanya.

Sidna Syeikh Al-Kamil As-Syarif Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili -moga ALLAH meredhoinya dan mengurniai kita keberkatannya- pertama kali datang melawat Malaysia pada tahun 1995. Selepas itu lawatan kedua beliau hanya berlaku pada tahun 2011 dan yang ketiga pada tahun 2012. Ketika SUHBAH sedang di tulis kami anak-anak beliau di tanah watan ini sedang menunggu-nunggu lawatannya yang ketiga kepada kami. Moga ALLAH mengurniai beliau kesihatan dan kelapangan untuk terus menziarahi kami di masa-masa mendatang. Amin.

Tentang lawatan Sidna Syeikh Al-Kamil yang pertama ke Malaysia ceritanya memang pernah aku dengar sendiri dari beliau dan dari seorang saudaranya di Algeria dan tentu juga dari muridnya Syeikh ku Dr. Mahmoud MrGlani Al-Husayni. Pada tahun 1995 itu Sidna Syeikh dengan diiringi beberapa orang muridnya dari Makkah dan Madinah telah datang dengan visa pelancong, mereka menginap di sebuah pangsapuri berdekatan Bangunan Tabung Haji Kuala Lumpur dan berkenalan dengan seorang qari Al-Quran asal Mesir bernama Syeikh Abdul Rahman yang bertugas menjadi imam di salah satu masjid ibu kota negara kita.

Pada penziarahan pertama kali itu Sidna Syeikh dan murid-muridnya berpeluang untuk bersiar-siar di sekitar Kuala Lumpur, solat di masjid tempat Syeikh Abdul Rahman bertugas, melawat Zoo Negara di Ampang dan juga Kuil

Batu Cave. Ketika di Batu Cave waktu sudah masuk lalu Sidna Syeikh meminta izin dari sami-sami di situ untuk menunaikan solat. Sami-sami membenarkan, maka setelah memilih tempat yang sesuai Sidna Syeikh dan murid-muridnya membentang sejadah, iqamah dilaungkan dan mereka pun Allahu Akbar solat[1] berjemaah sambil ditonton oleh orang-orang Hindu.

Pada satu hari dalam lawatan itu murid Sidna Syeikh yang keluar untuk membeli barang-barang dapur telah menaiki teksi yang dikendalikan oleh seorang pemandu berjubah serban. Mereka berkenal-kenalan dan si pemandu teksi menceritakan pada murid Sidna Syeikh tentang gurunya Abuya Ashaari Muhammad, pemimpin Al-Arqam yang waktu itu jemaahnya sudah dibubarkan oleh kerajaan dan Abuya sedang menjalani hukuman tahanan terhad di Rawang. Apabila pulang ke pangsapuri si murid menceritakan kepada Sidna Syeikh perbualannya dengan pemandu teksi berjubah serban. Sidna Syeikh merasa tertarik dan simpati. Pemandu teksi itu dihubungi lalu pertemuan pun diatur dengan Abuya Ashaari.

Sidna Syeikh Al-Kamil bercerita kepadaku bahawa dalam pertemuan dengan Abuya Ashaari, almarhum dengan bantuan seorang penterjemah dari jemaahnya dengan beradab dan sungguh-sungguh telah bertanya kepada beliau banyak soalan mengenai Tasawuf.

Kata Sidna Syeikh beliau telah menjawab soalan-soalan tersebut dengan sejujurnya demi amanah tarbiah dan ilmu, namun Sidna Syeikh dapat merasakan bahawa si penterjemah tidak menterjemahkan sepenuhnya apa yang

1- tak pasti aku sama ada waktu itu solat zohor atau asar, tapi memang waktu siang

beliau mahu sampaikan kepada Abuya Ashaari terutamanya tentang nasihat-nasihat beliau kepadanya. Apa yang Sidna Syeikh rasai itu turut dirasakan oleh kalangan murid beliau orang Makkah dan Madinah yang faham sedikit-sedikit Bahasa Melayu.

Yang ajaibnya ialah kisah lawatan Sidna Syeikh Al-Kamil kepada Abuya Ashaari kemudian telah ditambah rempah ratus oleh orang-orang tertentu dalam kalangan Al-Arqam hingga menjadi seperti versi berikut:

> "seorang syeikh dari Madinah telah diarahkan oleh Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّم untuk berbaiat kepada Abuya! Syeikh itu pun datang dan mencari-cari Abuya di Kuala Lumpur hingga hampir putus asa tapi akhirnya berjumpa. Syeikh itu adalah seorang dari tujuh wazir Imam Mahdi dan Abuya adalah ketua tujuh wazir itu!"

Amboi, tingginya fantasi sampai tak jejak ke tanah.

Pada kesempatan lawatan itu juga Syarikat Karya One Sdn. Bhd. (yang waktu itu masih berorientasi Al-Arqam) telah mewawancara Sidna Syeikh Al-Kamil lalu menyiarkan ringkasan dari wawancara tersebut di dalam satu kolum majalah terbitan mereka pada waktu itu, Dunia Baru. Kemudian pada satu lagi bilangan majalah tersebut gambar lukisan Sidna Syeikh Al-Kamil telah mereka letak sebagai *cover* hadapan.

Setelah membuat rujukan di Perpustakaan Kenangan Zaaba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, maka dalam bab selepas ini sukalah aku muatkan kolum dan *cover* yang dimaksudkan untuk kenang-kenangan dan meletak titik kepada huruf, supaya orang tak tersalah membaca adanya.

Bab Keduabelas

Kesatuan Ilmu Menuju Kesatuan Amal

Syeikh Abdul Naseer Abu Bakar As-Siddiq
Ulama di Madinah, Arab Saudi[1]

Kalau kita lihat sejarah ulama-ulama silam, ilmu mereka luas dan hebat. Mereka bukan sahaja dapat menghurai hukum-hakam secara terperinci, tetapi juga mampu memahami dan menjelaskan hakikat ilmu sains dan kemasyarakatan.

Tetapi hari ini, ilmu Islam nampak tercaing-caing. Pelajar hanya mahir dengan disiplin ilmu tertentu. Misalnya, pakar dalam bidang tauhid atau feqah, tetapi tidak faham di bidang tasawuf. Akhirnya makin tinggi seseorang itu belajar ilmu, makin sempit ilmu yang dipelajari kerana hanya menghala ke satu bahagian yang lebih khusus.

Kalau kita semak sejarah hidup Imam Ghazali, di samping alim dalam bidang tasawuf, tetapi dia juga pakar dalam tauhid dan feqah. Malah beliau juga memahami ilmu sains dan falsafah.

1- inilah artikel yang dimuatkan dalam majalah Dunia Baru terbitan bulan Februari 1996 yang merupakan ringkasan dari wawancara mereka dengan Sidna Syeikh ketika lawatan beliau ke Malaysia pada tahun 1995.

Begitu juga dengan Ibnu Sina, Al-Farabi dan yang lainnya. Di samping pakar dalam bidang ilmu perubatan dan sains, mereka juga alim dengan ilmu agama seperti tauhid, feqah atau tasawuf. Cuma mereka terkenal dalam bidang tertentu sahaja.

Ertinya dulu ilmu diajarkan dalam kesatuan yang lengkap. Tidak dipisah-pisahkan. Mereka belajar ilmu agama secara keseluruhan. Kemudian dilengkapi dengan ilmu kemasyarakatan. Sebab itu kalau mereka menghurai masalah masyarakat, huraiannya tepat dan menarik.

Sebab itu kita perlu melahirkan kesatuan ilmu ini kembali. Dari situlah akan lahir kesatuan amal. Dan diharap akan lahir kembali para ulama dan intelektual yang berwibawa. Mereka mampu mentadbir urusan dunia dengan tetap mengutamakan urusan Akhirat.

Sedutan artikel "Kesatuan Ilmu Menuju Kesatuan Amal".


EKSKLUSIF

Kesatuan Ilmu Menuju Kesatuan Amal

"Dulu ilmu diajar dalam kesatuan yang lengkap..."

Syeikh Abdul Nasser Abu Bakar As Siddiq

"Para pendidik hendaklah kenal dan faham hakikat diri manusia..."

Profesor Ali Hanipi

Ketua Majlis Ulama Indonesia, Aceh



Dari koleksi Perpustakaan Kenangan Zaaba, UM. Majalah Dunia Baru terbitan bulan April 1996 yang menampilkan potret Sidna Syeikh Al-Kamil di covernya.



Corat-coret Kembara Sufi -3

Sidang pembaca budiman sudah tahu sekarang tentang kisah lawatan Sidna Syeikh Al-Kamil yang pertama ke Malaysia pada tahun 1995 di mana takdir membawa beliau untuk berkenalan dengan almarhum Ustaz Ashaari Muhammad, pengasas jemaah Darul Arqam yang lebih dikenali hatta oleh kalangan pegawai Jabatan Agama dengan panggilan Abuya. Biarpun sewaktu hidup banyak kontroversi yang timbul dari almarhum, namun umat Islam yang waras di Malaysia tidak dapat melupakan jasa-jasa beliau terutamanya waktu bermula gelombang kesedaran dakwah dalam tahun-tahun 70an. Memang begitulah kita sebagai orang Islam telah diajar oleh Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم dalam sabda Baginda:

اُذكُرُوا مَـحَاسِنَ مَوتَاكُم

"Sebutlah kebaikan-kebaikan mereka yang telah mati dari kalanganmu."

Tentang sejauh mana hubungan Syeikh ku Dr. Mahmoud dengan almarhum ini memang sampai-sampai ditanya kepadaku oleh orang jabatan agama hingga aku jadi serba salah dibuatnya. Tapi, hingga mengatakan yang beliau telah

menjadi murid kepada Abuya Ashaari, telah mengambil Tareqat Aurad Muhammadiyyah darinya dan berbaiat sehidup semati… ini semua cerita-cerita dongeng Walt Disney.

Untuk itu marilah aku ceritakan beberapa anekdot yang telah terjadi antara Syeikh ku dengan kumpulan Al-Arqam yang mana pada kebanyakannya aku menjadi saksi matanya dan turut mengalaminya kerana waktu itu aku ada bersama Syeikh ku. Cerita-cerita ini dan kisah-kisah lain yang aku perturunkan di dalam SUHBAH dan sebelum ini dalam buku BAHTERA sama sekali bukan masalah peribadi dengan sesiapa atau bertujuan mengkritik peribadi sesiapa. Tapi banyak iktibar dan hikmah yang boleh dikongsikan daripadanya.

Kamu Semua Tidak Mengenalinya!

Kira-kira sejak tahun 2005 almarhum Abuya Ashaari yang sudah lama tidak boleh bercakap telah diserang penyakit lumpuh yang teruk menyebabkan dia hanya terbaring di atas katil hingga akhirnya meninggal dunia pada tahun 2010.

Pernah Ummi Noor yang merupakan salah seorang isteri almarhum berkata kepada Syeikh ku: "Syeikh Mahmoud, saya hairan dengan Abuya kerana setiap kali Syeikh akan datang menziarahinya, Abuya akan minta dia dimandikan, kemudian minta dipakaikan pakaian baru dan disembur wangian banyak-banyak. Abuya akan bersedia dengan sebaiknya untuk menerima lawatan Syeikh Mahmoud. Saya hairan lalu bertanya Abuya kenapa beliau melakukan begitu? Abuya jawab: "Kamu semua tak kenal siapa Syeikh Mahmoud! Abuya kenal siapa dia. Dia cucu Rasulullah ﷺ

صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم, dia datang dari halaman Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم, dia datang membawa amanah Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم!." Kurang lebihnya begitulah cerita Ummi Noor yang aku ingat.

Di tahun-tahun terakhir hidup almarhum, Syeikh ku banyak kali datang menziarahi beliau dan jemaahnya. Setiap kali Syeikh ku datang, almarhum akan meminta beliau untuk menyampaikan tarbiah terutamanya kepada barisan pimpinan jemaahnya yang dipanggil BOD bagi yang lelaki, bagi barisan pimpinan wanita pula dipanggil Ibu.

Syeikh ku memenuhi permintaan Abuya dengan sungguh-sungguh, apatah lagi mengingatkan Sidna Syeikh Al-Kamil sendiri telah berpesan kepada beliau untuk cuba membantu almarhum memperbaiki apa yang masih mungkin diperbaiki dalam jemaah Al-Arqam itu. Maka mana yang hitam Syeikh ku akan kata hitam, mana yang putih Syeikh ku akan kata putih, baik dengan bahasa metafora atau lurus saja begitu dan dengan tidak kompromi.

Dalam kuliah-kuliah beliau jika perlu Syeikh ku akan "menyental" para BOD, Ibu-ibu itu dan termasuk isteri almarhum yang paling petah hingga bertegang urat leher dan merah-merah muka. Yang tidak tahan akan menjauhi beliau manakala yang dapat merasai kejujurannya akan terus bersahabat. Pernah ketika Abuya Ashaari sedang sangat sakit dan hanya mampu berbaring sambil berselimut hingga ke kepala, pertemuaan bulanan BOD tetap dijalankan bersamanya dan Syeikh ku yang duduk di sisi Abuya diminta untuk menyampaikan kuliah. Syeikh ku telah "membelasah" para BOD itu cukup-cukup manakala Abuya dari bawah selimutnya memberi isyarat bagus dan teruskan kepada Syeikh ku.

Sepertimana di tempat lain Syeikh ku juga menyampaikan amanah tarbiah dan ilmu serta kejujuran

dalam nasihat kepada mereka. Bukan sekali apabila Syeikh ku mengkuliahkan tentang keagungan Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم, almarhum Abuya Ashaari sendiri dan kalangan pengikutnya menitik air mata.

Dalam soal wang dan perbelanjaan, prinsip Syeikh ku terhadap jemaah Abuya Ashaari sama dengan prinsipnya terhadap orang lain; dalam semua lawatan beliau kepada almarhum dan jemaahnya yang merata-rata hingga ke Indonesia, Jordan, Syiria dan Perancis, bermula dari tiket penerbangan pergi baliknya dari Madinah hinggalah kepada sekecil-kecil perkara, semua itu dengan perbelanjaan peribadi beliau dan tak pernah beliau mengambil wang atau menerima walau seringgit pun dari jemaah Abuya Ashaari. Mereka amat tahu perkara ini.

Jika Tuan Boleh Memberi

Pada peringkat awal, Abuya Ashaari apabila melihat kegigihan dan potensi yang ada pada Syeikh ku telah membuat satu tawaran besar kepada beliau. Tawaran ini diajukannya ketika dalam satu perjalanan bersama-sama dan didengar dengan jelas oleh pemandu kenderaannya, seorang isterinya, dua orang pembantunya dan aku yang menterjemah untuk Syeikh ku.

Abuya Ashaari bercakap melalui isterinya menawarkan kepada Syeikh ku untuk menjadi muridnya dan dengan itu Syeikh ku akan dilantik memegang posisi penting di dalam jemaahnya serta mendapat berbagai-bagai fasiliti dari mereka. Syeikh ku mendengar dengan hormat, kemudian menyuruh aku menterjemahkan: "Jika Tuan boleh memberi kepada saya lebih dari apa yang telah diberikan oleh guru saya Sidna Syeikh Abdun Nasir, saya akan setuju."

Abuya Ashaari bertanya: "Apa yang guru Syeikh Mahmoud telah beri?," Syeikh ku jawab: "Beliau telah memberi kepada saya mahabbah Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم dan beliau yang telah meletakkan mahabbah itu di dalam hati saya, akal fikiran saya dan jiwa raga saya hingga yang ada di dalam hati saya hanya ALLAH dan RasulNya, hingga di dalam hati saya tidak ada tempat untuk selainnya… tidak untuk isteri, tidak untuk anak-anak, tidak untuk pekerjaan dan tidak untuk satu apa pun melainkan ALLAH dan RasulNya."

Abuya Ashaari diam seketika dan kemudian berkata: "saya tak mampu nak memberi yang seperti itu atau menambahnya."

Seorang Murid Sejati

Kebiasaannya pada waktu itu, jika Syeikh ku datang ke Malaysia pasti Abuya Ashaari akan meminta beliau untuk hadir makan pagi atau makan malam bersamanya. Apabila Syeikh ku hadir Abuya akan menyuruh dihidangkan makanan-makanan yang serba mewah bagi menghormati beliau selaku ahli Madinah serta makan dengan hidangan khas bersama beliau dan orang-orang terdekatnya sahaja.

Satu ketika Syeikh ku pergi melawat negeri Kelantan dan dalam kesempatan itu beliau telah melakukan kunjungan hormat kepada Tuan Guru Haji Abdullah Syarif di Pondok Tal Tujuh. Apabila Syeikh ku kembali semula untuk kuliah di pertemuan rutin BOD Arqam, Abuya melalui terjemahan seorang isterinya bertanya kepada Syeikh ku, ke mana menghilang? Syeikh ku pun menceritakan bahawa beliau telah melawat negeri Kelantan dan melakukan kunjungan hormat kepada Tuan Guru Haji Abdullah Syarif seterusnya

menyampaikan salam dari Tuan Guru kepada Abuya. Abuya tersenyum sambil susah payah menjawab salam tersebut, dia dan Tuan Guru itu memang bersahabat baik waktu muda-muda.

Syeikh ku seterusnya menceritakan bahawa dalam pertemuannya dengan Tuan Guru Haji Abdullah, beliau bertanya: "Setelah puluhan tahun Tuan Guru membangun pondok pengajian dan telah begitu ramai murid-murid Tuan Guru, adakah Tuan Guru mempunyai seorang murid sejati? Murid yang benar-benar murid kepada gurunya? Tuan Guru tercenung sebentar, kemudian dengan sayu berkata saya tidak ada walau seorang pun. Sekarang saya ingin bertanya kepada Abuya, setelah Abuya puluhan tahun berjuang membina jemaah dan sudah punya ribuan pengikut, adakah Abuya punya seorang murid sejati? Murid yang benar-benar murid kepada gurunya?"

Mendengarkan soalan itu Abuya terdiam lalu merenung kepada isteri-isterinya, kepada anak-anak dan para menantunya, kepada semua barisan pimpinan lelaki dan wanita dalam jemaahnya. Abuya kemudian bergenang air mata lalu menggeleng-geleng kepala kepada Syeikh ku mengisyaratkan bahawa nasibnya juga sama seperti nasib sahabat lamanya Tuan Guru Haji Abdullah Syarif.

Lagi Dua Bulan!

Satu hari dalam perhimpunan BOD, Abuya dengan bantuan isterinya yang paling petah, bercakap[1] kepada Syeikh ku: "Syeikh Mahmoud! Sila catat apa yang nak

1- sejak bertahun-tahun ditimpa sakit tidak boleh bercakap almarhum hanya menggumam-gumam suara di dalam mulut lalu diterjemahkan oleh sesiapa yang memahaminya.

saya katakan ini. Lagi dua bulan Tun Ghafar Baba akan dilantik menjadi Perdana Menteri, kemudian beliau akan menyerahkan kepada saya untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia! Awak percaya atau tidak apa yang saya katakan ini?"

Soalan yang membuat Syeikh ku jadi serba salah itu Syeikh ku pulangkan kembali dengan satu soalan pula: "Baiklah Abuya, saya percayalah apa yang Abuya cakap. Tapi apakah rakyat Malaysia akan menerima jikalau seorang yang sudah tua lagi sakit terbaring seperti Abuya ini mahu menjadi perdana menteri mereka?!.".. soalan balas itu menyebabkan Abuya terdiam.

Isu Imam Mahdi

Antara perkara yang selalu diwar-warkan oleh Abuya Ashaari dari mudanya hingga ke tua ialah tentang Imam Mahdi, tentang dialah yang akan membawa keluar Imam Mahdi untuk mengubah dunia dari kegelapan kepada cahaya, dari kejahatan kepada kebaikan, dari penindasan kepada pembelaan, dari pecah belah kepada ukhuwah. Inilah yang diulang-ulangnya hingga menjadi keyakinan tak berbelah bagi dalam benak para pengikutnya.

Pada satu hari dalam perhimpunan BOD Syeikh ku di hadapan Abuya Ashaari telah menyampaikan apa kata guru beliau Sidna Syeikh Al-Kamil mengenai isu ini. Kata Syeikh ku: "Guru saya berkirim salam kepada Abuya dan menitip pesan: "Anakku Mahmoud! Jika engkau ke Malaysia katakan kepada Al-Ustaz Syeikh Ashaari janganlah menyusah-nyusahkan diri untuk menjemput keluar Imam Mahdi. Tunggulah dulu. Tunggu sehingga kami di Madinah mengeluarkan Dajjal terlebih dahulu… atau tunggu hingga Dajjal keluar sendiri, lepas tu terserahlah kepada Ustaz untuk

melakukan apa yang patut," mendengarkan itu Abuya yang terbaring di atas katilnya tertawa kecil dan para BODnya ketawa terpingkal-pingkal.

Syeikh ku selanjutnya menyampaikan bahawa gurunya Sidna Syeikh Abdun Nasir mengulas: "Orang yang suka bercakap perkara-perkara ghaib seperti ini nescaya bohongnya akan lebih banyak dari benarnya…," kata Syeikh ku lagi: "Wahai Syeikh Ashaari… guru saya Sidna Syeikh Abdun Nasir berharap agar Tuan berhenti dari bercakap soal-soal ghaib. Perkara ghaib ertinya wajib tetap berada dalam ghaib, perkara rahsia ertinya wajib duduk di dalam rahsia." Ulasan Sidna Syeikh Al-Kamil ini seterusnya telah berkali-kali disampaikan oleh Syeikh ku dalam majlis-majlis Abuya Ashaari.

Kawan Atau Musuh?!

Pada tarikh 23 April tahun 2006 negarawan yang berjasa Tun Ghafar Baba telah meninggal dunia. Ketika orang lain sibuk membaca tahlil untuk almarhum, jemaah Abuya pula terjelepuk dalam konflik kerana selama ini mereka mengwar-warkan berita ghaib kepada semua orang bahawa Tun Ghafar Baba akan menjadi PM dan kemudian akan menyerahkan jawatan itu kepada Abuya.

Cerita ini dikisahkan kepadaku oleh Syeikh ku yang berada di Madinah pada waktu itu; salah seorang anak lelaki Abuya di Malaysia menghubungi beliau lalu dengan perantaraan penterjemah[1] berkata kepada Syeikh ku: "Syeikh Mahmoud! Sekarang soal sama ada awak memihak kepada kami atau berpihak kepada musuh kami!" kata Syeikh ku: "Saya berbaik-baik dengan semua orang dan tidak memusuhi sesiapa."

1- penterjemah ini sama sekali bukan aku. *Wallahi* bukan aku.

Kata anak Abuya lagi: "Baiklah, sekarang Tun Ghafar sudah meninggal sedangkan selama ini kami cakap pada semua orang bahawa dia dijadualkan oleh Tuhan untuk menjadi PM Malaysia dan akan menyerahkan jawatan itu kepada Abuya. Sekarang boleh tak Syeikh bantu kami, apa kami nak cakap kalau orang pertikaikan masalah ini kepada kami? Tolong beri kami jawaban yang dapat menjaga wibawa kami," demikian lebih kurang permintaan anak Abuya itu kepada Syeikh ku seperti yang dituturkan oleh penterjemah melalui perbualan telefon.

Mengenangkan nasihat beliau yang sudah berkali-kali sebelum ini kepada mereka untuk berhenti bercakap perkara-perkara sebegini maka dengan senang hatinya Syeikh ku pun menjawab: "Berilah masa untuk saya berfikir dulu ye," dan selepas dari itu Syeikh ku memang tak pernah pun memberi jawaban kepada soalan anak Abuya tadi kerana diam adalah jawaban yang terbaik untuknya.

Langkah Tiga Strategi

Syeikh ku sudah menunggu masa yang lama untuk sampai ke tahap ini kerana memikirkan apa akan jadi kepada jemaah Al-Arqam jika Abuyanya meninggal dunia dan cacamerba ini masih belum sempat diluruskan? Setelah entah yang keberapa ratus kali memberi kuliah dan nasihat maka sekaranglah masanya.

Syeikh ku pun bercakap kepada Abuya Ashaari dengan disaksikan oleh isteri-isteri Abuya, anak-anak lelakinya yang besar-besar, para menantunya dan barisan pimpinan jemaahnya yang lelaki dan wanita. Kata Syeikh ku dalam pertemuan itu: "Saya merayu supaya Abuya melakukan perkara ini sebelum Abuya menutup mata. Abuya, harap

kasihanilah anak-anak jemaah Abuya, jangan jadi seperti Ikhwanul Muslimin di Mesir yang apabila arwah Hasan Al-Banna meninggal para pengikutnya merengkok dalam tahanan, diburu seperti binatang, kanak-kanak mereka menjadi yatim, perempuan-perempuan mereka menjadi janda, ibu-bapa yang anaknya dipenjara kerana mengikut Ikhwan menyumpah-seranah Hasan Al-Banna sampai mati, dan mereka sampai sekarang menjadi gerakan bawah tanah yang tak pernah nak berdamai dengan pihak pemerintah!

"Ini pesanan dari guru saya Sidna Syeikh Abdun Nasir di Madinah kepada Abuya bahawa sebagai langkah pertama untuk menyelesaikan masalah Al-Arqam dan kembali semula ke pangkuan masyarakat, maka pihak Abuya hendaklah melakukan tiga perkara ini…" tiga perkara ini telah dinamakan oleh Syeikh ku sebagai "Langkah Tiga Strategi" dan ia adalah:

1. Pertama, Abuya hendaklah berhenti bercakap konon Abuya akan menjadi perdana menteri Malaysia, membina negara Islam, menyediakan tapak daulah untuk kedatangan Imam Mahdi dan segala bagainya. Semua ini karut dan takkan berlaku, Abuya pun tahu.

2. Kedua, Abuya hendaklah tidak lagi bercakap kononnya Abuya adalah Pemuda Bani Tamim yang akan membawa keluar Imam Mahdi. Abuya tahu ini cerita bohong yang direka oleh salah seorang menantu perempuan Abuya dari Indonesia, entah dari buku mana dia membaca kemudian dia ceritakan kepada Abuya dan mengatakan bahawa Abuyalah Pemuda Bani Tamim itu lalu Abuya percaya bulat-bulat.

3. Abuya hendaklah berhenti bercakap bahawa Abuya yaqazah bertemu Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيه وَسَلَّم secara jaga. Fitnah pembohongan yaqazah dalam jemaah Al-Arqam dimulakan oleh bekas timbalan Abuya yang bernama Hj. Abdul Halim Abbas dengan dibantu oleh seorang lelaki Filifina bernama Mujahid. Cukuplah tu Abuya, Abuya pun tahu yaqazah hanya dapat dicapai oleh taraf wali-wali besar dan Abuya bukanlah orangnya.

Setelah menjelaskan ketiga-tiga perkara ini dengan cermat dan disaksikan oleh semua yang hadir pada majlis itu, Syeikh ku pun memberi janji kepada Abuya: "Jika Abuya bersetuju untuk melakukan tiga perkara ini, saya sendiri akan membawanya kepada pihak atasan dan ia akan menjadi permulaan untuk membersihkan nama Al-Arqam di Malaysia."

Abuya yang tidak boleh bercakap mengangguk setuju kepada Syeikh ku dan aku amat ingat bahawa Syeikh ku mengulang sekali lagi pertanyaannya apakah benar Abuya akan berteguh janji melakukan langkah ini? Itu juga dianggukkan oleh Abuya. Maka dengan itu Syeikh ku pun segera bertemu secara peribadi dengan sahabatnya Tan Seri Haji Hasan Azhari, hakim tilawah Al-Quran peringkat antarabangsa sejak puluhan tahun yang anaknya Tan Seri Musa Hasan pada masa itu adalah Ketua Polis Negara.

Syeikh ku menceritakan kepada Tan Seri Haji Hasan apa yang sudah dijanjikan oleh Abuya Ashaari untuk melakukannya. Tan Seri Haji Hasan mendengar dengan teliti lalu mengkonfirmasikan kepada Syeikh ku bahawa beliau melalui jalur-jalur peringkat tingginya pasti menyampaikan perkara tersebut kepada pihak atasan negara untuk




Berganding dengan Tan Seri Haji Hasan Azhari dalam satu majlis di Shah Alam.

mengambil tindakan selanjutnya.

Selesai pertemuan dengan Tan Seri Haji Hasan Azhari, Syeikh ku pulang ke Madinah. Gedebak-gedebuk tahu-tahu di Malaysia jemaah Abuya mengambil langkah lain dari yang tiga itu; mereka menghantar surat rasmi kepada Yang Dipertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin, menyatakan bahawa pihak jemaah Abuya sekarang sudah melantik menteri-menteri kabinet bayangan dari kalangan ahlinya dan bersedia pada bila-bila masa untuk mengambil alih pemerintahan negara! Syeikh ku di Madinah menepuk dahi! Tan Seri Haji Hasan pula marah-marah kerana merasa dirinya telah dipermainkan walhal Syeikh ku tak tahu menahu langsung soal kabinet bayangan itu.

Apabila Syeikh ku datang ke Malaysia beliau bertemu lagi Abuya Ashaari lalu menanyakannya apa yang berlaku ini? Soalan Syeikh ku dijawab oleh isteri Abuya yang paling petah bercakap, lebih kurang bunyi jawabannya: "Tak mengapalah Syeikh Mahmoud, kami mulanya mahu



melakukan tiga strategi itu, tapi apabila soal Daulah Islamiah, Imam Mahdi, Pemuda Bani Tamim dan yaqazah tidak kami bicarakan orang jadi tidak tertarik dengan perjuangan kami. Dalam pengalaman kami selama ini golongan akademik dan politik menjadi tertarik untuk menyertai perjuangan kami kerana perkara-perkara itulah," mendengarkan jawaban dari wanita petah tersebut, aku yang waktu itu menjadi penterjemah rasmi terasa ingin menghantuk-hantukkan kepalaku ke dinding batu.

Tinggal Kenangan

Pada tarikh 23 Mei 2010 aku menerima sms dari seorang rakan Arqam memberitahu bahawa Abuya Ashaari telah berpulang ke rahmatullah pada hari ini di Ipoh dan akan dikebumikan di Kg. Pilin, Rembau, Negeri Sembilan. Berita itu aku smskan pula kepada Syeikh ku di kota Madinah Al-Munawwarah, apabila membacanya beliau segera membalas smsku dan menyuruh aku pergi menghadiri pengebumian almarhum serta menyampaikan salam takziah dari beliau kepada kaum keluarga almarhum Al-Ustaz Ashaari Bin Muhammad yang merupakan salah seorang pencetus gelombang dakwah Islam pada awal tahun-tahun 70an dan pelopor industri makanan halal di Malaysia.

Cerita tentang apa yang berlaku kepada jemaah

almarhum selepas pemergiannya rasanya sedia dimaklumi oleh sidang pembaca yang mengikuti perkembangan mereka. Sekitar bulan September tahun 2013 sekumpulan pengikut almarhum telah menemui Syeikh ku untuk meminta pertolongan beliau supaya menjadi orang tengah antara mereka dengan pihak berkuasa agama untuk mereka mengisytihar taubat dan kembali ke pangkuan masyarakat. Mereka juga meminta kepada Syeikh ku mengijazahi mereka amalan Tareqat As-Syaziliyyah. Syeikh ku telah melaporkan berita tersebut kepada Sidna Syeikh Al-Kamil dan kemudian menulis komentarnya di dalam facebook seperti berikut:-

Aku telah bertanya kepada sanad dan junjungan kami Sidna As-Syeikh Abdun Nasir Al-Hasani Al-Jaza'iri As-Syazili -moga ALLAH meredhoinya dan menyampaikan keredhoan buatnya-:

Sekarang di Malaysia pengikut almarhum Al-Ustaz Muhammad Ashaari pengasas jamaah Darul Arqam yang kemudian menjadi Syarikat Rufaqa' dan kemudian Syarikat Global Ikhwan sudah berpecah kepada lebih tiga kumpulan besar…

Kumpulan besar yang mewakili gerakan mereka sekarang mahu bertaubat kepada ALLAH Azza wa Jalla dan ingin kembali ke pangkuan masyarakat, mereka mahu meninggalkan segala sikap taksub, karut marut dan pelbagai masalah yang mereka lakukan selama ini… isu-isu kumpulan ini amat diketahui oleh mereka yang mengikuti perkembangan semasa di Malaysia.

Yang penting dan yang lebih utama ialah mereka mahu berdamai dengan semua pihak yang kuat (dan berautoriti)… mereka juga mahu menisbahkan diri mereka kepada tareqat junjungan As-Syaziliyyah.

Sidna As-Syeikh Abd. Nasir Al-Hasani pun

mengujar: ALLAH Robbuna yang Maha Mengasihi kita punya jawapan yang cukup memuaskan dan meliputi segalanya dalam Surah Az-Zumar:

قُلْ يَا عِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَى أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللهِ إِنَّ اللهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ (53)

Katakanlah (wahai Muhammad): "Duhai hamba-hambaKu yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat ALLAH, kerana sesungguhnya ALLAH mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dia lah jua yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

وَأَنِيبُوا إِلَى رَبِّكُمْ وَأَسْلِمُوا لَهُ مِن قَبْلِ أَن يَأْتِيَكُمُ الْعَذَابُ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ (54)

Dan kembalilah kamu kepada Tuhan kamu dengan bertaubat serta berserah bulat-bulat kepadaNya, sebelum kamu didatangi azab; kerana sesudah itu kamu tidak akan diberikan pertolongan.

وَاتَّبِعُوا أَحْسَنَ مَا أُنزِلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُم مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِيَكُمُ الْعَذَابُ بَغْتَةً وَأَنتُمْ لَا تَشْعُرُونَ (55)

Dan turutlah -Al-Quran- sebaik-baik (panduan hidup) yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu, sebelum kamu didatangi azab secara mengejut,

sedang kamu tidak menyedarinya.

أَن تَقُولَ نَفْسٌ يَا حَسْرَتَى عَلَى مَا فَرَّطتُ فِي جَنبِ اللهِ وَإِن كُنتُ لَـمِنَ السَّاخِرِينَ (56)

Diperintahkan demikian supaya jangan seseorang (menyesal dengan) berkata: "Sungguh besar sesal dan kecewaku kerana aku telah mencuaikan kewajipan-kewajipanku terhadap ALLAH serta aku telah menjadi dari orang-orang yang sungguh memperolok-olokkan ugama ALLAH dan para penganutnya!

أَوْ تَقُولَ لَوْ أَنَّ اللهَ هَدَانِي لَكُنتُ مِنَ الْـمُتَّقِينَ (57)

Atau berkata: "kalaulah ALLAH telah memberi hidayah petunjuk kepadaku, tentulah aku telah menjadi dari orang-orang yang bertaqwa!

أَوْ تَقُولَ حِينَ تَرَى الْعَذَابَ لَوْ أَنَّ لِي كَـرَّةً فَأَكُونَ مِنَ الْـمُحْسِنِينَ (58)

Atau berkata semasa dia melihat azab: "Kalaulah aku dapat kembali ke dunia, nescaya menjadilah aku dari orang-orang yang mengerjakan kebaikan!

بَلَى قَدْ جَاءَتْكَ آيَاتِي فَكَذَّبْتَ بِهَا وَاسْتَكْبَرْتَ وَكُنتَ مِنَ الْكَافِرِينَ (59)

Kata-kata yang tersebut ditolak oleh ALLAH

(dengan firmanNya): "Bahkan telahpun datang kepadamu ayat-ayat petunjukKu, maka engkau telah mendustakannya serta engkau berlaku sombong angkuh mengenainya, dan engkau telah menjadikan dirimu dari orang-orang yang kufur ingkar!

وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ تَرَى الَّذِينَ كَذَبُواْ عَلَى اللهِ وُجُوهُهُم مُّسْوَدَّةٌ أَلَيْسَ فِي جَهَنَّمَ مَثْوًى لِّلْمُتَكَبِّرِينَ (60)

Dan di hari Kiamat, engkau akan melihat golongan yang berdusta terhadap ALLAH (dan yang menyatakan kesedihan itu) - muka mereka hitam legam; bukankah (telah diketahui bahawa) dalam neraka jahannam disediakan tempat tinggal bagi orang-orang yang sombong takbur?!

وَيُنَجِّي اللهُ الَّذِينَ اتَّقَوا بِمَفَازَتِهِمْ لَا يَمَسُّهُمُ السُّوءُ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ (61)

Dan (sebaliknya) ALLAH akan menyelamatkan orang-orang yang bertaqwa dengan mereka mendapat kemenangan besar (keredaan ALLAH) mereka tidak akan disentuh sesuatu yang buruk, dan tidak akan berdukacita.

"Punca tumbangnya Darul Arqam yang satu ketika dahulu pernah menjadi sebuah Jamaah Islamiyyah yang gagah dan berpengaruh di rantau Asia Tenggara selama lebih 40 tahun adalah pendustaan mereka… pendustaan mereka… dan pendustaan mereka.

"Kerana ini dan itu semualah dusta adalah dusta,

bohong adalah bohong… adalah peruntuh segala-galanya.

"Allahumma Robbana pimpinlah tangan kami kepadaMu dan jadikanlah kami dari golongan sodiqin.. mudahkanlah bagi kami jalan menujuMu ya ALLAH… Allahumma amin."

Demikianlah komentar beliau di dalam facebook dan sampai sekarang pun tidak ada orang-orang Arqam itu yang datang untuk mengambil Tareqat As-Syaziliyyah dari Syeikh ku kerana merasa tak sanggup dengan prasyarat yang beliau letakkan. Semoga ALLAH mengurnia taufik dan memberi hidyah kepada kita semua kaum Muslimin, amin.



Bab Keempatbelas

Jiran-jiran Zawiyah -2

Oleh kerana bilangan murid yang menghadiri majlis zikir zawiyah Syeikh ku di Shah Alam saban minggu makin ramai, Syeikh ku pun mula berfikir untuk membeli sebuah rumah yang sesuai dan dapat dibesarkan untuk dijadikan zawiyah[1]. Alhamdulillah, masih di kawasan taman perumahan yang sama tidak jauh dari rumah yang kami sewa sekarang ada sebuah rumah *corner lot* yang mahu dijual. Memang Syeikh ku menyukai kawasan ini kerana persekitarannya yang damai dan berdekatan dengan hutan Bukit Cherakah di belakangnya .

Setelah kelulusan untuk merenovasi diperolehi dari Majlis Bandaraya Shah Alam, Syeikh ku yang waktu itu berada di Madinah telah menyuruh aku bertemu dengan jiran sebelah rumah untuk meminta izin dari beliau terlebih dahulu bagi memulakan kerja-kerja pengubahsuaian yang sudah pasti akan menerbitkan gangguan kepadanya. Jiran kami ini cendikiawan veteran dan pengerusi surau taman perumahan kami, orangnya mesra dan amat toleran. Apabila kerja-kerja pengubahsuaian sudah sempurna Syeikh ku pun menamakan rumah ini Bait Sydna Syeikh Abdun Nasir Al-Hasani, iaitu nama gurunya yang berjasa dan dengan itu berpindahlah zawiyahnya ke rumah baru.

1- Kisah pembelian zawiyah ini sudah disebut dalam buku BAHTERA.

Hubungan dengan jiran-jiran setaman perumahan juga baik-baik saja. Apabila hari raya Aidilfitri dan sambutan Maulid Junjungan Nabi صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم, pihak zawiyah akan mengadakan kenduri besar (rumah terbuka) mengundang semua jiran-jiran kami serta kenalan dari dekat dan jauh. Suasana jadi sungguh meriah.

Setelah lama bergaul di taman perumahan ini aku jadi faham mengapa ada sesetengah jiran yang takut-takut dengan majlis zikir di zawiyah kami. Mulanya aku menyangka yang takut itu prejudis dengan khatam Al-Quran dan majlis selawat, tapi takkanlah begitu kerana mana mungkin orang Islam prejudis dengan Al-Quran dan Selawat Nabi صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم?! Tapi lama-lama baru aku faham sebenarnya bukan kerana masalah ini, bahkan kerana soal telah menetapkan imej tertentu. Imej tertentu yang macam mana?

Imej ini boleh jadi diperolehinya dari mendengar cakap-cakap orang atau melalui bacaan, media massa, youtube… atau mungkin dari khayalan sendiri. Aku menyimpulkan ini kerana ada yang bertanya kepadaku apakah di zawiyah ustaz melakukan hadrah[1]? Aku jawab tidak, tak sempat bernafas aku disoal lagi: "Bukankah zawiyah ustaz Tareqat As-Syaziliyyah?! Saya lihat di youtube orang Tareqat Syaziliyyah berzikir sambil melompat-lompat, menari-nari?! Ada kawan yang hadir majlis zikir Tareqat Syaziliyyah yang bukan zawiyah ustaz pun hadrah juga!."

Aku pun menerangkan: "Oh, yang saudara lihat dalam youtube itu bukan tareqat kami. Kami adalah Tareqat As-Syaziliyyah yang mengikut jalur asal sepertimana dari pengasasnya iaitu Saiyidina As-Syeikh Abul Hasan As-Syazili

1- Hadrah ialah majlis zikir dengan nyanyian qasidah dan bentuk gerakan badan tertentu yang secara mudahnya disebut orang sebagai menari.

yang tidak ada hadrah, tidak ada goyang-goyang, tidak ada gendang-gendang, tidak ada teriak-teriak...

"Di majlis kami hanya ada ketenangan, takut dan tunduk kepada ALLAH. Jemputlah saudara hadir ke majlis zikir kami untuk mengalami sendiri. Apa yang saudara lihat dalam youtube itu bukan dari As-Syaziliyyah yang asal, semua itu pecahan dari As-Syaziliyyah. Yang kawan saudara hadiri pula saya rasa itu adalah tareqat yang dari Sidi Ahmad Al-`Allawi Al-Mustaghanimi. Dalam Tareqat As-Syaziliyyah kami, tidak ada seperti itu."

Semoga ALLAH meredhoi semua masyaikh sufi tidak kira apa tareqatnya, Allahumma amin. Dalam soal zikir menari, zikir melompat dan zikir berpusing-pusing pernah ada pegawai tinggi kerajaan bertanya kepada Syeikh ku apa pandangan beliau mengenainya? Tidakkah haram? Jawab Syeikh ku kepada pegawai itu: "Saya tidak kata halal dan tidak kata haram. Tapi dalam tareqat saya tidak ada semua itu. Jikalau tuan nak tahu mengenai hukumnya silalah tuan bertanya sendiri kepada mereka yang mengamalkannya."

Pegawai tinggi itu kelihatan mendesak juga Syeikh ku untuk memberi padangan terhadap satu kumpulan tareqat yang dilihatnya mengamalkan hadrah dan muzik. Kata Syeikh ku: "Yang saya tahu ialah tareqat itu pada zaman dahulu menumpukan zikir lafaz ALLAH ALLAH ALLAH, pengamalnya mengamalkan zikir ini dengan serius hingga tercetak di dalam hatinya dan hingga hatinya dengan sendirinya mengucapkan ALLAH. Sekarang saya terkejut! Pengikut tareqat itu sekarang sudah menari. Apa ini?! Ini tidak soheh. Apabila saya mengkritik mereka, mereka marah saya pula."

Bab Kelimabelas

Trip Ke Makassar

Mursyid = Guru Pendidik Jiwa Raga

Untuk mengkayakan lagi isi kandungan SUHBAH aku telah meminta dari para junjunganku -murid-murid Syeikh ku- untuk turut mengkongsikan pengalaman mereka sepanjang bersuhbah menerima didikan dari guru kami itu. Alhamdulillah ramai juga yang menyahut hingga tak dapat nak ku muatkan semuanya. Yang jelas aku terkesan dengan kisah-kisah mereka. Pembaca budiman, jangan kau fikir aku bercakap ini sekadar bermanis mulut dengan mereka, kau bacalah sendiri kisah-kisah mereka ini kemudian nanti beritahu padaku terkesan atau tidaknya pula hatimu itu. Antara mereka adalah orang tuaku Tuan Haji Ahmad Salim Omar, veteran yang pernah berkhidmat dalam MAGERAN tahun 1977 sebagai penolong pengarah itu bercerita kepadaku:

Saya pernah dengar kata-kata orang tua-tua dahulu jangan belajar agama tanpa berguru dan utamakanlah guru yang bersanad. Saya tidak berapa faham nasihat

mengapa kita perlu memberi keutamaan belajar agama dengan guru yang bersanad sehinggalah saya ditakdirkan ALLAH berjumpa dengan seorang syeikh sufi dan menjadi muridnya iaitu Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani Al-Husayni putera Kota Madinah Al-Munawarah. Alhamdulillah syukur saya kepada ALLAH melalui bimbingannya kefahaman saya terhadap Islam makin jelas dan makin mendorong saya untuk lebih bersungguh-sungguh membaiki diri saya secara holistik.

Apa makna membaiki diri secara holistik? Semua orang inginkan kemajuan diri, atau pembangunan diri dan perubahan ke arah kebaikan. Isunya apakah kemajuan, pembangunan dan perubahan yang diinginkan itu jelas bentuknya, sifatnya, dan skopnya? Apakah perubahan, pembangunan, kemajuan yang diinginkan itu dapat digambarkan, dapat dihuraikan secara jelas. Adakah pembangunan yang diinginkan itu mempunyai role model yang hidup?. Tanpa role model bolehkah pembangunan yang holistik itu dicapai? Isunya pembangunan diri yang digembar-gemburkan dan yang menjadi idaman kebanyakan manusia selama ini sebenarnya -maafkan saya- pada saya terlalu kabur, tidak jelas dan tidak tepat.

Apabila ALLAH Subhanahu wa Taala inginkan umat manusia menjadi baik, membangunkan diri mereka; pembangunan itu mesti mengikut acuan yang ALLAH inginkan. Hanya pembangunan yang mengikut acuan ALLAH sahaja yang tepat dan yang terbaik. ALLAH berfirman dalam Surah Al-Baqarah ayat 138:

صِبغَةَ اللهِ وَمَن أَحسَنُ مِنَ اللهِ صِبغَة...

"Celupan ALLAH, dan siapakah yang lebih baik celupannya daripada ALLAH…"



Pembangunan diri yang selain daripada mengikut acuan ALLAH ianya sia-sia sahaja.

Untuk membangunkan manusia mengikut acuan ALLAH, ALLAH hantarkan para rasulNya buat mendidik manusia dan ALLAH sendiri yang mendidik rasulNya. Baginda Rasul صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم mendidik para sahabat. Baginda Rasul صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم menjadi role model para sahabat. Para sahabat pula mendidik para tabi`in dan para sahabat yang berakhlak dengan akhlak Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم menjadi role model para tabi`in. Para tabi`in pula mendidik para-para tabi`ut tabi`in dan para tabi`in yang berakhlak dengan akhlak Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم menjadi role model para tabi`ut tabi`in.

Selepas zaman tabi`ut tabi`in hingga kini tugas mendidik umat dipikul pula oleh ulama warasatul anbiya, ulama yang beramal dengan ilmunya, ulama awliya solihin yang berakhlak dengan akhlak Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم dan mereka adalah syeikh-syeikh yang kamil yang disediakan oleh ALLAH pada setiap zaman untuk mendidik manusia menuju ALLAH, iaitu untuk melayakkan manusia benar-benar menjadi hamba ALLAH dan syeikh kamil yang yang berakhlak dengan akhlak Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم inilah menjadi role model para muridnya.

Realitinya tidak mungkin seorang Muslim boleh



Bangunan Markaz At-Tasawuf Al-Islami di Bandung Barat. Kenangan bersama almarhum Kiai Hj. Mufti.

Silaturrahim dengan ahli kariah Masjid Syeikh Yusuf, Makassar.



membangunkan diri secara tepat dan holistik tanpa bimbingan seorang syeikh kamil lagi mursyid. Kita boleh belajar agama dalam juzuk-juzuk tertentu daripada guru agama biasa. Tetapi untuk mendapat didikan secara meyeluruh dalam semua aspek keperibadian kita iaitu fizikal, mental dan rohani kita perlu kepada bimbingan seorang mursyid yang telah melalui proses pendidikan ini bepuluh tahun daripada mursyidnya.

Kita perlukan role model yang hidup, yang layak mendidik kita secara holistik kerana beliau telah melalui

proses yang sama ditangan mursyidnya. Bukan sahaja dia layak dari segi ilmu dan kemahirannya tetapi dia dibekalkan ALLAH jiwa pendidik yang tinggi, sifat rahmah, kasih sayang yang merata, pengorbanan, kesabaran, komitmen yang luar biasa tinggi yang tidak sanggup dilakukan oleh kebanyakan guru-guru biasa. Pembangunan diri yang kita idam-idamkan itu secara tepat dan holistik akan hanya berlaku apabila kita diizinkan ALLAH menjadi murid kepada seorang syeikh murobbi yang sangat mengasihi, menyayangi dan sangat komited untuk mendidik kita sepertimana yang ALLAH kehendaki.

Perbezaan yang sangat ketara antara seorang mursyid dan seorang guru agama biasa ialah seorang mursyid mengambil tanggungjawab kepada ALLAH untuk mendidik muridnya dan yang ingin menuju kepada ALLAH, secara berterusan, sepangjang hayat, meliputi seluruh aspek pembangunan iaitu fizikal, mental dan rohani. Mursyid mendidik melalui kata-kata nasihat dan tarbiahnya dan juga melalui ehwalnya. Mursyid mendidik tidak kira tempat, tidak kira masa, bilamana sahaja murid berkesempatan suhbah dengan mursyid akan mengalirlah mutiara-mutiara ilmu dari mulut mursyid dan dari ahwalnya murid dapat mencontohi adab dan akhlak seorang Mukmin.

Alhamdulillah saya bersyukur kerana pada tanggal 16 hingga 24 April 2013 saya bersama enam orang murid lain berpeluang bersuhbah bersama Syeikh kami Dr. Mahmoud MrGlani Al-Husayni -moga ALLAH meredhoi beliau- ke Makassar, Indonesia. Ini suhbah saya yang kedua di luar

negara bersama Syeikh. Selama lapan hari kami bermusafir dengan beliau buat pertama kali melawat Makassar.

Apabila murid bermusafir dengan syeikhnya akan tambah suburlah mahabbah si murid kepada gurunya itu. Apabila si murid menyertakan mahabbah dengan zikir, ilmu dan adab maka itu akan menempatkan dirinya di hati syeikhnya, maka banyaklah manfaat syeikhnya dapat mengalir kepadanya. Sejauh mana seorang murid mencintai syeikhnya sebanyak itu pulalah syeikhnya mencintainya. Suhbah dan musafir bersama syeikh memberi peluang kepada murid mengenali syeikhnya itu dengan lebih dekat dan dengan itu akan menambah keyakinan dan kasih sayangnya kepada syeikh.

Banyak ilmu, pengajaran dan didikan yang kami perolehi melalui permusafiran ini. Di sini saya ingin berkongsi sedikit ilmu yang kami timba dalam trip ini melalui perkataan dan ehwal Syeikh yang boleh kami pelajari dan contohi dalam soal membaiki diri dari aspek fizikal, mental dan rohani.

Dalam lawatan ke Makassar pertama kali ini kami tidak membuat tempahan terlebih dahulu hotel mana yang kami akan menginap. Syeikh berpesan kita uruskan penginapan apabila sampai ke Makassar nanti. Syeikh mahu mengajar secara pratikal kepada kami bagaimana hendak mengurus keperluan di tempat asing supaya berhasil mendapat apa yang dihajati dalam keadaan yang memuaskan dan tidak mudah tertipu.

Sesampai di airport Makassar, Syeikh minta murid-murid yang muda menguruskan transportasi kami ke bandar dan soal tempat tinggal. Syeikh sangat mentakzim orang tua warga emas seperti saya, Dato Adnan dan Tabib Nur. Walaupun kami selaku muridnya ingin berkhidmat juga tetapi Syeikh tidak benarkan, kami diminta duduk bersamanya bermuzakarah sambil menunggu dan

memerhatikan orang muda menguruskan kenderaan ke bandar Makassar dan memilih hotel tempat menginap. Mentakzim orang tua adalah sunnah Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم yang sudah tidak lagi diberi perhatian oleh umat dewasa ini, tetapi bagi Syeikh sunnah ini dan sunnah-sunnah yang lain sangat dijaga.

Bukan senang juga untuk mengurus transport dan memilih hotel supaya sesuai dengan keperluan kami. Setelah beberapa kali perundingan akhirnya kami berjaya mendapat dua buah kereta ejen pelancongan yang boleh membawa kami ke hotel yang sesuai. Dalam perjalanan ke bandar, Syeikh seperti biasa sangat mesra dengan orang yang baru dikenali iaitu pemandu van dan beliau melayaninya seperti orang yang dah lama dikenali lalu Syeikh mendapat berbagai maklumat penting daripada pemandu.

Apabila kami sampai ke hotel yang dibawa oleh ejen pelancongan itu, kami dapati hotelnya tidak sesuai untuk keperluan kami. Oleh kerana sudah lewat kami ambil juga hotel itu, tetapi Syeikh minta pemandu kereta kenalan baru tolong mencari tempat baru yang lebih selesa untuk keperluan kami. Keesokan harinya pemandu kereta berjaya mencari tempat baru yang lebih privasi dan sesuai dengan keperluan kami dengan harga yang berpatutan.

Satu pengajaran yang saya dapat di sini yang ingin diajarkan Syeikh kepada kami ialah usaha supaya cepat mesra dengan kenalan baru, buang sifat malu dan ambil daya usaha untuk menceriakan suasana dan dalam masa yang sama bertanya maklumat-maklumat penting yang berguna untuk tujuan perjalanan kita.

Setiap kali saya bermusafir dengan Syeikh, saya dapati beliaulah orang yang ghairah memberi salam pertama kepada sesiapa sahaja Muslim yang ditemui dalam perjalanan.

Beliau mudah mesra, begitu memerhatikan keadaan sekeliling dan pendengarannya sangat tajam. Dalam apa pun transaksi, kita mesti jujur dan tidak boleh ambil kesempatan. Sebaliknya kita juga tidak boleh membiarkan diri kita ditipu, atau rugi, atau dieksploitasi. Contoh semasa kami tinggal di hotel yang disediakan minuman pagi, kita dapat ambil sarapan kita secara optima dan dengan penuh beradab. Syeikh pernah tegur seorang murid yang macam tak selera nak sarapan pagi supaya makan elok-elok, nanti kita tak perlu membazir duit cari minuman pagi lagi di luar dan jimat masa kita untuk tujuan yang lebih bermanfaat.

Setiap kali saya bermusafir dengan Syeikh, saya dapati beliaulah orang yang ghairah memberi salam pertama kepada sesiapa sahaja Muslim yang ditemui dalam perjalanan.

Syeikh juga mengajar kami untuk mendapat faedah yang terbaik apabila membeli belah. Kita kena tahu harga suatu barang yang ingin kita beli supaya boleh ditawar dengan harga yang berpatutan, kerana selalunya harga yang ditawarkan kepada pelancong lebih tinggi dari biasa. Saya pernah mengikut Syeikh ke Tanjung Pinang, Indonesia dalam lawatan pertama bersama Syeikh tahun 2012. Apabila diletakkan harga rp600,000. untuk membeli satu barang Syeikh menawarnya hingga rp200,000. Pada mulanya saya agak terkejut, rendah sangat tawarannya, tetapi kemudian Syeikh memberi tahu saya bahawa harga barang itu sebenarnya kurang daripada rp150,000.

Pada hari kedua di Makassar kami berjalan kaki di tengah bandar untuk melihat tempat-tempat menarik

serta membeli cenderamata untuk sanak saudara dan kawan-kawan. Apabila sampai di satu kedai cermin mata salah seorang murid yang ketinggalan cermin mata untuk membaca ingin menempah satu cermin mata baru dan pekedai berjanji satu hari baru boleh siap. Tempoh satu hari itu munasabah dan si murid bersetuju, tetapi Syeikh minta pekedai itu menyiapkan cermin mata dalam tempoh satu jam sahaja. Hairannya pekedai itu setuju. Sebenarnya Syeikh tahu masa sebenar yang diperlukan untuk menyiapkan cermin mata itu. Saya sangat takjub, dalam soal sekecil ini pun Syeikh tidak mahu kami dieksploitasi dan tidak mahu permusafiran kami terikat dengan tempahan ini. Syeikh ingin mengingatkan kami jangan membazirkan masa. Guna masa seoptimum mungkin. Syeikh mengatur kerja sangat rapi dan menggunakan masa sangat optimum.

Pada hari kedua di Makassar sebahagian kami berjalan-jalan di bandar dan sebahagian lagi bersama dengan pemandu van pelancong menguruskan perpindahan kami daripada hotel ke satu penginapan yang boleh dikatakan macam homestay tetapi besar, banyak bilik dan boleh menampung beberapa keluarga. Di tempat baru ini sangat selesa, disediakan sarapan dan boleh menggunakan dapurnya untuk keperluan penginap. Biliknya luas dan ada ruang tamu yang boleh digunakan untuk majlis. Di tempat baru ini tidak sibuk, seolah-olah kami saja yang menjadi penghuninya, penghuni lain bagai tak kelihatan.

Di penginapan baru, Syeikh mula merancang untuk kami bermusafir ke utara Makassar bagi melawat pergunungan Toraja lebih kurang 1500 kilometer ke utara bandar Makassar. Kami mahu menyewa satu van yang boleh muat lapan orang serta dengan beg-begnya. Seorang keluarga pekerja tempat penginapan kami datang menawarkan vannya

untuk membawa ke utara. Dia sudah banyak pengalaman membawa pelancong ke tempat yang hendak kami tuju itu. Vannya kecil sedikit tetapi dia sanggup mencari van yang lebih selesa. Syeikh berbual dan berbincang dengannya dengan sangat mesra. Saya menyangkakan Syeikh akan menyewa vannya, tapi sebaliknya Syeikh minta seorang muridnya menghubungi pemandu van pelancong yang semalam itu bagi mencari van dan pemandunya sekali untuk lawatan kami ke utara. Sekali lagi pemandu van pelancong itu berjaya menguruskan van yang sesuai untuk perjalanan beserta dengan pemandunya sekali dengan harga yang sangat berpatutan.

Di sini saya menarik kesimpulan bahawa di antara kelebihan seorang syeikh ialah dia mengenal watak seseorang walaupun baru berkenalan melalui perbualannya dan melalui bahasa badannya. Syeikh kemudian memberitahu saya ini bukan ilmu kasyaf, ia adalah ilmu yang didapati melalui pengalaman berinteraksi dengan berbagai ragam manusia dan pemerhatian yang tajam disertai hati yang celik… hati yang hidup dengan zikrullah.

Pada pagi hari keempat kami berangkat ke jaluran utara Tanah Bugis itu. Seperti biasa apabila bermusafir dengan Syeikh dalam kenderaan, Syeikh akan minta setiap orang memberi laporan terhadap apa yang telah dipelajari dalam perjalanan setakat ini. Melalui laporan-laporan secara sepontan kami para murid dapat menambah ilmu dan kefahaman melalui perkongsian ini dan Syeikh pula dapat menilai sejauh mana kefahaman dan ketajaman akal murid-muridnya serta perubahan-perubahan yang telah berlaku pada diri tiap mereka.

Biasanya dalam permusafiran seperti ini di samping perkongsian laporan akan diselangi dengan selawat, zikir,

qasidah dan tarbiah dari Syeikh. Perjalanan kami selama 19 jam tanpa berhenti kecuali untuk solat dan makan-minum tidak terasa memenatkan, sebaliknya menyeronokkan dan penuh dengan pengisian ilmu yang sangat bermanfaat menyebabkan perjalanan yang jauh terasa singkat.

Salah satu penyampaian tarbiah Syeikh kami yang sering diingatkan kepada murid-muridnya ialah berkenaan dengan usaha membebaskan roh daripada belenggu nafsu. Nafsu yang letaknya di tengah dahi manusia masuk kepada segala perkara untuk merosakkan perkara itu. Bahkan nafsu masuk bersama si alim dalam ilmunya…. bersama si zuhud dalam kezuhudannya… bahkan masuk bersama si wali dalam kewaliannya! Nafsu masuk dalam segala-galanya.

Bagaimana seseorang itu boleh selamat dari cengkaman nafsu? Kata Syeikh ini perkara sangat merbahaya, hanya bagi insan yang diselamatkan oleh ALLAH Subhanahu wa Taala; insan yang ditemukan ALLAH dengan seorang syeikh kamil murobbi yang `arif billah lagi arif segala selok belok nafsu dan insan itu menempuh suluk dan tarbiah ditangan syeikh ini melalui zikir, ilmu, suhbah dan adab. Kewujudan syeikh kamil murobbi memang ada pada tiap zaman… namun mereka tidak masyhur.

Syeikh apabila bicara perkara-perkara yang merbahaya seperti ini sering menyusuli nasihatnya dengan doa memohon perlindungan ALLAH,

> ***"Allahumma Robbana rahmatMu yang ku harapkan, maka janganlah Engkau menyerahkan aku kepada nafsuku barang sekerdip mata dan tidak juga lebih sedikit dari tempoh itu wahai Tuhan yang sebaik-baik melayan permintaan."***

Syeikh selalu mengingatkan kami supaya bersifat rahmat. Sikap rahmat sudah sepatutnya menjadi logo seorang murid

penuju ALLAH. Kata Syeikh kalau kita inginkan rahmat ALLAH kita kena memiliki sifat rahmat kasih sayang. Apabila murid bermusafir bersama syeikh murobbi sifat rahmat syeikh itu akan terserlah pada sikapnya yang sangat perihatin terhadap keselamatan dan kesejahteraan murid-muridnya dalam perjalanan. Dalam perjalanan ke Toraja salah seorang murid terkena selesema, tidaklah kuat sangat, tetapi Syeikh kami amat perihatin dan segera mengarahkan kami mencari farmasi untuk membeli ubat yang diperlukan. Di perjalanan sepanjang hari itu Syeikh mengambil berat tentang keselesaan si murid selesema ringan ini.

Syeikh sentiasa perihatin keperluan murid-muridnya, meraikan murid dan mendahulukan murid. Dalam perjalanan ini kami kerap juga berhenti untuk minum kopi serta menikmati buah-buah dan juadah tempatan yang segar sambil mendengar nasihat dan pengajaran dari Syeikh. Pendek kata perjalanan kami diisi dengan pelbagai hidangan rohani yang menghidupkan hati, menajamkan akal, menceriakan emosi dan mengeratkan hubungan kasih sayang. Saya sangat terkesan dengan pendidikan secara begini. Di mana lagi boleh kita dapat kaedah pendidikan yang halus seperti ini kalau tidak bersama dengan syeikh mursyid murobbi ?!

Dalam lawatan ke Makassar ini kami sempat singgah di banyak masjid dan menziarahi makam para wali. Di sana masjid memang merata-rata, kalau masuk waktu subuh kedengaranlah suara azan bersahut-sahut seolah-olahnya dari seribu menara… syahdu sungguh. Antara maklumat yang kami perolehi di sana ialah sudah menjadi adat para pesawah apabila hari menuai mereka akan menghantar sebahagian dari padi mereka yang terbaik ke masjid untuk kemaslahatan pengimarahannya. Syeikh kami mengujar,

itu sebenarnya berasal dari amalan sunnah. Kurang dari serataus tahun yang lalu masih berlaku satu adat di kalangan petani kurma kota Madinah Al-Munawwarah, setiap tahun apabila memetik hasil pertama buah kurma, mereka akan menghantar sebahagiannya ke Masjid Nabawi untuk tabarruk kepada Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Kata Syeikh kami lagi amalan ini sudah ada sejak zaman Baginda Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Di Masjid Syeikh Yusuf Tajul Khalwati Al-Makassari, pahlawan nasional Indonesia yang terletak bersebelahan dengan makamnya di Lakiung, Syeikh telah dijemput untuk menyampaikan kuliah. Jemputan yang sepontan dari penduduk tempatan itu tidak dihampakan oleh beliau, Syeikh telah menjelaskan kepentingan berselawat dan majlis diselangi dengan bacaan-bacaan qasidah yang bergemuruh bersama-sama dengan ahli-ahli kariah. Program ini sangat meriah dan meninggalkan kesan yang mendalam di hati sanubari hadirin.

Satu lagi pengajaran yang sangat terkesan pada saya dan tidak mungkin boleh saya lupa sampai bila-bila ialah ketika bersama Syeikh di airport Makasaar sewaktu menunggu penerbangan untuk pulang ke Kuala Lumpur. Saya sedang mengemas-gemaskan beg galas saya dan dengan tidak sengaja sekeping kulit kacang tanah yang kecil terjatuh dari beg saya ke lantai airport. Saya tidak mengambilnya untuk dibuang di tong sampah yang disediakan memandangkan kulit kacang itu kecil saja. Dengan tidak berkata apa-apa syeikh mengambil kulit kacang itu dan membuangnya ke dalam tong sampah. Saya terkedu dan merasa sangat malu lagi tidak sopan, tidak sepatutnya saya membiarkan kulit kacang itu. Saya sangat menghormati Syeikh dan sangat menyayanginya di atas keperihatinannya, kesungguhannya

dan di atas tawaduknya dan kehalusannya mendidik saya secara menyeluruh.

Syeikh sentiasa dalam tarbiahnya mengingatkan kami supaya menjaga kebersihan...

Syeikh sentiasa dalam tarbiahnya mengingatkan kami supaya menjaga kebersihan, memastikan badan kita tidak berbau, pakaian kita sentiasa kemas dan bersih serta menjaga kebersihan persekitaran kita. Apabila kami bersama Syeikh dalam safar-safar seperti ini kami dapat menyaksikan apa yang diucapkan oleh Syeikh dalam tarbiah-tarbiahnya terbukti sudah lama menjadi tabiat dan akhlak dirinya. Inilah sifat dan sikap seorang murobbi pendidik jiwa raga; dia bercakap dari hati yang kenal, cinta, tunduk, dan menyerah diri kepada ALLAH dan RasulNya صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.



Nah, pembaca budiman… sudah kau tatap kisah orang tuaku ini? Sekarang sudah kau setuju denganku bahawa kisah-kisahnya itu buat aku terkesan? Betapa tidak, beliau ini sudah melewati umur enam dekad dan mengidap diabetes pula -moga ALLAH mengurniai keafiatan buatnya- tapi hampir tiap kali Syeikh ku membuka peluang kepada murid-muridnya untuk ikut musafir maka orang tua ini takkan mahu kalah dengan orang-orang muda dan dialah antara yang terawal mendaftar nama kerana loba dengan peluang menimba didikan dari Syeikh di perjalanan darat, udara dan lautan. Kau tak percaya lagi denganku kawan? Ayoh kau cubalah sendiri!

Bab Keenambelas

Kaedah Sufi

Kalau Syeikh kita sampaikan kuliah saya dapati Tuan Haji rajin mencatit. Tuan haji catit apa ye?" kata seorang murid muda dalam percubaan nak mengecek-ngecek buku catatan Tuan Haji Ahmad Salim orang tua kami itu. Tuan Haji tersenyum-senyum dan aku perturunkan di bawah ini hasil "risikan" si murid muda. Kata Tuan Haji:



Banyak pihak yang menolak Tasawuf dan ada yang mengkafirkannya, sedangkan ilmu Tasawuf itu ialah ilmu untuk membaiki akhlak. Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم bersabda:

حُسنُ الخُلُقِ نِصفُ الدِّينِ

"Akhlak baik merupakan separuh dari agama"

berkata jungjungan awliya solihin:

مَن زَادَكَ خُلُقًا زَادَكَ تَصَوُّفًا

"Barangsiapa yang menambah akhlakmu dia menambah tasawufmu."

Sesungguhnya Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم diutuskan untuk meyempurnakan akhlak mulia. Dalam satu lagi hadis Baginda صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم bersabda lagi:

أَقرَبُكُم مِنِّي مَجلِسًا يَومَ القِيَامَةِ أَحَاسِنُكُم أَخلَاقًا

"Orang yang paling dekat di kalanganmu tempat duduknya nanti denganku di hari Kiamat adalah orang yang paling baik akhlaknya."

Begitulah pentingnya untuk seorang Muslim memiliki akhlak mulia supaya dia dapat duduk dengan Baginda Nabinya صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم, tetapi ada pihak yang menolak Tasawuf, menolak kaifiat sufi yang diambil bersumberkan Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم dalam usaha mereka mendidik umat mencontohi akhlak mulia Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Mengapa boleh berlaku salah faham ini yang mengakibatkan banyak huru hara dan kecelaruan berlaku di kalangan umat Islam? Kalau nak dikaji banyaklah sebab-sebab yang boleh dikenalpasti, tetapi saya ingin berkongsi dengan pembaca sekelian beberapa maklumat yang saya perolehi dalam seminar Nafahat Jalan Robbi yang dikendalikan oleh guru kami Yang Berbahagia Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani, yang berlangsung pada 7 Mac 2015 di Auditorim Perpustakaan Raja Tun Uda, Seksyen 13 Shah Alam.

Seminar ini adalah Seminar Nafahat Jalan Robbi yang ketujuh yang telah dikendalikan oleh Syeikh Dr. Mahmoud di sekitar Lembah Kelang. Pada setiap seminar Nafahat ini banyak maklumat-maklumat baru tentang Islam, Iman dan

Ihsan yang saya perolehi yang tidak pernah saya dengar selama ini. Dengan bertambahnya maklumat-maklumat baru ini bukan sahaja gambaran Islam itu lebih jelas dan menarik lagi buat saya, tetapi yang lebih pentingnya ialah gambaran Islam yang tidak tepat yang telah saya warisi dari pembelajaran yang tidak sempurna, yang bermain dalam fikiran saya selama ini, dengan adanya maklumat yang baru ini bertukar wajah dari negetif kepada positif, dari pudar kepada segar, dari malap kepada bercahaya yang menyebabkan minat saya untuk menambah ilmu dan baiki diri makin bersemangat.

Salah satu contoh maklumat yang baru saya perolehi daripada Seminar Nafahat Jalan Robbi -7 baru-baru ini ialah, tentang kaedah sufi yang dipetik oleh Syeikh Dr. Mahmoud dari kitab Qawa`id As-Sufiyyah karangan As-Syeikh Sidi Ahmed Bin Zarrouq -moga Allah meredhoi beliau dan kita mendapat manafaat dari beliau-:

قَاعِدَةُ حُكم الفِقهِ عَامٌ فِي العُمُومِ لِأَنَّ مَقصُودَهُ إِقَامَةُ رَسمِ الدِّينِ وَرَفعُ مَنَارِهِ وَإِظهَارُ كَلِمَاتِهِ. وَحُكمُ التَّصَوُّفِ خَاصٌّ فِي الخُصُوصِ لِأَنَّهُ مُعَامَلَةٌ بَينَ العَبدِ وَرَبِّهِ مِن غَيرِ زَائِدٍ عَلَى ذَلِكَ. فَمِن ثَمَّ صَحَّ إِنكَارُ الفَقِيهِ عَلَى الصُّوفِيِّ وَلَم يَصِحْ إِنكَارُ الصُّوفِيِّ عَلَى الفَقِيهِ، وَلَزِمَ الرُّجُوعُ مِنَ التَّصَوُّفِ إِلَى الفِقهِ فِي الأَحكَامِ لَا فِي الحَقَائِقِ.

"Bahawa kaedah hukum fekah itu am dan merata kepada semua, kerana tujuan dari fekah adalah mendirikan rupa agama, meninggikan kedudukannya

dan menzahirkan kata-katanya. Adapun hukum Tasawuf pula khas dan hanya untuk kalangan khusus kerana Tasawuf merupakan interaksi antara abdi dengan Tuhannya, tidak lebih dari itu. Lalu dengan itu adalah sah apabila ahli fekah mengengkari ahli sufi, tetapi tidak sah ahli sufi mengengkari ahli fekah. Adalah wajib dalam soal hukum hakam Tasawuf merujuk kepada fekah tetapi tidak dalam soal hakikat."

Daripada kaedah ini fahamlah saya bahawa mana-mana pihak yang mendakwa membawa ajaran tareqat atau ajaran Tasawuf yang tidak berlandaskan hukum syariat adalah tertolak. Tiada siapa yang boleh bebas daripada syariat. Jadi melalui kaedah ini tareqat tidak boleh ditolak secara serkap jarang disebabkan ada segelintir daripada golongan yang mendakwa membawa ajaran tareqat tetapi melanggari syariat, sepertimana jugalah kita tidak boleh menolak agama Islam dengan alasan ramai orang yang mengaku Islam tetapi tidak mengamalkan Islam yang sebenarnya.

Istilah dari hati turun ke hati ini biasa kita dengar disebut-sebut oleh pakar-pakar motivatsi atau penceramah bebas. Yang biasa dimaksudkan dari hati turun ke hati ini ialah apabila seseorang itu bercakap perkara-perkara yang dekat di hatinya, yang sudah dihayatinya dan diamalkannya, maka barulah perkara yang dicakap itu boleh menyentuh hati pendengar.

Satu lagi dimensi ilmu hati, dari hati turun kehati ini yang saya dengar dari Syeikh Dr. Mahmoud dalam Seminar Nafahat Jalan Robbi ialah ilmu yang bermanafaat itu adalah cahaya yang tidak akan mendekati hati yang kotor… hati yang mati. Ia datang daripada hati yang hidup kepada hati yang hidup. Hati para rijal; hamba ALLAH yang sebenar-benarnya, iaitu hati orang yang sudah kenal Allah dan bukan

sebarang hati. Ilmu-ilmu yang datang dari hati-hati para rijal ini akan turun ke hati-hati yang hidup, iaitu hati yang sentiasa berzikir mengingati ALLAH.

Apa yang kita perlu dalam hidup ini ialah menambahkan lagi ilmu yang bermanafaat. Apa ilmu yang bermanafaat itu? Ilmu yang bermanafaat itu menurut Iman Al-Ghazali -moga ALLAH merahmati beliau- dalam kitabnya Bidayatul Hidayah adalah ilmu yang menambahkan kita ALLAH takut kepada; yang membuka mata hati kita kepada keaiban diri kita sendiri; yang menambah kualiti amal ibadah kita kepada ALLAH yang Maha Esa; yang mengurangkan kegemaran kita terhadap dunia; yang menambah kegemaran kita terhadap Akhirat; yang menampakkan kepada diri kita perkara-perkara yang boleh merosakkan amal kebaikan kita; yang akan menjelaskan kepada kita akan tipu daya syaitan dan putar belitnya agar dapat dijauhi.

Pendek kata ilmu yang bermanafaat itu ilmu; yang datang dari hati para rijal itu ialah ilmu yang menambahkan rasa cinta dan rindu kita kepada ALLAH dan RasulNya صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم, meningkatkan iman dan taqwa kita kepada صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم dan RasulNya صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم, bukan menambah kebencian dalam diri kita kepada sesuatu yang lain: sedang Islam itu *rahmatan lil 'alamin*, rahmat untuk semesta alam.

Daripada sini fahamlah kita bukan semua orang boleh memberi ilmu yang bermanafaat ini dan bukan semua orang pula boleh mendapat ilmu yang bermanafaat ini. Ianya datang dari hati yang hidup kepada hati yang hidup.

Kita juga selalu mendengar tentang hadis:

حُبُّ الدُّنيَا رَأسُ كُلِّ خَطِيئَةٍ

"Cinta dunia adalah kepala segala kejahatan."

Saya sudah dengar hadis ini berkali-kali tetapi kurang memahami maksudnya yang sebenar sehinggalah saya mendengar huraian dari Syeikh Dr. Mahmoud dalam seminar Nafahat Jalan Robbi baru-baru ini. Syeikh menerangkan kewujudan kita di dunia ini adalah berhala yang besar, jika kita belum berjaya membebaskan roh daripada cengkaman nafsu kita. Kalau nafsu kita belum boleh dikuasai, maka isteri kita, anak kita, duit kita, pangkat kita, harta kita segalanya yang dekat dihati kita selain ALLAH dan Rasul akan menjadi berhala kita yang kita lebih utamakan daripada ALLAH dan Rasul.

Kalau hari ini ditanyakan pada diri kita, apa yang meyebabkan kita sedih, kita susah hati, berdukacita? Sudah pasti perkara yang mendukacitakan kita ialah apabila kepentingan dunia kita terjejas, harta kita berkurang, nafsu kita tercalar kerana dihina orang, isteri kita merajuk, anak kita derhaka. Tetapi kita tidak pernah sedih kalau kita tidak menyempurnakan hak ALLAH Subhanahu Wa Taala, kita melanggar perintah ALLAH, kita tidak mencintai Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Kita tidak sedih tentang hal-hal ini, tetapi yang kita sedihkan ialah apabila dunia kita terjejas. Ini menandakan roh kita belum bebas dari nafsu kita. Kita belum sensitif dengan ALLAH; kita belum seronok mentaati ALLAH dan RasulNya صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Dalam keadaan ini, kecintaan kita kepada dunia iaitu nafsu kita menjadi sembahan kita, inilah kepala segala kejahatan.

Dari penjelasan ini barulah saya faham kepentingan berjuang melawan hawa nafsu yang merupakan jihad akhbar sepertimana yang dinyatakan oleh hadis Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم itu. Memurnikan hati, membersihkan hati dan membebaskan roh daripada cengkaman nafsu merupakan perjuangan matlamat hidup untuk melayakkan kita

menjadi hamba ALLAH yang sebenarnya; untuk mendapat keredhoan ALLAH Subhanahu Wa Taala dalam apa sahaja bentuk amal soleh yang kita lakukan. Sekiranya kita gagal dalam perjuangan ini, nafsu kita belum berjaya dikuasai, maka belum tentu setiap amal soleh yang kita lakukan itu akan diterima ALLAH. Mari kita lihat apa firman ALLAH dalam Al-Quran:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهدِيَنَّهُم سُبُلَنَا...

"Mereka yang berjihad untuk (mencari redho Kami, akan Kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami…" Surah Al-Ankabut: 69.

مَن عَمِلَ صَـلِحًا مِن ذَكَرٍ أَو أُنثَى وَهُوَ مُؤمِنٌ فَلَنُحيِيَنَّهُ حَيَـوةً طَيِّبَةً وَلَنَجزِيَنَّهُم أَجرَهُم بِأَحسَنِ مَا كَانُوا يَعمَلُونَ.

"Barang siapa yang mengerjakan amal soleh baik laki-laki maupun perempuan dalam keadaan beriman, akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik, serta Kami beri mereka balasan dengan pahala yang lebih baik daripada apa yang telah mereka kerjakan" Surah Al-Nahl: 97.

Saya nak berkongsi di sini satu pemerhatian keadaan umat di akhir zaman ini yang dinyatakan oleh Yang Berbahagia Syeikh Dr. Mahmoud dalam salah satu daripada 73 slide Seminar Nafahat Jalan Robbi -7 baru-baru ini. Slide itu menyatakan:

"Sungguh malang apabila identiti beragama hari ini telah keluar dari roh beragama, kerana dakwah sudah meyeleweng dan kerana sudah menyelewengnya

kebanyakan pendakwah yang sibuk dengan kulit luaran agama, tenggelam dalam perincian yang berbelit-belit soal khilafiah serta perkara-perkara sekunder yang menyeret kebanyakan umat Islam dalam kancah polemik, gaduh dan taksub… lalu menjadi modal berharga untuk pakar-pakar keganasan dan para peminat fanatisme yang akhirnya mewujudkan rupa beragama yang cetek, tidak senonoh dan tolol."

Yang Berbahagia Syeikh menyatakan identiti beragama hari ini telah terkeluar dari roh beragama, kerana menyelewengnya kebanyakan jurucakap umat hari ini. Ini satu keyataan yang perlu direnung oleh semua pihak terutamanya para pendakwah dan para daei. Kerja dakwah, kerja para daei ini kerja mulia, kerja para Rasul عَلَيهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَام. Kerja ini memerlukan keikhlasan yang tinggi dan soal ikhlas ini bukan boleh didakwa dakwi. Ikhlas datang daripada hati yang murni, hati yang diproses bertahun-tahun untuk bebas daripada pengaruh nafsu dan makhluk, untuk mengenal dan mencintai ALLAH dan RasulNya صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Roh agama itu terletak pada hati yang ikhlas, hati yang kenal dan mencintai ALLAH dan RasulNya صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Kalau hati para daei belum mengenali dan mencintai ALLAH dan RasulNya صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم mana mungkin boleh roh agama ini disampaikan kepada masayarakat.

Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم meminta para sahabat menyampaikan dakwah kepada umat walaupun satu ayat daripada Baginda صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Adapun sahabat itu tidak digelar sahabat kalau tidak kenal dan cinta Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Sahabat dididik oleh Baginda صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم sendiri. Jadi kalau daei hari ini hendak mendidik umat, mereka bukan sahaja perlu kepada ilmu dan kemahiran

berkomunikasi, tetapi yang lebih penting adalah mempunyai hubungan jiwa dengan Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم, dan ada talian dengan ulama amilin, ulama auliya sollihin, ulama warasatul anbiya. Kebanyakan pendakwah hari ini bercakap soal agama, soal nak bawa hati manusia kepada ALLAH… ini roh agama, tetapi dia sendiri bukan seorang pakar dalam ilmu hati dan tidak juga mahu iktiraf pakar ilmu hati yang ALLAH wujudkan pada setiap zaman. Ini yang peliknya.

Mengapa boleh terjadi begini? Kerana belum berjaya menundukkan nafsu… ertinya dunia menjadi matlamat. Inilah punca identiti agama hari ini menjadi cetek, tidak menarik, menimbulkan taksub, salah faham, perpecahan dan pergaduhan sesama sendiri.

Saya ingin menutup bicara ini dengan memetik kata-kata guru pendidik jiwa raga Syeikh Dr. Mahmoud -moga ALLAH meredhoinya dan mengurnia kepada kita keberkatannya-:

> "Saya nampak bahawa kita pada hari ini lebih dituntut dari hari-hari yang lalu untuk kembali kepada roh Islam dan mata airnya yang sempurna... kepada ciri-ciri agama yang indah, cinta, rahmat, kasih sayang, taqwa, lapang dada yang disertai kesedaran, tadabbur pada makna nas dan tidak hanya pada huruf-hurufnya, membaca Al-Quran dengan hati dan bukan dengan hanya biji mata."
>
> "Perubahan yang diperlukan bukannya revolusi, bukan rampasan kuasa… bukan tukar kerusi. Tetapi membangkitkan jiwa, menggerakkan hati dan menghidupkan kembali nilai-nilai yang telah mati dengan mengikut kaedah yang diwarisi dari yang hidup kepada yang hidup sehingga sampai kepada Junjungan Baginda Nabi صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم."



Dari Detik Pertama

"Janganlah engkau bersuhbah dengan orang yang hal dirinya tidak membangkitkan jiwamu dan kata-katanya tidak memimpinmu kepada ALLAH."
- Sidi Ibnu `Atho'illah As-Sikandari As-Syazili

Tak payahlah sidi[1], segan saya… sidi mintalah pada sidi-sidi yang lain," kilas Sidi Ahmad Jais sambil tersipu-sipu kepadaku. Tapi aku terus mendesak juga hingga akhirnya dia mengalah. Yang ku desakkan itu ialah minta dia menceritakan sedikit dari kisah hidupnya bersuhbah dengan Syeikh kami. Maka inilah cerita tuan insinyur kita seadanya:



1- Dalam tradisi zawiyah, sesama murid tareqat sufi membahasakan panggilan sidi (ertinya tuanku) kepada yang lelaki dan sitti (ertinya puanku) kepada wanita. Syeikh ku memerhatikan pada budaya orang Melayu Islam juga ada adat yang baik seperti ini apabila antara adik beradik membahasakan yang lebih tua sebagai bang long, kak ngah dan sebagainya serta memanggil yang lebih muda sebagai acik, ateh, uda, usu... tidak sekadar memanggil nama tubuhnya. Kata Syeikh ku ini termasuk adab.

Detik-detik indah pertemuan pertama masih segar di ingatanku. Tidak mungkin kulupakan saat menatap wajah yang menyejukkan jiwaku pabila terpandang dan bersalam dengan beliau pada pertemuan pertama itu.

Pertemuan itu berlangsung pada akhir tahun 2009, di pejabatku, di Radio IKIM.fm, seingat aku pada sebelah petang apabila pintu kamarku diketuk lembut oleh rakan program "Usrah Rasa Hati"ku Tabib Nur. Memang sudah menjadi dasarku mengamalkan konsep pejabat terbuka.

Selaku Pengarah Radio yang punyai PA lazimnya semua pertemuan mesti melalui temujanji melalui setiausaha. Namun, sejak aku menjawat jawatan Pengarah aku amalkan dasar pejabat terbuka, tidak perlu temujanji untuk bertemu aku. Bahkan susunatur pejabat diubahsuai agar pintu sisi yang terus keluar dibuka (supaya tetamu tidak perlu masuk ke pejabat radio dan melalui PA sebelum bertemu denganku).

Barangkali itulah rezekiku apabila pada petang itu dengan tidak semena-mena Tabib Nur menjenguk ke pintu kamarku mengatakan ada tetamu dari jauh mahu menziarahiku. Aku segera bangkit dari kerusi empukku dan pantas ke pintu bilik untuk mempersilakan mereka masuk. Yang hadir adalah Tabib Nur, Ustaz Rahmat, dan tetamu yang dimaksudkan… beliaulah Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani Al-Husayni dari Madinah Al-Munawwarah.

Menatap wajahnya terasa sejuk dan segar jiwaku. Benar, itulah yang kurasai. Entah dari mana perasaan itu tidak kuketahui. Aku merasa sungguh selesa, senang dan tertarik dengan akhlak dan kemesraan Syeikh Dr. Mahmoud dalam interaksinya. Itulah kesan pertemuan pertamaku dengan beliau.

Syeikh kupersilakan duduk di sofa tetamu dan kami berbual mesra pelbagai tajuk dan isu umat Islam semasa.

Namun yang paling aku ingat, tidak lekang dari perbualan kami itu adalah keutamaan selawat dan mentakzim Sidna Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Aku kagum dan terkesan, bagaimana setiap isu dan problema umat yang kuajukan kepada Syeikh beliau sentiasa mengaitkan solusi yang diberinya dengan keperluan untuk kembali kepada Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Sebagai Pengarah Radio, aku punya program temubual yang kukendalikan sendiri iaitu rancangan Dialog@IKIM. Rancangan temubual ini selalunya dikenadalikan dalam Bahasa Melayu atau Inggeris, bergantung kepada kesesuaian tetamu yang hadir. Formatnya adalah temubual yang dihoskan oleh Pengarah Radio dengan tetamu yang mengangkat isu dan agenda umat. Antara tetamu yang pernah hadir ke Dialog@IKIM ini adalah Datuk Syed Ali Tawfik al-Attas (Ketua Pengarah IKIM), TYT Reza Pahlavi (Duta Besar Republik Islam Iran), Datuk Abdul Razak (Pengarah Urusan KTM Berhad), Pengarah KAGAT dan ramai lagi. Dialog@IKIM ini disiarkan pada setiap Sabtu, jam 12 tengahari.

Sepanjang perbualan itu hatiku bulat mahu beliau menjadi tetamuku dalam Dialog@IKIM. Sebagai Pengarah Radio IKIM.fm pada waktu itu aku ada kuasa penuh untuk menentukan tetamu yang masuk ke radio, apatah lagi program ini adalah program yang dihoskan oleh aku sendiri.

"Sudikah Syeikh, jika saya adakan rakaman untuk disiarkan di radio saya? Saya sendiri yang akan kendalikan…" aku memberanikan diri untuk bertanya kepada beliau dengan diterjemahkan oleh Ustaz Rahmat. Syeikh tertawa dan menjawab dengan gaya beliau yang mesra dan berseloroh: "Saya tidak biasa masuk radio, saya takut apabila pegang sahaja mikrofon dalam studio nanti, semua yang nak

dicakap akan hilang dan kakulah saya...” semua yang hadir tertawa, termasuk aku. Namun, tolakan beliau itu pantas ku jawab dengan logik begini: “Kalau begitu, Syeikh tidak perlu pegang mikrofon, hanya bercakap sahajalah… kita *test* dulu ya…,” pecah ketawa dalam kamarku dan Syeikh menunjukkan isyarat *you are smart*!

Maka segeralah kuaturkan studio rakaman dan meminta petugas teknikal bersedia dengan peralatan serta set-up untuk rakaman. Setelah semuanya sedia, aku dengan tertib mempersilakan Syeikh dan Ustaz Rahmat masuk ke studio untuk sesi rakaman temubual kami.

Oleh kerana masa itu adalah pada permulaan tahun baru hijrah lalu tajuk yang dicadangkan adalah “Pengajaran dari Hijrah Rasul صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.” Syeikh bersetuju dengan tajuk tersebut dan kamipun memulakan rakaman. Syeikh ada memberi syarat supaya program dialog tersebut dibuat secara terus, tanpa suntingan atau terputus-putus. Aku setuju kerana memang itupun format programku selama ini, temubual terus-menerus tanpa henti atau suntingan dan rakaman pun bermula.

“Sidang pendengar Radio IKIMfm, Pilihan Utama Anda, Alhamdulillah, hari ini kita didatangi tetamu yang didatangkan khas dari Madinah al-Munawwarah. Beliau adalah Syeikh Dr Mahmoud MrGlani. Tajuk kita pada hari ini adalah “Pengajaran dari Hijrah Rasul.” Tanpa melengahkan masa, dipersilakan Tuan Syeikh untuk memulakan.” Itulah kata-kataku memulakan bicara.

Syeikh pun memulakakan kalamnya dan diterjemahkan secara langsung oleh Ustaz Rahmat ke Bahasa Melayu. Sungguh indah susunatur kata-kata Syeikh, bermula dengan doa dan pujian kepada ALLAH, diikuti untaian indah selawat dan salam ke atas Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ

وَسَلَّم. Bermula detik itu aku mula menanggung satu perasaan yang menohok ke hulu hatiku, di dalam studio berhawa dingin mataku seolah-olah dimasuki habuk, air mata yang hangat pun bergenangan di pipiku.

Aku amati patah demi patah ucapan Syeikh yang sungguh teratur dan punya makna yang tinggi mendalam. Tidak pernah aku berhadapan dengan tetamu sehebat ini. Walaupun sebelum ini aku berpeluang bertemu dengan ramai ustaz dan tokoh, ikhlas kukatakan semuanya tidak setanding dengan kehebatan Syeikh pada waktu itu. Bahkan, belum pernah ada tetamu yang bersiaran di radio sebelum ini yang mampu menyentuh hatiku sampai mengalir air mata.

Kebiasaannya, program temubualku dalam bentuk dua hala, iaitu aku selaku hos akan mencelah dan mengajukan soalan dan komentar agar tetamu tidak kaku atau hilang arah bicara.

Kebiasaannya, program temubualku dalam bentuk dua hala, iaitu aku selaku hos akan mencelah dan mengajukan soalan dan komentar agar tetamu tidak kaku atau hilang arah bicara. Namun ini tidak berlaku semasa bersama Syeikh. Sejak dari awal bicara beliau aku ibarat terpukau dan tidak berkedip mata memandang kepada Syeikh serta menekuni dan menghayati penyampaian beliau. Jiwaku seperti terbang tinggi, dibawa naik ke angkasa oleh indahnya bahasa dan tingginya makna yang tersirat di dalamnya.

Justeru, aku tidak mampu untuk mencelah atau mengajukan apa-apa soalan kerana hatiku tidak mahu

kerugian setiap patah kalimat dari Syeikh. Bahkan, jujur kukatakan kalau tidak kerana waktu rakaman sudah hampir sejam, dan slot program itu hanya satu jam, nescaya aku akan biarkan Syeikh bercakap dan terus bercakap tanpa henti.

Hampir sejam, aku terpaksa memberi isyarat rakaman perlu ditamatkan. Syeikh pun kembali menyerahkan kepadaku untuk penutup. Aku kelu, tidak terungkap. Hatiku masih sebak, dan tidak keluar apa yang nak diucapkan. Aku sedar, suaraku terketar-ketar mengucapkan syukran kepada Syeikh dan segera menamatkan sahaja rakaman tersebut.

Kami pun keluar dari studio dan Syeikh dengan tertib memohon izin untuk pergi. Seperti kebiasaan sifat Syeikh yang kuperhatikan mesti ada sahaja buah tangan apabila menerima tetamu atau mengunjungi seseorang. Begitu juga pada hari itu, Syeikh menghadiahkan kepadaku beberapa naskhah buku dan kitab sebagai tanda mata.

Sebelum berpisah kami bersalaman. Berat hatiku untuk melepaskan Syeikh pergi. Aku sendiri tidak tahu, perasaan apakah yang melanda diriku waktu itu? Tidak pernah aku merasa begitu *attached* dengan mana-mana tokoh atau tetamu yang hadir ke radio sebelum ini.

Aku rasakan, inilah "Syeikh" yang aku mahu, yang dapat membimbingku, walaupun waktu itu aku sendiri tidak faham apa itu "Syeikh." Aku segera mengambil nombor Ustaz Rahmat kerana aku amat pasti akan mengundang lagi Syeikh ke radio. Begitulah pertemuan pertamaku dengan beliau; guruku, mursyidku, pendidik jasmani dan rohaniku.

Sejak pertemuan pertama itu hatiku sudah tertarik pada Syeikh dan jiwaku merasa rindu pada beliau. Merepek betul aku, amukan cinta apakah yang melanda diriku ini? Apabila rakaman itu disiarkan aku ajak seluruh ahli keluargaku untuk sama-sama mendengarnya di corong radio. Aku ceritakan

pada mereka apa yang kulalui dan rasai sepanjang rakaman tersebut. Setelah mendengar suara Syeikh, keluargaku juga amat teruja untuk bertemu dengan Syeikh.

Maka bermulalah fasa rindu dendamku pada Syeikh. Seingat aku dua minggu berturut-turut selepas itu, Syeikh aku undang ke radio untuk bersiaran dalam program Topik Jumaat yang disiarkan secara langsung pada jam 9.00 hingga 10.00 pagi.

Hatiku masih sebak, dan tidak keluar apa yang nak diucapkan. Aku sedar, suaraku terketar-ketar mengucapkan syukran kepada Syeikh dan segera menamatkan sahaja rakaman tersebut.

Pada sesi ketiga Syeikh ke radio, tidak silap aku pada hari Jumaat (cuti tahun baru) maka aku bawa semua ahli keluargaku ke radio. Kami dengar secara *live* Syeikh bersiaran dari bilik pejabatku. Tamat sahaja siaran tersebut kami sekeluarga pun dapat berbual dan bertemu dengan Syeikh di kamarku. Syeikh sekali lagi menghadiahkan buku kecil Wirid Maklum (versi putih saiz poket) kepada kami semua dan berpesan agar membacanya setiap hari. Syeikh juga mengundang kami untuk hadir ke majlis zikir yang diadakan pada waktu itu.

Kami semua amat gembira, dan bermulalah kami hadir ke majlis-majlis bersama Syeikh selepas itu. Ya ALLAH, muliakan guruku, dan jadikan kami murid-murid yang sejati kepada guru kami. Amin.



Inilah Kisahku

"Pokok dari segala maksiat, ghaflah dan syahwat itu kerana redho dengan nafsu, manakala pokok dari segala ketaatan, kesedaran dan kesopanan budi adalah pabila engkau tidak redho kepada nafsumu itu"
- Sidi Ibnu `Atho'illah As-Sikandari As-Syazili

Belajar berjalan, bertatih-tatih menapak, rebah, bangun bertatih menapak lagi. Katakan tidak kepada putus asa, "Allahumma ampunanMu lebih luas dari dosa-dosaku dan rahmatMu lebih aku harapkan dari amalanku." Sidi Ahmad Jais menyambung ceritanya:



Inilah kisahku, bagaimana aku menemui kembali erti kehidupan, dan bagaimana kehidupanku berubah sama sekali setelah dianugerahkan ALLAH Subhanahu wa Taala untuk bersuhbah dengan syeikh yang kamil.

Semuanya bermula sekitar tahun 2010 dan 2011 apabila secara tiba-tiba aku meletak jawatan dan di"singkir"kan daripada pekerjaanku (dua kali). Kali pertama, daripada jawatan sebagai Pengarah Radio IKIM.fm (aku meletak

jawatan), dan seterusnya daripada jawatan sebagai Pengurus Kanan Koperasi Muslimin (disingkirkan). Maka pada tahun 2012 aku memulakan syarikat perundingan dan latihanku. Ianya adalah satu permulaan yang kecil dan serba kekurangan. Waktu itu, aku baru sahaja mengenali guruku Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani… baru nak berjinak-jinak berguru dengan beliau.

Sesunguhnya aku amat berterima kasih dan terhutang budi kepada Syeikh yang sentiasa memberikanku sokongan, dorongan, nasihat dan pemantauan pada setiap perkembanganku hinggalah aku menjadi seperti yang kucapai kini. Terima kasih Syeikh ku kerana engkau mengambil tempat almarhum ayah yang tak sempat melihat aku besar, bahkan engkau pada muridmu lebih dari seorang ayah kandung pada anaknya… daripada kosong engkau membimbing tanganku, daripada *zero* dengan sabar engkau mengisiku.

Terima kasih Syeikh ku… sampai bila pun aku takkan dapat membalas jasamu. Aku sampai sekarang pun masih bergelut dengan nafsuku… terima kasih Syeikh ku kerana engkau tak pernah jemu mentarbiahku. Aku akan sentiasa merujuk kepada nasihat dan panduan daripadamu untuk melangkah seterusnya dalam derap perjalananku.

Dan engkau kawan, mahu tahu sangat anekdot suhbahku dengan Syeikh… baiklah, biarlah aku ringkaskan saja agar engkau tidak jemu.

Pada tahun 2012 (saat aku memulakan perniagaanku), Syeikh berkata kepadaku "Adalah bagus untuk kamu bekerja sendiri, supaya tiada sesiapa lagi yang akan mengarah atau mengawalmu." Pada awalnya, aku sendiri tidak pasti apa yang mahu dilakukan, ke mana hendak dituju… tetapi aku meletakkan kepercayaan yang kuat kepada Syeikh ku

bilamana beliau sering memberi rangsangan dengan kata-katanya: "Lakukan saja! *Just do it*!."

Tiga bulan yang pertama, aku melakukan pelbagai percubaan (*trial & error*), menawarkan berbagai kursus; kursus keibubapaan, pengurusan dan sebagainya…..namun tidak mendapat sambutan… dan aku merasa kehilangan, tidak tahu apa nak buat lagi… percayakah engkau kawan kalau ku luahkan, pada waktu itu aku merasa bagai terdampar sendirian di tengah sahara nan luas?

Kemudian, hadirlah yang dikasihi Syeikh untuk membantuku. Segala-galanya, dari penyediaan bahan hatta ke acara yang berlangsung. Syeikh ku hadir sebagai pembentang. Saat itu, Syeikh mengajukan agar aku menganjurkan Nafahat Jalan Robbi siri satu dengan judul "Seminar Makarimul Akhlaq."

Pada acara yang pertama ini tugasku hanyalah sebagai penganjur, untuk mendapatkan tempat (Hotel Residence Uniten), mengaturkan aturcaranya, menghantar surat undangan kepada peserta, menguruskan pendaftaran dan perjalanan program. Hakikatnya, Syeikhlah yang menyediakan segala bahan-bahan tersebut di dalam Bahasa Arab dan kemudiannya diterjemahkan Sidi Rahmat ke Bahasa Melayu.

Pada Seminar yang pertama ini, ianya hanyalah permulaan yang amat kerdil, tidak lebih daripada 40 orang yang hadir. Itupun aku berterima kasih kepada Syeikh ku kerana turut mengundang para muridin-muridat untuk turut serta. Maka dapatlah juga khalayak yang memenuhi bilik seminar kecil tersebut. Hatiku amat tersentuh dengan penyampaian Syeikh dalam seminar sulung ini, sungguh berharga tiap patah kata-kata Syeikh ku. Secara faktanya dapat kuperhatikan betapa ramai daripada hadirin yang

basah mata mereka dengan titisan manik-manik air mata.

Barulah aku fahami bahawa sebenarnya Syeikh sedang mengajar dan melatih diriku untuk mengendalikan kursus ini seterusnya. Syeikh sering mengingatkanku "bahan-bahan ini adalah untukmu, sila gunakan ia di mana sahaja kamu ingini..."

Sebaik sahaja berlangsungnya seminar yang pertama ini aku merasa sungguh gembira, merasai futuh dari Robbi. Satu demi satu undangan mulai masuk, menjemput kami untuk menyampaikan seminar ini. Kami mula mengendalikan Seminar di Masjid Putra, Putrajaya, dua kali seminar di Johor Bahru (satu untuk pegawai kerajaan negeri (SUK), dan satu untuk BOD Johor Corp). Dalam semua acara tersebut tugasku masih lagi sebagai penganjur sahaja, hanya mendengar dan belajar dari penyampaian Syeikh ku.

Kemudian datanglah cabarannya, ketika kami menganjurkan Seminar Makarimul-Akhlaq untuk kali kelima di Johor bilamana Syeikh berkata kepadaku: "kali ini, Ahmad Jais dan Sidi Haji Ahmad Salim yang akan sampaikan…," dan Syeikh tidak akan turun lagi menyampaikan seminar tersebut.

Kali pertama diminta menyampaikan Seminar Nafahat Jalan Robbi siri satu (Makarimul Akhlak) aku menjadi tidak keruan, berserabut dan hilang susunatur. Namun, aku tetap meletakkan kepercayaan bulat kepada Syeikh, "Just do it!" kataku pada diriku sendiri. Aku cuba meyakinkan diriku bahawa arahan dari Syeikh pastinya yang terbaik. Sebelum memulakan penyampaianku aku menghubungi Syeikh, memohon restu dan pesan-pesan akhirnya. Sungguh, Syeikh ku adalah seorang pembangkit semangat jiwa, supervisor, jurulatih dan mentor yang terbaik. Turuti sahaja nasihat dan tunjuk ajarnya nescaya kita semua akan selamat dan berjaya.

Itulah keyakinanku!

Sekarang marilah kuceritakan apa yang sebenarnya berlaku di hari seminar itu. Sebaik sahaja melangkah ke pentas dan mencapai mikrofon kumulakan dengan doa pembukaan dan membaca selawat. Tiba-tiba, satu perasaan yang amat aneh meresap ke benakku, rasa yang belum pernah kurasai sebelum ini. Secara tiba-tiba aku merasa kuat, rasa punya kekuatan dan keberanian untuk menyampaikan amanah yang dipikulkan ke atas bahuku. Keyakinan diri hadir dalam hatiku… tidak tahu dari mana. Lalu berluncuran satu demi satu materi seminar itu dari mulutku, dan tanpa kusedari aku sedang menyampaikan bahan-bahan Syeikh ku persis seperti yang kudengari dari beliau sebelum ini… seolah-olah aku telah menghafal skrip penyampaian tersebut. Hingga ke saat ini pun apabila terkenang percubaan pertama tersebut aku jadi termangu, cuba memahami bagaimana aku bisa menyampaikan seminar itu… dari manakah datangnya ilmu itu. Akhirnya kufahami, ini semua adalah barokah dari Syeikh ku.

Bermula daripada pengalaman pertama aku tidak menoleh ke bekalang lagi… satu demi satu panggilan dan undangan seminar mulai masuk. Aku mula menjelajah ke seluruh negara menyampaikan Seminar Makarimul Akhlak (NJR 1) di Sabah, Kelantan, Pahang, Perak, Kedah, Melaka, di pelbagai agensi kerajaan, sekolah, universiti dan sebagainya. Tidak semena-mena perniagaanku mula menjana wang dan pendapatan untuk penghidupanku…..rezeki yang halal untuk menyara keluargaku (seperti yang selalu Syeikh ingatkan kepada murid-muridnya). Kata kuncinya adalah *JUST DO IT*, dan ikut sahaja segala arahan, nasihat dan panduan daripada Syeikh.

Kemudian berlakulah apa yang berlaku. Pada tahun

2014 aku hanyut disibukkan oleh beberapa perkara lain… tidak lagi fokus kepada bahan-bahan Syeikh. Minda bawah sedarku (sebenarnya nafsuku) membisikkan aku sudah hebat dan mahu membuat projek itu dan ini. Selepas itu, rentetan peristiwa yang kulalui satu persatu telah menjadi pelajaran yang paling berharga buat diriku…aku hampir kehilangan segala-galanya… hinggalah aku buat keputusan untuk kembali kepada Syeikh ku.

Keputusan kembali telah membuat aku muhasabah semula apa yang ku lakukan selama ini dalam seminar-seminar Syeikh yang aku sampaikan. Aku menyampaikan materi-materi Syeikh ku mengenai nafahat (hembusan) Jalan Robbi… sudah mulakah aku masuk menempuh jalan Robbi?! Aku menyampaikan silibus yang disusun oleh Syeikh ku mengenai Makarimul Akhlaq… sudahkah aku mengusahakan pada diriku ada akhlak-akhlak itu sebelum mengkuliahkannya kepada para peserta seminar?! Ke hulu ke hilirnya aku selama ini dengan Seminar Makarimul Akhlaq adakah menggalas amanah tarbiah dan ilmu dari Syeikh ku atau kerana kepentingan mahu menjana pendapatan, mengisi periuk nasi atau mencari popularity? Nah, kalau begini halnya maka apa beza aku dengan ayam jantan kokok berdegar-degar tapi ekor bergelumang tahi?

Barulah kusedari bahawa aku harus menyerah kepada Syeikh ku dengan penyerahan yang sepenuhnya…...*just do it...just follow it...*(buat aje la, ikut saja la), tidak perlu tafsir-tafsir, jangan nak menganalisis atau buat kajian dulu… atau.. atau… itu semua mainan nafsuku.

Maka langkah pun diatur kembali. Syeikh ku meluncurkan seminar-seminar barunya NJR 2 (Tahzibul Akhlaq) dan NJR 3 (Tazkiyatun Nufus) di ruang latihan syarikatku di Bangi. Inilah titik perubahanku… aku membuat pusingan U lalu

kembali kepada Syeikh ku. Masih segar dalam ingatanku dalam salah satu seminar tersebut Syeikh berdoa agar satu hari nanti aku akan punyai sebuah universiti sendiri... Allahumma Ameen!..... Ya! *Just do it!, Just follow your Syeikh!*

Tahu-tahu ia menjadi nyata apabila pada Januari tahun ini (2015) aku dilantik menjawat jawatan Dekan, Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan di Kolej UNITI, Port Dickson (seperti yang pernah Syeikh bayangkan dalam seminar kelmarin dulu). Hingga ke saat ini, satu demi satu futuh (pembukaan) menjengah dalam hidupku… semuanya dari barokah Syeikh.

Aku sungguh-sungguh yakin dan menginsafi bahawa aku ini tiada apa-apa, lemah dan telah terhina tanpa Syeikh. Sebaliknya, apa yang kuperolehi hari ini adalah dengan tunjuk ajar dan dorongan dari Syeikh yang amat sabar membimbingku… dia tak pernah jemu walau karenahku kadang-kadang macam anak nakal yang mengelat dari mengikut arahan dan mematuhi peraturan!



Fahamlah aku sekarang pengertian Syeikh Kamil dan Mursyid itu, dia setia mendidik dan terus mendidik. Manakala kamu pula wahai anak jangan nakal-nakal. J*ust do it! Just follow it!* Walaupun nampaknya macam kerja gila seperti menganjurkan maulid di dalam penjara dan di hospital sakit jiwa… *Just do it!... ALLAH will opens more for us.*

Rahsianya adalah pada Syeikh, kekuatan itu dari Syeikh, bahkan segala-galanya adalah dengan kemuliaan Syeikh. Aku amat percaya dengan prinsip ini… ya, secara jujurnya aku memang tak punya apa-apa tapi Syeikh ku lah yang menggembleng jiwa ragaku untuk menjadikan aku insan mulia.

Memanglah jika aku asyik berfikir tentang kehendak-kehendak peribadi tentu macam-macam alasan akan timbul… ini semua dari nafsu yang menguasai jiwa, dari roh yang dipenjara oleh nafsunya. Tapi jika kita ada Syeikh Kamil… kita akan selamat... kita akan mencapai ke sana… segala sesuatu akan datang dan dibukakan buat kita…

Inilah kisahku yang tidak seberapa. Suhbah itu mahal harganya dan amat bernilai. Sesungguhnya, bersuhbah dengan syeikh yang mursyid itu akan mendatangkan kehidupan kepada jiwa dan raga murid.

Syeikh ku sebagai narasumber Seminar NJR1 - Makarimul Akhlak bersama para pegawai Jabatan Agama Islam Johor.





Mengapa Pula Tiada?!

Ustaz Badrul Azhar gigih memberi pelajaran dan didikan kepada para pelajarnya yang datang dari berbagai kalangan. Pondoknya di Bukit Birut, Mengkuang Hulu terletak dua kilometer dari jalan berturap, terperosok ke tengah ladang getah dan sawit di kawasan perbukitan yang tiada akses eletrik dan air paip. Antara pelajarnya termasuk anak-anak miskin, imigran dari Kemboja, mantan penagih dan orang mencari taubat. Kalau musim hujan nescaya hanya kenderaan pacuan empat roda sajalah yang boleh sampai ke pondoknya kerana jalan tanah merah di perbukitan itu pasti berselut. Tapi ustaz yang relatif masih muda ini tak mahu kalah dengan cabaran dan kesusahan, dia dibantu oleh kumpulan sukarelawan yang gigih serta berhubung baik dengan pihak keselamatan setempat. Kedatangan Syeikh ku menghulur silaturrahim pada petang hari Arafah itu disambut hangat oleh ustaz dan para pelajarnya.

Syeikh ku menyampaikan kuliah yang bersemangat menyatakan penghargaan beliau terhadap usaha yang dilakukan oleh ustaz, para sukarelawan dan para pelajar pondok ini. Dengan kemampuan yang ala kadar dan di tempat sebegini mereka menimba ilmu dan beribadah…

"Ustaz dan pelajar-pelajar ustaz adalah para pahlawan!" ujar Syeikh ku.

Di samping mengijazahkan Hadis Musalsal Hari Arafah yang beliau riwayatkan dari Musnid Ad-Dunya As-Syeikh Muhammad Yasin Bin Isa Al-Fadani -moga ALLAH meredhoinya- Syeikh ku juga banyak memberi kata nasihat dan perangsang kepada mereka. Syeikh ku bertanya kepada Ustaz Badrul apakah zikir yang diamalkan di pondok ini? Jawab ustaz, beliau telah mengambil zikir Tareqat Al-Qodiriyyah dari almarhum gurunya dan zikir itulah yang menjadi amalan beliau bersama para pelajarnya sekarang.

Syeikh ku mengucap syukur Alhamdulillah dan menekankan agar anak-anak pelajar selain menekuni aktiviti pembelajaran juga hendaklah gigih membenteng diri dengan didikan dan amalan Ahlis Sunnah Wal Jamaah agar selamat dari tsunami akhir zaman yang sedang melanda dunia. Syeikh ku membakar semangat mereka untuk komitmen mengamalkan bacaan selawat serta zikir yang diajarkan oleh ustaz kepada mereka kerana amalan zikir akan melindungi dari segala yang buruk. Bila tidak mengamalkan zikir nescaya syaitan dengan mudah masuk menggoda, merasuk nafsu yang tidak terdidik lalu akan tersebarlah berbagai gejala terlaknat, antaranya homoseks dan lesbian yang sudah banyak berlaku baik di sekolah biasa, sekolah agama, sekolah pondok dan bahkan di sekolah tahfiz. Jika mereka komitmen mengamalkan selawat dan zikir nescaya ini semua takkan terjadi dengan izin ALLAH.

Untuk lebih menyemangati mereka Syeikh ku bercerita tentang Saiyidina As-Syeikh Abul Hasan As-Syazili -moga ALLAH meredhoinya dan mengurniai kita keberkatannya- sekilas tentang manaqib hidup beliau juga mujahadah dan tarbiah yang beliau tempuh dalam perjalanan menuju

ALLAH Taala.

Hujung pertemuan, usai solat isya' di belantara pokok getah dan sawit itu Ustaz Badrul mengucap syukur dan rasa terharu yang amat sangat atas susah payah Syeikh ku datang dari Madinah Al-Munawwarah menjengok beliau dan para pelajarnya di tempat yang hampir ke hujung dunia ini. Syeikh ku membalas penghargaan ustaz dengan berkata: "Bahkan sayalah yang patut berterima kasih kepada ustaz dan anak-anak pelajar yang telah sudi menerima kunjungan saya ke mari. Saya rasa dimuliakan oleh tuan-tuan semua."

Ustaz Badrul juga melahirkan rasa terima kasih dan keterujaannya dengan kisah-kisah Saiyidina As-Syeikh Abul Hasan As-Syazili yang disampaikan oleh Syeikh ku dalam kuliahnya tadi. Kata ustaz: "…sebelum ini tiada ulama yang menghikayatkan tentang Syeikh Abul Hasan As-Syazili dan Tareqat As-Syaziliyyah di negeri kami." Syeikh ku tersenyum sembari mengujar: "Mengapa pula tiada?! Bukankah ustaz telah belajar dan sekarang mengajar kitab Hikam?! Kitab Hikam itu tidaklah lain dari jambangan ilmu dan makrifat Saiyidina As-Syeikh Abul Hasan As-Syazili!." Mendengarkan itu ustaz turut senyum sambil memejamkan dua matanya serta mengangguk kepala.

Suhbah dengan Syeikh ku menziarahi Ustaz Badrul dan pondoknya telah menjadi satu kenangan manis buatku. Beliau dan hampir 300 orang pelajarnya berbaris panjang kiri kanan jalan tanah merah yang menganjur keluar dari pondok mereka. Kereta yang membawa kami mula bergerak dan Syeikh ku melambai-lambaikan tangannya lalu tiga kali laungan Allahu Akbar dari ustaz dan para pelajar pun bergema memecah kesunyian malam di perbukitan.



Akar Umbi As-Syaziliyyah Di Alam Melayu

Walau pun sudah pulang berhari-hari dari lawatan ke pondok Ustaz Badrul namun kenyataan beliau soal sebelum ini tiada ulama pernah menghikayatkan tentang Tareqat As-Syaziliyyah di negeri kita asyik terngiang-ngiang lalu buat aku teruja untuk melakukan rujukan pustaka.

Kalau nak dilihat secara rambang nampak ada betulnya juga kata-kata yang terlepas cakap itu kerana secara umumnya di kalangan nenek moyang kita di Tanah Melayu nama Tareqat As-Syaziliyyah memang jarang-jarang didengar orang. Tapi apakah itu bererti tiada? Tidak juga, kerana fakta-fakta di bawah menjelaskan sebaliknya.

1. Kitab Hikam karya As-Syeikh Ibnu `Atho'illah As-Sikandari As-Syazili -moga ALLAH meredhoinya- (wafat tahun 709H) yang katanya telah diterjemah oleh Tok Pulau Manis Terengganu -moga ALLAH meredhoinya- (wafat tahun 1149H) hingga kini pun masih enak dibaca oleh tuan-tuan guru Patani dan Semenanjung dalam langgam Melayu gaya kitab

kuning walau berbelit-belit jalan bahasanya nak difaham orang sekarang. Dalam kalangan tareqat sufi yang muktabar baik di tanah air kita atau di mana-mana tidak ada yang tak mengaji kitab Hikam.

2. Kitab Dalailul Khayrat karya As-Syeikh As-Saiyid Muhammad Bin Sulaiman Al-Jazuli As-Syarif Al-Hasani As-Syazili -moga ALLAH meredhoinya- (wafat tahun 870H) itulah kitab yang digenggam oleh sebelah tangan Raja Haji Marhum Teluk Ketapang ketika baginda gugur syahid dalam perang melawan Belanda di Melaka pada 18 Jun 1784M. Inilah dia kitab selawat yang paling meluas diamalkan di dunia Islam sejak zaman pengarangnya hingga sekarang.

3. Sekarang di mana-mana orang mendendangkan *maulaya solli wa sallim daiman abada* sampai menjadi siulan anak-anak muda. Itulah dia rangkap pembuka qasidah Burdah karya As-Syeikh Muhammad Bin Saeed Al-Busairi As-Syazili -moga ALLAH meredhoinya- (wafat tahun 696H) yang ketenarannya merata-rata. Orang-orang tua kita zaman dahulu hampir tidak ada yang tak mengetahui qasidah ini. Di Masjid Putih (Masjid Abidin) Kuala Terengganu dapat dibaca satu bait dari Burdah terukir dengan khat tsuluts yang indah di atas setiap pintu masuk bahagian asalnya:

دَعَا إِلَى اللهِ فَالـمُستَمسِكُونَ بِهِ * مُستَمسِكُونَ بِحَبلٍ غَيرِ مُنفَصِمِ

Baginda telah menyeru kepada ALLAH
maka mereka yang berpegang teguh kepadanya
ertinya memegang kukuh pada tali nan ampuh

Selain dari Burdah, pengarangnya Al-Imam Al-Busairi juga meninggalkan tiga lagi jambangan qasidah yang monumental dalam sastera dunia Islam zaman berzaman iaitu Al-Hamaziyyah, Al-Mudhariyyah dan Al-Muhammadiyyah. Dari zaman beliau hingga ke hari ini tidak ada pecinta yang asyik kepada Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم melainkan asyik kepada qasidah-qasidah beliau itu kerana di dalamnya amat terasa ketulusannya cinta kepada junjungan agung Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Demikianlah kitab Hikam, kitab Dalailul Khayrat dan qasidah Burdah dengan kembar tiganya… semuanya dan banyak lagi adalah permata-permata unggul dari persada Tareqat As-Syaziliyyah, *walhamdulillahi Robbil `alamin*.

4. Hizbul Bahr merupakan amalan wirid paling masyhur dalam Tareqat As-Syaziliyyah yang bersumber dari Saiyidina As-Syeikh Abul Hasan As-Syazili -moga ALLAH meredhoinya dan mengurniai kita keberkatannya-. Antara ulama besar Dunia Melayu yang mengamalkan bacaan Hizbul Bahr adalah Syeikh Muhammad Zain Bin Faqih Jalaluddin Aceh, Syeikh Abdus Shamad Al-Falimbani (dikatakan wafat tahun 1823M), Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fathani (wafat tahun 1265H), Syeikh Wan Ali Kutan Al-Kalantani, Syeikh Wan Ahmad Bin Wan Muhammad Zain Al-Fathani (wafat tahun 1325H), Tengku Mahmud Zuhdi Bin Abdul Rahman Al-Fathani (Syeikhul Islam Selangor yang pertama, wafat tahun 1376H) dan ramai lagi. Kitab

Lum'atul Awrad karya Syeikh Wan Ali Kutan Al-Kalantani yang merupakan kitab himpunan amalan berbagai wirid paling lazim dibaca di kalangan pondok-pondok Patani Darus Salam, Kelantan dan merata tempat di tanah air kita pada zaman dahulu turut memuatkan amalan Hizbul Bahr dengan kaifiat bacaannya[1]. Aku juga mendapati sekarang di tanah air kita, di Indonesia, Singapura dan banyak tempat lagi ramai orang yang menjadikan Hizbul Bahr sebagai amalan wirid harian walaupun mereka bukan pengikut Tareqat As-Syaziliyyah.

5. Kalangan pengamal Tareqat An-Naqsyabandiyyah di Alam Melayu pula punya hubungan rapat dengan Tareqat As-Syaziliyyah. Ini kerana Syeikh Abdul Wahab Rokan Al-Kholidi An-Naqsyabandi (wafat di Langkat, Sumatera pada 21 Jamadil Awwal 1345H – 27 Disember 1926M) telah menulis satu wasiat panjang terdiri dari 44 perkara yang beliau pesankan kepada semua zuriat keturunan dan anak-anak muridnya. Wasiat beliau itu telah dibukukan dan sampai sekarang masih disimpan rapi oleh mereka. Perkara nombor dua dari 44 wasiat keramat itu berbunyi: ***"Apabila sudah kamu baligh, berakal hendaklah menerima Tareqat Syaziliyyah atau Tareqat Naqsyabandiyyah supaya sejalan kamu dengan aku."***

1- Maklumat-maklumat ini telah dicatat oleh almarhum Ustaz Haji Wan Mohammad Saghir Abdullah di dalam bukunya, Penyebaran Thariqat-thariqat Shufiyyah Mu'tabarah Di Dunia Melayu.

Kerana wasiat mahaguru besar itu, dapat disemak bahawa kalangan khalifah Syeikh Abdul Wahab Rokan yang terdahulu amat menitik beratkan diri mereka mengambil ijazah Tareqat As-Syaziliyyah, contohnya dalam catatan almarhum Syeikh Haji Othman Bin Muhammad Amin dari Batu Pahat (wafat tahun 1985M) yang berguru kepada Syeikh Haji Omar Batu Pahat (salah seorang khalifah kepada Syeikh Abdul Wahab Rokan, wafat tahun 1355H). Syeikh Haji Othman dalam catatannya yang bertarikh sekitar tahun 1936 menulis bahawa beliau bersama rakannya Muhammad Jim telah menerima Tareqat As-Syaziliyyah dari Khalifah Othman Al-Kholidi Naqsyabandi yang merupakan imam District Hoof, Bagan Api-api.

6. Syeikhul Islam kerajaan Kedah Darul Aman Syeikh Wan Sulaiman Bin Wan Shiddiq (wafat tahun 1935M) seorang tokoh yang sangat terkenal menguasai berbagai-bagai bidang keilmuan Islam juga merupakan pengamal dan penyebar Tareqat An-Naqsyabandiyyah Al-Mujaddidiyyah di negeri Kedah dan sekitarnya. Dalam kitab Risalah Nihayatil Mathlub beliau telah menurunkan satu senarai panjang amalan wirid dan ibadat nafilah yang mesti dikerjakan oleh murid-murid tareqatnya yang sudah didudukkan di maqam irsyad dan khilafah sepertimana wasiat guru beliau Syeikh Faqir Muhammad Andakhuri Al-Bukhari (wafat di Thaif pada 19 Rabi`ul Awwal 1321H - 1903M). Antara kandungan senarai panjang tersebut termasuklah membaca Hizbul Bahr sehari lima kali dan selawat Dalailul Khayrat tujuh hari sekali khatam.



Teman-teman Solihin

Di belahan Asia Tenggara, kembara Syeikh ku di tanah air kita, di merata kepulauan Indonesia dan di Singapura telah menemukan beliau dengan ramai kalangan orang soleh yang selanjutnya menjadi teman-teman di perjalanan, selain dari nama-nama yang telah aku ceritakan sebelum ini. Kalaulah cukup maklumat dan tidak keterbatasan waktu, ingin saja ku tulis untuk tiap seorang dari mereka satu bab khas. Namun mudah-mudahan, beberapa halaman dari buku SUHBAH ini dapatlah kiranya merakamkan sejambak penghargaan buat mereka yang budiman itu. Antara mereka adalah:

Ustaz Haji Rosnan Alias, Pengkalan Balak

Orangnya masih sekitar empat puluhan dan waktu bujangnya pernah belajar hingga ke India dan Mesir. Seorang wanita tua[1] yang solehah telah mengambilnya sebagai anak angkat dan menyerahkan kepadanya memimpin sebuah

1- wanita solehah yang mesra dipanggil Nenek ini sudah meninggal dunia pada satu hari Jumaat. Semoga ALLAH merahmatinya dengan maghfirah dan ridhwan serta menempatkan rohnya bersama para solihin, amin.

surau berdepan dengan pantai yang kemudian dikenal orang dengan panggilan Zawiyah Jemaah Padang Kemunting.

Ustaz Haji Rosnan dan jemaahnya mencintai amalan zikir dan para ahli zikir. Pada tiap kesempatan terutamanya di musim perayaan Maulid Junjungan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم pasti suraunya akan mengundang tokoh-tokoh agama baik dari dalam maupun dari luar negara untuk menyampaikan tazkirah dan nasihat. Di tanah air kita, Ustaz Haji Rosnan adalah antara guru mengaji terawal yang dikenali oleh Syeikh ku dan Syeikh ku tak pernah melupakan kenangan ini.

Kebiasaan memuliakan tetamu seperti yang berlaku di zawiyah-zawiyah sufi masih dapat dilihat di surau ustaz kita ini. Apabila Syeikh ku datang berziarah pasti ada saja buah tangan darinya, kadang-kadang kain serban dan kadang-kadang tongkat kayu hutan.

Ustaz Haji Rosnan yang mudah mesra kenal dengan semua guru-guru mengaji di Melaka. Dia adalah seorang peminat sejarah tempatan dan banyak mengumpul manuskrip kitab-kitab lama. Ustaz kita ini telah membawa Syeikh ku melawat masjid-masjid tua di sekitar Melaka, makam-makam lama, peninggalan orang zaman dahulu dan hatta ke gua di Tanjung Tuan untuk menunjukkan kepada Syeikh ku kesan sejarah keagungan Islam di negeri Melayu bersejarah yang sekarang sudah tidak ada sultan itu.

Ustaz Haji Ali, Padang Temu

Ustaz kita yang ini pula sudah kategori warga emas. Waktu muda pernah menuntut ilmu di kota Makkah Al-Mukarromah dengan alim ulamanya secara menadah kitab dan setelah pulang ke kampung, selain mengajar di madrasah beliau juga membimbing jemaah haji dan umrah. Oleh kerana itu orang Padang Temu lebih senang memanggilnya

Syeikh Ali. Syeikh ku berkenalan dengan beliau ketika sama-sama dalam dalam bot laju dari Melaka ke Dumai, Indonesia, waktu itu Ustaz Haji Ali mahu melawat sekolah pondok tajaannya di Pekan Baru. Syeikh ku selanjutnya telah memenuhi undangan beliau sebanyak dua kali bagi menyampaikan kuliah di madrasahnya, di Padang Temu, Melaka sempena hari kebesaran Islam yang dibanjiri oleh kehadiran warga setempat.

Semangat setiakawan yang dihulurkan oleh Syeikh Haji Ali kepada Syeikh ku juga tak kurang hangatnya. Apabila Syeikh ku berhasrat untuk membuka zawiyah di Kampung Madrasah, Parit Sulung, Batu Pahat pada awal tahun 2010, beliau memberi sokongan kuat dan waktu kenduri kesyukuran sempena pembukaannya, beliau bersama Ustaz Haji Rosnan dan jemaah mereka dari Melaka turut hadir.

Tuan Haji Muhammad Yacob, Muar

Surau beliau adalah Rumah Suluk Baitul Ibadah Nurus Sa`adah di Pantai Layang, Sungai Mati, Muar. Apabila mendengar berita seorang syeikh dari Madinah datang membuka zawiyah Tareqat As-Syaziliyyah di Batu Pahat, beliau datang menghulur silaturrahim dan selanjutnya mengundang Syeikh ku ke tempatnya.

Tuan Haji Muhammad Yacob setelah bersara dari angkatan tentera darat menumpukan sepenuh tenaganya untuk jalan menuju ALLAH. Dengan amanah dari gurunya, beliau membangun rumah suluk tersebut yang sekarang banyak dihadiri terutamanya oleh warga emas untuk zikir dan ibadah. Di rumah suluknya, Tuan Haji Muhammad Yacob juga sering mengundang guru-guru agama yang berautoriti untuk menyampaikan ilmu kepada jemaahnya, "Itu sudah tentu, kerana untuk mengerjakan ibadah kita perlu kepada ilmu" kata Tuan Haji.

Dahulu waktu zawiyah utama Syeikh ku di Batu Pahat acap kali juga beliau mengunjungi Tuan Haji Muhammad Yacob yang jauhnya kira-kira dua kali menanak nasi dengan dapur kayu. Hingga sekarang pun hubungan silaturrahim antara mereka tetap berterusan.

Kiai Haji Suhaili Solihin, Rengit

Beliau adalah pewaris Tareqat Al-Qadiriyyah di negeri Johor Darul Takzim. Jika melihat dirinya sedang tekun berwirid di atas tikar sembahyang nescaya orang yang tidak mengenali akan menyangka bahawa orang tua ini hanya seorang lebai Jawa penunggu masjid. Orang itu tidak tahu ke dalaman ilmu beliau dan dirinya yang sama sekali tidak sekadar orang tua yang beribadah menunggu mati. Di selatan tanah air kita sekarang Kiai Haji Suhaili adalah saki baki terakhir dari kiai sepuh yang masih hidup.

Walaupun sudah tua benar tapi Pak Kiai masih menyempatkan diri berkeliling untuk menyampaikan ilmu di samping tugas utamanya mengasuh jemaah Tareqat Al-Qadiriyyah di masjid dan madrasahnya yang terletak di Seri Merlong, Rengit. Majlis zikir yang dipimpin oleh Kiai Haji Suhaili memang benar-benar serius zikir dan tidak ada cerita-cerita dunia di dalamnya, apalagi pertikaian fahaman politik. Orang yang datang membawa cerita pertikaian politik ke majlis zikir beliau ertinya memang sengaja mencari nahas.

Ketika Syeikh ku memenuhi undangan berta`aruf dengan beliau kelihatanlah jemaahnya yang ratusan orang itu semuanya warga emas atau orang yang sudah hampir ke umur pencen. Semuanya tekun mengaji dan beribadah dan hampir tidak ada anak muda. Inilah yang menjadi kesusahan hati Pak Kiai kerana apabila generasi muda tidak cenderung kepada amal ibadah dan wirid zikir bererti didikan Tasawuf yang

intinya akhlak itu akan hilang dari masyarakat. Masyarakat yang langsung tidak ada didikan Tasawuf ertinya terdedah kepada kerosakan yang besar.

Sesudah Syeikh ku menyampaikan kuliah kepada jemaah Kiai Haji Suhaili, orang-orang tua yang seramai-ramainya itu dengan lobanya tidak melepas peluang untuk bersalam-salaman mengambil berkat dari ahli Madinah yang cucu Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Habis bersalam-salaman Pak Kiai mempersilakan Syeikh ku dengan hormat untuk sama-sama bersila di lantai menjamah hidangan nasi ambeng dalam dulang, menu khas masyarakat Jawa yang sekarang generasi muda sudah tidak lagi cenderung untuk belajar memasaknya.

Ustaz Fuad Ebnu Ali, Padang Temu

Adalah pengerusi Pertubuhan Murid-murid Kitab Turath[1] Negeri Melaka. Dia melangkah lebih jauh dari sahabatnya Ustaz Haji Rosnan waktu zaman bujangnya dalam menuntut ilmu hingga sampai ke Syiria.

Pada satu malam yang sudah agak lewat beliau telah mengundang Syeikh ku untuk menyampaikan kuliah di pondoknya. Syeikh ku dengan senang hati pergi memenuhi tapi dalam perjalanan merasa agak kurang sopan kerana memikirkan bagaimana nanti pada siang esoknya pelajar-pelajar di pondok itu akan meneruskan sessi pembelajaran jika mereka di lewat malam ini masih bergadang mata mendengar kuliah.

Ketibaan Syeikh ku disambut dengan paluan kompang dan marhaban yang bersemangat dari anak-anak pondok

1- istilah kitab turath merujuk kepada kitab-kitab kuning yang biasa dijadikan teks pengajian dalam sistem pengajian Islam secara tradisional.

dan jemaah Ustaz Fuad. Wah, kompang dan marhaban selepas waktu tengah malam… ini bukan main-main. "Tuan Syeikh jangan kuatir, di pondok saya memang ada sessi pembelajaran waktu tahajjud seperti ini, jadi jika sessi ini diadakan para pelajar akan berehat di sebelah siang" demikian ujar Ustaz Fuad.

Di pondok Ustaz Fuad, para pelajar beliau tidak hanya mengaji kitab kuning dan menghafaz Al-Quran, bahkan mereka juga digembleng dengan amalan wirid zikir dan dilatih beribadah. Semoga ALLAH memberkati Ustaz Fuad dan para pelajarnya yang gigih di saat minat masyarakat dalam pendidikan Islam telah berubah kepada sistem moden di universiti tempatan, timur tengah dan barat.

Tuan Haji Amaludin, Kuala Kangsar

Murid-murid Syeikh Abdul Wahab Rokan sejak sebelum zaman perang Jepun sudah banyak yang tersebar di Tanah Melayu. Itu tidak hairan memandangkan beliau sendiri pernah menetap selama beberapa waktu dan mendirikan madrasah suluknya di Batu Pahat, Johor. Selain dari Johor, Tareqat An-Naqsyabandiyyah Al-Kholidiyyah dari cabang Syeikh Abdul Wahab Rokan juga tersebar di negeri Perak kerana beberapa orang khalifah dan bahkan ada keturunannya yang membuka madrasah suluk di sana.

Tuan Haji Amaludin adalah mantan guru sekolah di Kuala Kangsar dan beliau dari zaman mudanya sudah beramal Tareqat An-Naqsyabandiyyah yang merujuk kepada perkampungan Besilam di Langkat, Sumatera itu. Takdir ALLAH telah mempertemukan beliau dengan Syeikh ku lalu menjemputnya ke rumah beliau yang sederhana di Kuala Kangsar. Sederhana tapi bercahaya dengan zikir. Dalam majlis silaturrahim dan muzakarah itu Syeikh ku turut

menurunkan kepada tuan rumah ijazah memakai serban, ini disambut gembira oleh beliau.

Tuan Haji Amaludin dan jemaahnya yang kecil tetap komited dengan amalan tareqat biarpun di zaman sekarang orang ramai hampir tidak tahu menahu apa itu tareqat. "Yang penting tujuan kita adalah ALLAH dan yang kita tuntut adalah redho ALLAH," demikianlah seperti yang selalu diungkapkan oleh orang sufi di mana-mana.

Ustaz Tengku Mohamad Fouzy, Singapura

Dari 6 hingga 7 Februari 2010, Syeikh ku telah menjadi panel kehormat yang diundang khas dari Madinah Al-Munawwarah dalam Seminar Mengukuh Pegangan Jalan Yang Selamat di Oditorium Masjid Sultan, Singapura. Seminar dua hari yang mendapat sambutan hangat dari masyarakat Islam di Singapura itu khusus membicarakan tentang pegangan aqidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah, Tasawuf Islam dan cabarannya di akhir zaman. Selain menampilkan ahli panel dari tokoh-tokoh tempatan seminar ini turut mengundang Syeikh Dr. Muhammad Uthman El-Muhammady[1] dan Ustaz Zamihan Mohamad Zin Al-Ghari dari Malaysia sebagai pembicara.

Pihak yang menjadi tenaga penggerak kepada seminar bersejarah di Singapura itu adalah Moral & Human Development Society (MHDS) dan presidennya, Ustaz Tengku Mohamad Fouzy T.M Jumat Mahid. Bersemangat dengan

1- Almarhum telah menghembuskan nafasnya yang terakhir pada 23 Mac 2013. Kata Syeikh ku, dengan pemergiannya Malaysia kehilangan seorang tokoh ensiklopedia Islam yang berwibawa. Semoga ALLAH merahmatinya dan menurunkan hujan maghfirah ke atas pusaranya, amin.

dorongan dari Syeikh ku maka Ustaz Tengku Fouzy pun tak pandang belakang lagi untuk menjayakan seminar tersebut.

Selain berjaya dalam bidang pengurusan perjalanan haji dan umrah di Singapura, Ustaz Tengku Fouzy juga merupakan seorang guru agama yang aktif mengajar. Beliau dan persatuannya selalu menganjurkan program-program kemasyarakatan dan pendidikan untuk umat Islam terutamanya untuk anak-anak muda di Pulau Temasik yang sekarang sudah disumpah menjadi pulau hutan batu itu. Apabila bulan Rabiu`ul Awwal tiba mereka akan bekerjasama menyewa stadium untuk mengadakan program sambutan Maulidur Rasul صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Sungguh indah.

Tokku Haji Ibrahim, Pulau Manis

Kalau tidak melihat orangnya nescaya dengan gelarnya sebagai tokku dia akan dianggap sudah berumur 70 tahun. Tapi sebenarnya masih muda, baru empat puluhan. Ustaz Haji Ibrahim Bin Haji Mohamad lebih mesra dipanggil oleh kalangan murid-muridnya sebagai Tokku. Beliau dari silsilah keturunan Syeikh Abdul Malik Bin Abdullah (Tok Pulau Manis) yang telah menyebarkan Tareqat Syathariyah ke negeri Terengganu Darul Iman dan menobatkan sultan pertama di negeri itu.

Syukur pada ALLAH, Tokku Haji Ibrahim dengan penuh kegigihan sekarang adalah penerus kepada perjuangan moyangnya, tidak jauh dari makam Tok Pulau Manis di Kuala Terengganu, Tokku Haji Ibrahim membangun sebuah pondok pengajian ilmu-ilmu agama yang tak sunyi dari wirid dan zikir.

Pada bulan Februari 2010, Tokku Haji Ibrahim telah mengundang Syeikh ku ke Terengganu untuk menyampaikan siri Majlis Bicara Ilmu yang mengupas permasalah ummah

masakini selama dua hari berturut-turut dari Kemaman hingga Kuala Terengganu. *Road tour* intensif yang hanya menampilkan Syeikh ku sebagai pembicara solo itu telah diatur bermula di zawiyah Tokku Haji Ibrahim di Kemaman, seterusnya Masjid Pasir Minal, Pondok As-Siratul Mustaqim, Madrasah Darul Bayan dan berakhir di Madrasah Al-Hidayah Al-Ghazaliyyah di Batu Buruk, Kuala Terengganu. Itu tidak termasuk program yang tak tertulis dalam jadual seperti muzakarah yang berterusan dalam perjalanan, ziarah makam awliya, tahnik bayi dan melawat pondok Tokku di Serada.

Alhamdulillah program tersebut telah sempurna dengan jayanya berkat kerjasama antara guru-guru pondok yang berhubung baik dengan pondok Tokku Haji Ibrahim. Bekerjasama, ukhuwwah dan merendah diri adalah sifat-sifat yang dapat dilihat jelas pada peribadi Tokku, tak hairanlah mengapa orang Terengganu sangat menyayangi beliau.

Ustaz Khairul Anuar Samsudin, Dungun

Kalangan murid-murid beliau senang memanggilnya sebagai Habib. Tujuh tahun lalu ketika pertama kali Syeikh ku berkenalan dengannya, dia kelihatan masih muda dan sekarang baru di awal 40an. Seingatku, ziarah Syeikh ku yang pertama kali ke rumahnya itu sehari sebelum hari raya Aidil Adha dan pada malamnya beliau telah meminta Syeikh ku untuk menyampaikan kuliah Tasawuf di suraunya. Jemaahnya juga muda-muda sepertinya.

Habib Khairul Anuar Samsudin tidak suka kemasyhuran dan menonjol diri di tengah khalayak, dikeranakan itu kalau kita datang ke Dungun dan bertanya orang setempat tentangnya mungkin hanya bilangan jari yang kenal. Tak ramai juga yang tahu bahawa selain dapat mengajar kitab

kuning dengan kemas dia juga seorang guru silat yang handal.

Tentang tareqatnya pula, pendekar yang banyak jurus rahsia ini memberitahu Syeikh ku bahawa dirinya mengamal Tareqat An-Naqsyabandiyyah Al-Kholidiyyah yang dipelajari dari gurunya. Dunia yang luas ini terlihat kecil apabila Syeikh ku berkenalan pula dengan Tokku Haji Ibrahim Pulau Manis dan Ustaz Tengku Fouzy Singapura selepas itu lalu masing-masing memberitahu bahawa satu ketika dahulu mereka pernah bersua wajah.

Tuan Guru Haji Abdul Hamid, Bachok

Waktu hidupnya beliau adalah seorang tua yang dihormati di Gunung, Bachok, Kelantan. Di sebelah rumahnya yang sederhana ada sebuah surau kecil tempat beliau mengajar kitab. Kedamaian di wajahnya mencerminkan kemurnian di hatinya, walaupun alim serba serbi dan menjadi tempat rujuk ustaz-ustaz serta para penuntut ilmu namun masyakarat di negeri pantai timur lebih mengenali beliau pada keahliannya mengajar kitab Hikam.

Biarpun pengetahuannya mengenai Tasawuf amat mendalam Tuan Guru Haji Abdul Hamid Bin Salleh tak pernah mendakwa dirinya sebagai syeikh tareqat atau guru mursyid. Bagi beliau soal menjadi syeikh tareqat bukan semata-mata soal ilmu pengetahuan, bahkan lebih dari itu. Bak kata pepatah sufi: "Semoga ALLAH merahmati insan yang tahu diri, lalu tak melampaui batas dirinya."

Sewaktu hayat beliau Tuan Guru sufi ini tak pernah lepas dari mengadakan kenduri maulid di suraunya setiap bulan Rabi'ul Awwal. Oleh kerana hadirin terlalu ramai, jamuan makan dihidang sehingga tiga hingga empat kali kerana tidak cukup tempat. Majlis maulid beliau mengikut aturan

orang-orang tua zaman dahulu; kitab Maulid Al-Barzanji dibaca dari awal hingga akhir dengan lagu-lagu lama yang merdu, semua hadirin khusuk mengikuti hingga tamat. Biarpun ada suara-suara sumbang yang mengata bid`ah merayakan maulid tapi tak berani pula mereka bersemuka dengan Tuan Guru.

Semua murid-murid beliau tahu bahawa dirinya tidak suka diambil gambar. Waktu Syeikh ku datang berziarah beliau rasa amat gembira kerana beroleh tuah dari Madinah dan membenarkan gambarnya diambil. Beliau juga menghidangkan buah durian kepada tamu istimewanya ini dan Syeikh ku dengan senang hati menjamahnya. Almarhum Tuan Guru Haji Abdul Hamid Bin Salleh, guru kitab Hikam yang tiada gantinya di pantai timur menyahut seruan Ilahi pada 24 September 2014. Pada hari itu kata Syeikh ku seekor singa Ahlus Sunnah Wal Jamaah di Kelantan sudah pergi.

Ustaz Abu Aswad, Tumpat

Ketika kali pertama Syeikh ku berziarah kepada beliau di rumahnya, di rumahnya itulah madrasah tempat dia mengajar kitab dan mendidik jemaahnya. Alhamdulillah pada ziarah yang kedua, dengan berkat Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم ALLAH kurniakan rezeki, ustaz kita dan jemaahnya dapat membeli sebidang tanah di Kampung Menjual, Chabang Empat, Tumpat, Kelantan dan di situ mereka membangun Madrasah Islamiah Ahbabul Mustafa.

Murid-murid ustaz tidaklah ribuan orang, tapi mereka sungguh-sungguh belajar dan beramal. Ada orang tua dan ada orang muda, sekarang dengan adanya madrasah ada pelajar-pelajar yang tinggal di asrama pula. Tambah berkat lagi apabila kesemua abang dan adik beliau turut menjadi murid-murid dan menyokong usaha murninya.

Sekarang di Kelantan, Madrasah Islamiah Ahbabul Mustafa walaupun kecil dan baru setahun jagung namun aktif mengadakan majlis-majlis maulid mengajak masyarakat untuk mencintai Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم serta program-program santunan masyarakat seperti bantuan kepada fakir miskin dan mangsa banjir. Ini satu usaha yang sangat patut mendapat penghargaan. Semoga ALLAH memberi cahaya kepada Madrasah Islamiah Ahbabul Mustafa dan gurunya Ustaz Abu Aswad Bin Yah Al-Azamat Khan.

Syeikh Abdul Qadir Al-Madani, Tumpat

Sebelum bermusafir ke negeri Kelantan, Syeikh ku telah menuliskan untaian syair Arab karya seorang wali ALLAH dari Mesir kepadaku. Syair itu beliau suruh aku terjemah ke dalam Bahasa Melayu kemudian beliau latih aku untuk mengqasidahkannya. Kata Syeikh ku, nanti di Kelantan kamu qasidahkan syair ini di tempat-tempat yang akan kita lawati. Di dalam syair itu ada bait yang berbunyi:

قُلُوبُ العَاشِقِينَ تُعَذَّبُ * وَعَذَابُهُم رَاحَـــةٌ لَـهُم

Hati para asyiqin terseksa
dan seksa itulah ketenangan mereka

Dari rumah Ustaz Abu Aswad di Tumpat, beliau dan jemaahnya telah mengarak Syeikh ku berziarah kepada guru mereka, pakar rujuk Tasawuf di Kelantan yang mesra dipanggil oleh masyarakat setempat sebagai Tok Ayah Musa. Tak ramai yang tahu nama sebenar Tok Ayah adalah Abdul Qadir Bin Mohamad Yusuf, waktu mudanya pernah menuntut ilmu sampai ke Sudan dan kemudian ke Madinah Al-Munawwarah. Oleh kerana itu beliau suka meletak gelar Al-Madani di belakang namanya sebagai kenang-

kenangannya mengaji di kota Junjungan Mulia صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Kedatangan Syeikh ku bertandang kepada beliau disambut meriah. Tok Ayah menghidangkan khusus untuk tetamu Madinahnya ini hampir 30 jenis manisan negeri Kelantan. Pertemuan itu tambah manis dengan pengijazahan beberapa buah hadis musalsal dari Syeikh ku yang beliau riwayatkan dari gurunya Syeikh Muhammad Yasin Bin Isa Al-Fadani Al-Makki.

Sudah menjadi adat di majlis-majlis para solihin untuk mendendangkan qasidah sufi yang intinya puji-pujian kepada ALLAH, selawat Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم dan kata-kata yang membangkit hemah untuk menempuh jalan menuju ALLAH. Apabila jemaah Ustaz Abu Aswad sudah berqasidah dipersilakan pula kepada pihak tetamu Madinah untuk menyampaikan barang serangkap dua madah. Syeikh pun menyuruh aku, lalu aku alunkan:

Hati para asyiqin terseksa
dan seksa itulah ketenangan mereka…

…dalam mendengar qasidah itu Tok Ayah Musa tak dapat menahan sebak, beliau menangis dan jemaah yang memenuhi ruang tamu rumahnya turut menangis hingga ada yang meraung-raung.

Ketika menyampaikan muzakarah pada kesempatan itu, Syeikh ku (selaku Ahlul Bait) turut membuat teguran kepada segelintir orang yang menisbahkan diri mereka kepada Ahlul Bait tapi tidak berakhlak dengan akhlak Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Syeikh ku memberi peringatan kepada hadirin untuk tidak tertipu dengan golongan ini. Orang yang akhlaknya tidak mencerminkan nasabnya adalah diragui pada nasabnya.

Ingatan Syeikh ku ini telah disambut oleh Tok Ayah

Musa: "Benar itu, akan tetapi tuan-tuan Ahlul Bait tetaplah kami dahulukan dari diri kami." Begitulah Tok Ayah Musa, peribadinya adalah peribadi Tasawuf yang murni. Beliau menghembus nafas terakhir pada 26 Januari 2013. Semoga ALLAH meliputi beliau dengan rahmat dan maghfirahNya, amin.

Ustaz Shahrul Rizal, Mersing

Ustaz Shahrul Rizal Bin Mohamad Sati dilahirkan di Perak pada tahun 1978. Kuarters guru yang menjadi kediamannya di Felda Tenggaroh, Mersing itu dijadikan zawiyah dan madrasah pengajiannya selain tugasnya mengajar di sekolah menengah. Cintanya kepada ilmu dan zikir diasuhkan kepada murid-muridnya yang majoriti mereka adalah anak-anak belasan tahun dan orang-orang muda. Kerana itu gelaran ustaz orang muda memang amat cocok dengan beliau.

Ketika belajar di Universiti Mu'tah, Jordan, ustaz kita ini rajin pergi mengaji kitab di luar kampus kepada alim ulama tempatan. Itulah yang menjadikan ilmunya lebih mantap dari siswa-siswa yang hanya tahu belajar secara formal di dalam ruang kelas. Di Jordan juga ustaz kita mempelajari Tareqat As-Syaziliyyah Ad-Darqawiyyah yang menjadi amalannya hingga sekarang, tapi jika orang tidak tahu nescaya akan mengatakan dia mengikut Tareqat An-Naqsyabandiyyah Al-Haqqaniyyah kerana gaya pakaiannya yang bagai almarhum Syeikh Nazim Efendi Al-Qubrusi itu.

Syeikh ku telah berkenalan dengan Ustaz Shahrul Rizal dalam satu pertemuan di Melaka dan ustaz telah mengundang beliau ke zawiyahnya di Mersing, lalu semenjak dari hari itulah silaturrahim bertaut. Sememangnya mendidik anak-anak muda bukanlah satu pekerjaan yang mudah, apalagi

untuk mengajak mereka beramal zikir, tapi inilah yang dilakukan oleh Ustaz Shahrul Rizal dengan penuh komitmen. Kerana itu Syeikh ku berdoa panjang kepada beliau semoga ALLAH mengurniainya kekuatan, madad dan taufik, amin.

Syeikh Dr. Haji Jahid Sidek Al-Kholidi

Satu hari, berbetulan ketika Syeikh ku berada di Kuantan, Pahang untuk memimpin majlis zikir di rumah seorang murid beliau, Syeikh Dr. Haji Jahid Sidek Al-Kholidi juga sedang berada di Madrasah Manaratil Ilmi, Jalan Pekan - Kuantan untuk memimpin majlis zikir bersama murid-murid Tareqat An-Naqsyabandiyyah Al-Kholidiyyah di situ. Salah seorang murid beliau yang baru berkenalan dengan Syeikh ku pun mengambil kesempatan itu dan mengaturkan pertemuan lalu Syeikh ku diundang untuk bersilaturrahim.

Undangan itu disambut hormat oleh Syeikh ku lalu datang bersama rombongan murid-muridnya. Terasa suasana yang amat tulus dan sambutan hangat dari Syeikh Dr. Jahid dan murid-murid beliau. Syeikh ku dipersilakan menyampaikan muzakarah dan selanjutnya sama-sama dengan Syeikh Dr. Jahid serta jemaahnya mengalunkan qasidah Burdah dalam Bahasa Melayu.

Syeikh Dr. Haji Jahid Sidek Al-Kholidi dilahirkan pada tahun 1940. Beliau adalah ahli akademi jalur sufi yang dihormati di kalangan agamawan Malaysia serta sudah masuk ke alam tareqat sejak usia muda. Selain dari usahanya memberi pencerahan tentang Tasawuf Islam melalui pembentangan kertas kerja, seminar dan forum beliau juga aktif dalam kerja-kerja kebajikan. Pada bulan Julai 2009 beliau mengambil inisiatif menubuhkan Pusat Perlindungan dan Rawatan Istana Budi. Objektif dari penubuhan pusat rawatan ini adalah untuk melindungi, merawat dan

memelihara aqidah pesakit-pesakit HIV beragama Islam yang dipindahkan dari Pusat Perlindungan HIV di sebuah gereja di Batu Arang, Selangor.

Syeikh Raja Ashman Shah Al-Haqqani

Putera almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Perak Darul Ridzuan. Melalui beliau ramai kalangan atasan di negara kita berkenalan dengan Tasawuf dan tareqat, tak kurang juga golongan VIP yang sebelumnya tidak kenal tikar sembahyang belajar berwudhu' dengan beliau. Beliau berguru dengan Syeikh Nazim Efendi Al-Qubrusi dan amat mentakzim syeikhnya itu. Dirinya adalah seorang bangsawan diraja yang mesra rakyat, merendah diri dan mengambil berat tentang kemaslahatan kaum Muslimin.

Perkenalan Syeikh ku dengan beliau bermula apabila melalui seorang rakan Syeikh ku menerima undangan beliau untuk hadir ke majlis zikir Tareqat An-Naqsyabandiyyah Al-Haqqaniyyah di Damansara, Kuala Lumpur.

Biarpun tidak sependapat dengan beliau dalam beberapa perkara seperti keharusan muzik dalam majlis zikir dan lain-lain namun antara Syeikh ku dengan beliau tetap saling hormat-menghormati. Masa pantas berlalu dan putera raja berdarah sufi ini telah mangkat pada 20 Mac 2012, sejurus majlis zikirnya di malam berkenaan.

Tuan Guru Syeikh Haji Hafiz, Jenderam

Reputasi Yayasan Al-Jenderami yang masyhur keseluruh ASEAN sebagai kota Ahlus Sunnah Wal Jamaah itu tidaklah datang bergolek, atau turun dari langit dengan dulang emas. Tuan Guru Syeikh Haji Hafiz Bin Selamat memulakannya pada tahun 1985 bersama rakan-rakan kakitangan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) berkongsi

membeli tanah di Jenderam Hilir, Sepang lalu bergotong royong membangun sebuah surau pengajian yang diberi nama Al-Madrasah Al-Islamiah Al-Jenderamiah di ceruk kampung yang ketika menjelang kemerdekaan negara kita adalah kawasan ancaman komunis.

Janganlah ditanya apa tohmahan orang kepada mereka, sampai kebas telinga mendengarnya. Tapi itu tidak pernah mematahkan semangat Tuan Guru dan jemaahnya, mereka tekun mengaji dan membangun hingga dikurniakan ALLAH mencapai kejayaan sekarang.

Pada Sambutan Maulid Kubro Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم Yayasan Al-Jenderami, 1431H - 2010M, Tuan Guru Syeikh Haji Hafiz telah mengundang Syeikh ku untuk menyampaikan tazkirah di majlis hol masyaikh Al-Jenderami pada hari Jumaat 5 Mac 2010, kemudian ucapan di hari perasmian Maulid Kubro pada hari Sabtu 6 Mac 2010 dan sebagai panel kedua dalam persidangan tertutup ulama-ulama pondok Asia Tenggara sempena perayaan maulid besar kali yang kelapan di yayasan itu.

Tiap kali sambutan maulid tahunan di Jenderam rasa mahabbah kepada junjungan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم menjadi mekar dan suasananya tambah meriah dengan hadirin yang berdatangan dari seluruh tanah air, dari negara-negara ASEAN dan juga Timur Tengah.

Jika punya kelapangan waktu Syeikh ku memang suka untuk berziarah ke Yayasan Al-Jenderami dan Tuan Guru Syeikh Haji Hafiz juga jika tahu Syeikh ku ada di sini suka untuk mengundang beliau untuk mengisi acara di Jenderam.

Di Yayasan Al-Jenderami yang bernuansa Islami dan mengiringi perkembangan zaman, amalan wirid zikirnya tumbuh subur, kitab-kitab Melayu seperti Sabilal Muhtadin,

Aqidatun Najin, Sairus Salikin dan banyak lagi dimengajikan oleh orang-orang tua dan muda dengan enaknya, bacaan Maulid Al-Barzanji, Ad-Daiba'ie, Al-`Azzab dan Simthud Duror merdu dialunkan dengan suara-suara yang bertenaga.

Tuan Guru Syeikh Haji Hafiz Jenderam, Ustaz Haji Fuad dan Ustaz Haji Ali Padang Temu, Ustaz Abu Aswad Tumpat, Tokku Haji Ibrahim Pulau Manis dan ramai lagi ustaz di tanah air kita adalah golongan "tegar kitab kuning" yang berani mempersetankan kepercayaan orang-orang moden yang berkata bahawa warisan bersanad dari para ulama silam itu di zaman sekarang sudah lapuk dan tidak sesuai lagi digunapakai.

Kiai Haji Amir Hamzah, Jakarta Selatan

Pondok Pesantren Darul Ishlah yang diasuhnya itu bermula pada tahun 1987 dengan dua orang santri apabila datuknya Haji Munir memberi rumah kediamannya di Warung Buncit, Jakarta Selatan untuk dijadikan tempat mengaji kitab. Kiai Haji Amir Hamzah adalah seorang alim dalam masyarakat Betawi yang sebati dengan tradisi mahabbah Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم dan Ahlul Bait Baginda.

Setiap malam Jumaat di pesantrennya, Kiai Amir mengadakan pengajian umum dengan pengisian bacaan maulid dan *tausyiah*[1]. Apabila bulan Rabi`ul Awwal, pesantrennya mengadakan sambutan Maulidur Rasul صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم besar-besaran yang dihadiri oleh ribuan[2] jamaah . Berguni-guni beras akan digunakan untuk memasak nasi kebuli[3] dalam acara tersebut dan jalan utama berdekatan

1- kalau di Malaysia orang sebut sebagai tazkirah.
2- pernah mencecah angka 20,000 orang.
3- nasi beriani.

pesantren yang menganjur ke pusat kota Jakarta akan ditutup oleh pihak polis bagi memberi laluan kepada perarakan maulid yang meriah itu.

Sekarang pada satu-satu masa jumlah santri yang semuanya lelaki di pesantren Kiai Amir sekitar dua ratus orang dan mereka tidak dikenakan bayaran. Kata Pak Kiai: "Pokoknya serius *ngaji*!," iya, serius belajar dan pesantrenlah yang akan menanggung makan minum mereka. Kalangan santrinya yang berbakat apabila sudah tamat belajar akan digalakkan oleh Kiai Amir membuka sekolah di kampung masing-masing. Sehingga tahun 2010, selain dari pesantren pusat di Jakarta Selatan, Darul Ishlah juga mempunyai cawangan di Pekalongan dan Majalengka di Jawa serta satu lagi cawangan di Tembilahan, Sumatera.

Di Pesantren Kiai Haji Amir di Jakarta para santri tidak hanya pandai mengaji kitab, bahkan di waktu lapang ada yang belajar menjadi jurubina rumah, pendawaian eletrik dan lain-lain kemahiran dari masyarakat sekitar. Ini dengan dorongan dari pak kiai sendiri. Menyedari zaman yang makin berubah, Kiai Amir tidak mahu santrinya bingung kalau nanti apabila tamat belajar tidak dapat kerja jadi imam masjid atau bilal di *langgar*[1].

Tetamu yang bertandang ke pesantren beliau juga akan mendapati suasana persekitaran yang nyaman dan bersih. Para santrinya walaupun berkain sarung dan berbaju taqwa tapi berseterika dan nampak segak. Kata Pak Kiai, pesantrennya duduk di tengah kesibukan kota Jakarta dan beliau tidak mahu orang memandang selekeh kepada santri-santrinya.

Inilah Kiai Haji Amir Hamzah yang sederhana orangnya

1- surau.

tapi berwawasan jauh ke hadapan. Tiap kali ke kota Jakarta, Syeikh ku takkan lupa untuk bersilaturrahim kepada beliau dan pondok pesantrennya.

Kiai Haji Mufti Hasbulloh, Bandung Barat

Melalui Kiai Haji Amir Hamzah, Syeikh ku berkenalan pula dengan Kiai Haji Mufti Hasbullah. Kiai Sunda yang biarpun negerinya di Jawa Barat dan kampung halamannya di Bandung Barat, sangat alahan pula beliau dengan budaya barat. Di Desa Rajamandala, Kecamatan Cipatat, beliau mewarisi Pondok Pesantren Burhanurromli dari almarhum ayahndanya Kiai Haji Hasbulloh. Sepertimana almarhum ayahnda, Kiai Haji Mufti juga pernah tinggal beberapa waktu di kota Makkah untuk menuntut ilmu dan kisah-kisahnya di Tanah Suci merupakan antara topik yang amat suka beliau bualkan dengan Syeikh ku.

Pusat pengajian ilmu-ilmu agama dengan sistem gaya tradisional yang diwarisi dari ayahnya itu dipertahankan mati-matian sambil mengujar sedih kepada Syeikh ku bahawa di sekitar Bandung Barat dahulu ada puluhan pondok pesantren, tapi sekarang hanya tinggal sebilangan saja yang masih mempertahankan silibus pengajian aliran Ahlis Sunnah Wal Jamaah.

Loh, kok gitu Pak Kiai? "*Kerna* himpitan ekonomi dan *gak* kuat iman ya Syeikh." Kiai Haji Mufti menjelaskan bahawa banyak pondok pesantren yang tak kuat bertahan menghadapi arus kemodenan lalu tutup. Baiklah, ada sekolah pondok yang walaupun susah tetap ingin bertahan, tapi tuan gurunya pula yang tak kuat iman. Datang pihak-pihak tertentu yang kadang-kadang dari luar negara ke pondok, menawarkan dana besar dan bantuan logistik, dengan syarat kiai mesti menukar silibus Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang diwarisi

dari para kiai yang terdahulu dengan silibus baru yang garis keras serta cenderung mengkafirkan, mensyirikkan dan membid`ahkan siapa yang tidak sependapat dengan mereka. Pak kiai yang tak tahan dengan godaan dana "beracun" ini pun menerima tawaran dan hasilnya menularlah *terrorism* di kalangan pelajar agama yang kemudian berkembang ke tengah masyarakat. "Biar susah, tapi saya *gak* mau santri-santri saya jadi *terrorist*!" tegas beliau kepada Syeikh ku.

Syeikh ku memahami kebimbangan Pak Kiai lalu memberitahu bahawa untuk membendung fahaman keganasan dari merebak dalam masyarakat, ajaran Tasawuf Islam yang membawa akhlak mulia adalah penawar paling mujarab. Ini disokong seratus peratus oleh Kiai Haji Mufti.

Pada penghujung tahun 2009, Syeikh ku dengan Kiai Haji Mufti Hasbulloh bekerjasama mengasaskan Markaz At-Tasawuf Al-Islami di Bandung Barat dan satu bangunan madrasah tiga tingkat telah dibangun untuk tujuan itu. Daripada Syeikh ku, Kiai Haji Mufti telah mengambil amalan Wirid Maklum dan Hizbul Bahr serta mengajarkannya kepada santri-santri dan jemaah beliau di kalangan warga setempat yang ramai.

Antara yang disukai oleh Syeikh ku pada beliau ini ialah sikap perihatin terhadap santri-santrinya. Mereka belajar di Pesantren beliau tanpa membayar yuran, santri yang tidak punya sara hidup pula dapat mengambil upah mengerjakan sawah padi milik Pesantren. Nanti walaupun santri-santri itu sudah tamat *mondok*[1] dan masing-masing dengan kerjayanya namun hubungan mereka dengan Kiai Haji Mufti tetap

1- mondok adalah istilah Jawa yang kita sebut di Semenanjung sebagai memondok. Ertinya menuntut ilmu di pondok agama.

berterusan, hampir tiap kali Syeikh ku berziarah kepadanya pasti beliau akan mendapati ada saja mantan-mantan santri datang *sowan*[1] kepada guru mereka itu sambil membawa barang-barang keperluan yang dapat digunakan untuk kemaslahatan Pesantren.

Keprihatinan Kiai Haji Mufti kepada para santri dan santriwatinya tidak hanya waktu mereka masih berada di Pesantren, bahkan melampaui itu. Dalam satu kesempatan beliau telah mengajak Syeikh ku menjadi tetamu kehormat, masuk ke desa terpencil yang jauhnya puluhan kilometer dari Pesantren untuk sama-sama mengarak sepasang pengantin baru yang kedua-duanya merupakan mantan pelajar beliau.

Selain kesibukan mengurus Pesantren dan para santrinya, Kiai Haji Mufti juga aktif sebagai antara tokoh utama dalam Majlis Ulama Indonesia dan pertubuhan Nahdhatul Ulama di Jawa Barat. Sahsiahnya yang karisma dan jenaka-jenakanya yang segar diseliti hikmah dapat mencairkan suasana yang tegang.

Pada tarikh 19 Jun 2014, Propinsi Jawa Barat dikejutkan berita duka apabila pada hari itu Kiai Haji Mufti Hasbulloh ketika sedang mengajar para santrinya membaca Al-Quran meninggal dunia secara mendadak dalam usia 54 tahun. Jalan-jalan raya menuju ke Pesantren Burhanurromli sesak dengan ribuan orang yang datang untuk menghadiri pengebumiannya dan surat khabar tempatan melaporkan bahawa kiai pemersatu umat Islam di Kabupaten Bandung Barat itu sudah tutup usia .

1- sowan adalah istilah di Jawa yang kurang lebih ertinya berziarah kepada guru agama.

Nama-nama yang tersenarai di dalam bab ini dan banyak lagi yang masih belum sempat aku tuliskan sentiasa dikenang-kenang oleh Syeikh ku dalam doa-doa beliau. Betapa tidak, mereka adalah orang-orang soleh, mereka adalah para pecinta zikir dan mencintai ahli zikir. Mereka dan ramai lagi pihak lain adalah para NGO penerus legasi Ahlus Sunnah Wal Jamaah di alam Melayu kita.

Menghadiri sidang tertutup ulama-ulama pondok Asia Tenggara di Yayasan Al-Jenderami, tahun 2010.



Bab Keduapuluh Dua

Sangkar dan Burung Di Zawiyah

Ini pula adalah cerita dari pakcikku Tabib Nur yang selalu siap siaga untuk suhbah dan khidmat kepada Syeikh kami. Beliau ini adalah pakcikku yang bukan dari sebelah ayah maupun dari sebelah ibuku, tapi pakcik kerana lebih tua dariku dan kami satu guru. Kelazimannya datang berkhidmat dan suhbah dengan Syeikh ku makin hari makin menambah khazanah cerita-ceritanya yang sarat dengan faedah-faedah didikan dan ilmu. Marilah sidang pembaca budiman kita semak apa cerita dari pakcikku Tabib Nur.



Pada petang itu saya bersama Dr. Fareed duduk bersembang di ruang utama zawiyah tentang satu topik yang tercerna dari kuliah Syeikh sebelum ini. Topik itu sungguh menarik perhatian kami berdua dan kami membahasnya hingga tergantung-gantung tak ketemu kesimpulannya.

Pada asalnya, perbahasan itu mengenai mahabbah/cinta dan takzim kepada Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم, kerana selepas sama-sama menghadiri Seminar

Nafahat Jalan Robbi -6 topik yang dilontarkan oleh Syeikh di dalam auditorium itu terbawa-bawa oleh kami sampai ke luar dan dari situ melarat-larat pula kami membahas tentang cinta dan takzim dalam konteks hubungan suami isteri; mana dahulu? Bermula dengan cinta kemudian akan terbit takzimkah, atau bermula dengan takzim kemudian akan membuahkan cinta? Siapakah yang sepatutnya memulakan proses ini; suamikah atau isteri? Kami berdua punya pandangan berbeza dan sekarang sedang tersangkut, tak ketemu titik temu dalam perbincangan kami.

Apabila Syeikh turun dari kamarnya di tingkat atas dan setelah duduk menyapa kami dengan mesra, beliau terus membuka kata memuzakarahkan topik yang kami berdua bincangkan tadi dengan jelas hingga sampai ke titik konklusinya! Saya rasa gamam kerana kami berdua tidak sebut pun kepada beliau apa yang kami bahaskan tadi. Saya teruja kerana kami berdua telah berliku-liku cuba mencari jawaban dari permasalahan itu.

Santai sahaja Syeikh memahamkan kepada saya dengan Bahasa Inggeris yang mudah hingga sedar betapa celarunya saya memahami hakikat hubungan cinta antara suami dengan isteri. Kata Syeikh, soalnya generasi sekarang amat terpengaruh dengan role model yang instant dari media massa; surat khabar, majalah, artis pujaan, pelakon kesayangan, drama sinetron, filem panggung wayang... dari itu semualah manusia-manusia moden belajar bercinta dan mengambil ikutan cinta yang jauh sejauh-jauhnya dari kemurnian fitrah cinta manusiawi dan bertolak belakang sebelakang-belakangnya dari tuntunan agama.

"Cinta itu tumbuh bermula dari perasaan hormat-menghormati, kemudian diikuti dengan rasa takzim pada pasangan masing-masing... hubungan cinta antara suami

dengan isteri terjalin berpanjangan kerana adanya dua akhlak dan dua perasaan ini. Kedua-dua akhlak dan perasaan inilah melahirkan rasa cinta yang mulia nan suci, iaitu :

1- Ihtirom (menghormati)
2- Takzim (membesarkan/mengagungkan)"

Syeikh seterusnya menjelaskan lagi bahawa: "Hubungan syahwat antara suami isteri itu bukanlah menandakan adanya cinta, hubungan itu hanyalah satu kemahuan atau keperluan nafsu. Kemahuan dan keperluan ini sama sahaja seperti kemahuan dan keperluan pada nafsu makan, minum, tidur dan rehat".

Cinta memang dapat terjalin antara manusia dengan manusia, tetapi tiadalah cinta yang lebih murni dari apa yang digambarkan dalam hadis Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم, iaitu cinta yang didasari iman. Inilah cinta yang suci kerana cinta orang mukmin itu adalah cinta kerana ALLAH dan RasulNya. Begitu juga, boleh terjadi jalinan cinta bagi mereka yang bukan beriman sesama pasangan mereka atas rasa fitrah bersih mereka, bukan atas dasar syahwat.

Sebab itu, berapa ramai pasangan yang sudah berusia, mereka tetap kekal bersama walaupun tanpa melakukan hubungan syahwat, tetapi oleh kerana fitrah mereka bersih, mereka tetap setia sampai ke hujung hayat sekalipun selepas pemergian pasangan.

Sekarang mari kita lihat pada kehidupan kita, masih ada lagikah fitrah yang bersih hingga dapat lahir cinta yang bersih juga? Kata Syeikh: "Common sense kebanyakan pasangan di zaman sekarang telah rosak. Dahulu semua orang 100% bergantung kepada fitrah dan mudah kembali kepada fitrah. Tetapi sekarang majalah, akhbar, radio, wayang

gambar, alam maya internet dan tv setiap hari mencetak dan mengadun generasi moden melalui lakonan-lakonan dusta dengan begitu berkesan. Tanpa sedar generasi sekarang meniru lakonan itu dan sebab itu mereka tidak tenang lagi tiada bahagia kerana segalanya ditiru dari yang dusta".

Baiklah Syeikh, sekarang pasangan suami isteri mahu membina istana cinta, siapakah yang patut menjadi arkitek dan siapa yang menjadi jurubina? Kata Syeikh : "Isterilah yang sewajarnya mula menanam benih-benih cinta di dalam hati suaminya terlebih dahulu, kerana memang sudah menjadi fitrah manusiawi bahawa orang perempuan sebenarnya lebih mengenali cinta dari lelaki. Benih cinta yang ditanam itu bukan datang dari gejolak syahwat, tapi dari budi hormat serta rasa takzim yang tinggi terhadap suami sehinggalah apabila pohon cinta tumbuh rendang di hati lelaki ini, dia akan menghidupi cinta dan menjadi ibarat cincin jari manis si isteri".

Hari ini saya dan Dr. Fareed dapat rezeki besar. Baru saya faham bagaimana hubungan suami dan isteri yang asyik berselisih dan bergaduh walhal sebelum kahwin sudah kenal dan bercinta bertahun-tahun. Hari ini dengan muzakarah Syeikh saya memahami satu dimensi baru dari pepatah orang-orang tua kita : "Tak kenal maka tak cinta", rupa-rupanya mesti kenal dengan menghormati dan takzim baru tumbuh cinta. Tapi kalau kenal cara filem panggung wayang maka inilah hasilnya.

Santai dan khidmat kepada Syeikh di zawiyah atau di perjalanan juga selalu memahamkan berbagai hikmah kepada saya. Di zawiyah, Syeikh suka memelihara burung dalam sangkar. Ada burung baji dan ada burung merbuk. Kata Syeikh, siulan burung dan suara mergastua juga adalah tasbih memuji-muji ALLAH, cuma kita tidak memahaminya.

Bagi orang yang suka memelihara burung; makanan, kebersihan dan kesihatan haiwan itu hendaklah dijaga, kalau tidak jadi zalim, baik lepaskan saja.

Kerana melihat Syeikh memelihara burung di zawiyah saya pun jadi suka memelihara burung di rumah. Nak dengar tasbih mergastua. Tapi pada satu kesempatan ketika duduk santai dengan Syeikh di zawiyah beliau mengujar : "Tabib tahu mengapa saya bela burung dalam sangkar di zawiyah? Antara hikmahnya ialah sebagai peringatan kepada murid-murid. Burung di dalam sangkar ibarat roh manusia yang terpenjara di dalam hawa nafsunya. Di dalam sangkar burung diberi makan dan minum setiap hari, dia jadi manja dan selesa. Burung yang selesa di dalam sangkar sudah lupa alam mergastuanya yang indah dan merdeka, dia fikir dirinya senang lenang dapat makan dan minum tanpa susah payah mencarinya, dia tak sedar dirinya terpenjara. Kalau dia mahu berusaha melepaskan diri dari penjara itu, dia akan dapat kembali kepada keindahan alam asalnya".

"Itulah perumpamaan dari roh yang asalnya murni dan merdeheka. Roh yang pada alam azalinya tunduk kepada ALLAH dan mengaku : "Bahkan kami bersaksi bahawa Engkau Tuhan kami". Apabila roh masuk ke dalam jasad manusia ia pun menjadi nafsu. Manusia melayan kehendak nafsu dan tak mahu mendidiknya, nafsu tak terdidik lalu rosak sejadi-jadinya. Roh pun terpenjara.

"Akibat tidak mendidik nafsu maka manusia pun hidup bertuhankan nafsu -kecuali mereka yang dirahmati ALLAH-. Sedangkan mengenai nafsu itu ALLAH telah bersumpah dengan persumpahan paling panjang di dalam Al-Quran lalu berfirman tentangnya :

قَد أَفلَحَ مَن زَكَّاهَا وَقَد خَابَ مَن دَسَّاهَا...

"Sesungguhnya telah berjaya siapa yang memurnikannya. Dan sesungguhnya telah kecewa siapa yang mengotorinya" Surah As-Syams : 9-10

"Maka inilah kita murid-murid di zawiyah Tasawuf; kita beramal wirid, zikir, selawat sebanyak-banyaknya, mujahadah, menuntut bimbingan dan tarbiah dari guru mursyid… semua itu demi membebaskan jiwa raga kita dari sangkar penjara hawa nafsunya. Apabila jiwa bersih dari pengaruh nafsu ertinya ia telah kembali kepada asal kemurniannya, ia ibarat burung yang terbang bebas di bawah lindungan langit Tuhannya, dan merdeka dalam keindahan alam mergastua".



Bab Keduapuluh Tiga

Suhbah Ke Penjara

"Tetaplah engkau terpenjara pada alam benda selama engkau masih belum musyahadah kepada yang mencipta alam, tapi jika engkau sudah musyahadah DIA maka segala alam ini akan tunduk kepadamu"
- Sidi Ibnu `Atho'illah As-Sikandari As-Syazili

Pada hari Rabu, 10 Mac 2015, Syeikh Dr. Mahmoud Mrglani Al-Husayni diiringi murid-muridnya telah mengunjungi Penjara Kajang untuk mengadakan majlis maulid bersama para penghuni sel-sel besi. Berikut adalah catatan Sidi Ahmad Jais yang telah diamanahkan oleh Syeikh kami untuk mengaturkan majlis tersebut. Terima kasih buat Sidi Ahmad Jais atas perkongsian ini.

Tuan-tuan terpenjara dalam penjara hissi, penjara besi, sedangkan kami (kita semua lah tu!) pula terpenjara dalam nafsu dan jasad kami..."

Begitu bicara hikmah guruku Syeikh. Dr Mahmoud MrGlani di hadapan hampir 400 orang banduan di Penjara Kajang, siang tadi. Mereka semua bagai dijinakkan oleh

kehebatan Syeikh. Mengingat para hadirin ada yang sedang menunggu hukuman gantung sampai mati, sebat, penjara seumur hidup, penjara dan kerja berat serta kaya dengan berbagai rekod gaduh, rompak, curi, kongsi gelap, dadah dan macam-macam lagi jenayah yang meremangkan bulu roma apabila mendengarnya... sekarang sedang menangis insaf, teringatlah aku satu bait dalam qasidah Burdah: "...walau di sarang singa, singa tunduk padanya..."

Hari ini mereka semua menangis, bertaubat kepada ALLAH. Hari ini jiwa mereka dan kami yang mengiringi Syeikh sama-sama beroleh siraman rohani yang damai. Jelas di wajah mereka yang selama ini gersang dari rahmat, hari ini disinari cahaya mahabbah. Aku terpana melihat bagaimana guruku dengan penuh himmah, hikmah serta rahmat dan mahabbah membimbing kelompok tegar ini untuk akhirnya pasrah tunduk dan berjanji setia tiga perkara:

JANJI SETIA TIGA PERKARA

1. Akan melupakan segala kisah silam, jenayah dan dosa lalu… akan memadamkan itu semua dari ingatan. "Yang berlalu sudah mati," kata Syeikh ku.
2. Berjanji untuk menjauhi zina dan liwat, kerana keduanya adalah dosa besar lagi terlaknat.
3. Berjanji menjauhi arak, kerana ianya ibu segala maksiat.

Setelah mendapat jawapan yang gemuruh "SETUJU!" maka Syeikh pun mentalqinkan hadirin dengan dua kalimah

syahadah yang bersambung sanad hingga kepada Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللّٰهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Ya, hari ini kami diISLAMkan semula dan benarlah, bila masuk Islam dosa-dosa yang lalu akan terampun. Maka barulah diajarkan selawat dan zikir agar para banduan semua menjadikannya sebagai amalan harian mereka.

Sebelum semua itu, hati-hati kami terlebih dahulu dilunakkan dengan sama-sama membaca maulid (dalam bahasa Melayu) bersama-sama. Sungguh meriah, gempita penjara Kajang hari ini dengan alunan maulid dan selawat oleh para banduan yang dipimpin oleh Syeikh sendiri. Tidak pernah rasanya aku hadiri Majlis Maulid yang sungguh beremosi seperti hari ini.

Aku perhatikan pada saf yang terhadapan, majoritinya adalah banduan warga emas. Pipi mereka basah dengan air mata sepanjang maulid dialunkan. Betapa maulid dan selawat benar-benar meruntun hati-hati yang ingin kembali kepada ALLAH. Aku sendiri tak dapat menahan sebak, Sidi Azizan yang mantan angkatan tentera darat menyeka-nyeka air mata dan Penguasa Penjara Kajang (yang duduk disebelah kananku)lah sebenarnya yang mula-mula menangis.

Sebaik sahaja Syeikh umumkan sudah tamat dan minta izin untuk segera berangkat ke lapangan terbang, ada hadirin yang berteriak "Kami mahu lagi!!," "Ya Habiballah!!" "Jangan tinggalkan kami!!." Yang paling terkejut apabila Syeikh diserbu saat mahu melangkah keluar dari pintu Surau oleh para hadirin (tahanan penjara) yang berpusu-pusu mahu bersalaman dan memeluk beliau. Sudah macam rusuhan kecil dan menyalahi protokol penjara sehingga para petugas beruniform bergegas datang untuk meleraikan bagi membolehkan Syeikh beredar.

Hatiku sungguh-sungguh tersentuh dengan apa yang aku

disaksikan pada hari ini. Pasti, hanya seorang syeikh kamil sahaja yang bisa menyantuni semua lapisan masyarakat; daripada bangsawan, akademis, karyawan... hatta kelompok terpinggir di penjara seperti hari ini. Ketika berjalan keluar, Penguasa Penjara membisikkan akan mengundang Syeikh lagi ke sini untuk kunjungan yang akan datang. Sebenarnya para petugas penjara juga mendapat kesan daripada acara pada hari ini.

Ya ALLAH, redhoi Syeikh kami, dan redhokan kami dengan Syekh kami....Ampuni kami... Moga ALLAH berkati. Sekarang mari aku ceritakan kisah-kisah di sebalik tabir kunjungan kami ke penjara ini.

Semuanya bermula apabila Yang Mulia Syeikh kita memaklumkan di dalam Seminar Nafahat Jalan Robbi -6 bahawa kita akan menziarahi penjara dan mengadakan majlis maulid bersama-sama para banduan. Lontaran Syeikh ku itu disambut dengan tawa kecil para hadirin yang menyangka ianya sekadar gurauan atau kata-kata spontan sahaja. Namun, di benak hatiku terdetik bahawa ini adalah Nafahat Robbi dan perlu dijadikan kenyataan. Maka bercita-citalah aku untuk menjayakan hasrat Syeikh yang dikasihi, apabila itu aku luahkan beliau memberi lampu hijau.

Aku pun cuba menghubungi pihak penjara melalui seorang kenalan (yang beliau juga mengenali Syeikh). Kenalan ini punyai hubungan yang agak rapat dengan Dato' Seri Ketua Pengarah Penjara, kerana beliau pernah melaksanakan projek IT untuk pihak Penjara. Melalui kenalan itu, aku menghantar perutusan hasrat Syeikh untuk ke Penjara. Beliau telah bertemu empat mata dengan Dato' Seri Ketua Pengarah Penjara (KPPj), menyampaikan pesanan dariku. Alhamdulillah, Allah membuka hati KPPj untuk menerima kunjungan kami. Beliau meminta dituliskan satu

surat rasmi kepada untuk tindakan selanjutnya. Saat itu sehari sebelum Tahun Baru Cina (18 Februari 2015).

Selesai sahaja musim cuti Tahun Baru Cina aku segera menyiapkan surat tersebut, untuk disampaikan kepada KPPj. Sebelum menulis surat aku rujuk kepada Syeikh akan kandungannya di samping meminta panduan Syeikh untuk mengisi apa yang ingin disampaikan. Syeikh berpesan: "Jangan menuntut apa-apa, hatta tarikh pun serahkan kepada mereka untuk tentukan, rombongan kita pun jangan lebih 10 orang agar tidak kelihatan mendesak atau menuntut sesuatu dari mereka."

Surat pun dihantar pada 24 Februari 2015 oleh kenalanku tadi, dengan tangan. Setelah dua hari tanpa khabar aku email kepada Syeikh. Jawapan Syeikh sungguh yakin: "Insha ALLAH *everything goes as ALLAH plan*." Rupa-rupanya KPPj tiada di pejabat pada minggu tersebut dan hanya kembali pada minggu berikutnya. Masa semakin suntuk, kerana Syeikh dijangka hadir pada awal Mac untuk Seminar Nafahat Jalan Robbi -7 pada 7 Mac 2015.

Alhamdulillah, pada 3 Mac 2015 aku menerima panggilan daripada Ibu Pejabat Penjara, daripada Pengarah Pengurusan Banduan, memaklumkan bahawa beliau ditugaskan oleh KPPj untuk menguruskan surat dariku. Beliau mengundang aku untuk perbincangan lanjut di pejabatnya di Penjara Kajang pada 5 Mac 2015.

Tepat jam 10 pagi, 5 Mac 2015, kamipun bertemu di Pejabat Pengarah Pengurusan Banduan, Ibu Pejabat Penjara, Kajang. Aku hadir bersama kenalanku tadi. Penuh bilik Pengarah dengan kehadiran Tim Penjara, antaranya Timbalan Pengarah Penjara Kajang, Penguasa Penjara Kajang, Pengarah Bahagian Pemulihan dan beberapa orang ustaz yang ditugaskan oleh JAKIM di Penjara.

Syeikh telah berpesan kepadaku supaya bercakap dari hati, tidak pada posisi meninggi diri menuntut itu dan ini, bahkan sentiasa manis wajah dan menurut sahaja apa yang baik pada pandangan mereka. Ini sebahagian dari *open heart* yang diajarkan kepadaku.

Dengan barokah Syeikh perbincangan menjadi amat lancar tanpa perlu aku jelaskan atau bicara panjang. Sebaliknya Tuan Pengarah sendiri yang membacakan suratku dan menjelaskan kepada yang hadir betapa pentingnya pihak Penjara menyambut permohonan ini dan memberikan segala kerjasama untuk menjayakannya (ini berbunyi seperti arahan dari beliau kepada sekalian yang hadir).

Yang lebih menarik, Tuan Pengarah sendiri yang menjelaskan dengan panjang lebar akan kelebihan dan keutamaan selawat dan maulid dan dengan bersungguh-sungguh menyatakan beliau amat sokong dan gembira dengan cadangan Persatuan As-Syaziliyah SeMalaysia untuk hadir ke Penjara.

Beliau turut menjelaskan tidak banyak NGO Islam yang datang memberi khidmat di Penjara berbanding dengan bilangan NGO Kristian, Buddha, Hindu dan lain-lain yang datang menemui para banduan. Justeru, kehadiran Persatuan As-Syaziliyah ibarat pucuk dicita ulam mendatang. Cuma Tuan Pengarah menyambung penjelasannya bahawa adalah perlu mengikut semua prosedur keselamatan seperti mendaftarkan persatuan, menghantar senarai nama AJK dan perlembagaan persatuan, dan senarai mereka yang akan hadir pada acara berkenaan.

Di sini barulah aku sedar, betapa berpandangan jauhnya Syeikh ku kerana dua tahun yang lalu aku ditugaskan untuk mendaftarkan Persatuan As-Syaziliyah SeMalaysia dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS). Waktu

aku menjalankan tugas itu -demi mematuhi hajat Syeikh- tak terfikir pun aku bahawa inilah antara kegunaannya pendaftaran tersebut.

Selesai perbincangan peringkat dasar ini maka aku diminta turun ke Pejabat Timbalan Pengarah Penjara Kajang untuk perbincangan teknikal acara. Sambutan warga kerja penjara amat luar biasa kehangatannya seolah-olah ini adalah acara mereka.

Perbincangan akhirnya bersetuju dengan tarikh 10 Mac untuk acara Maulid bersama Syeikh dan sebagai prosedur keselamatan sesi latihan pada 9 Mac (dihadiri oleh 6 orang sahaja) perlu dijalankan. Bilangan yang hadir, persiapan, susun atur dan sebagainya diputuskan bersama.

Malam itu, di zawiyah Bait Sydna Syeikh Abdun Nasir Al-Hasani, Syeikh telah hadir. Aku diminta melaporkan pertemuan di penjara dan perbincangan secara terbuka diadakan. Aku merasa sungguh bahagia tiap kali Syeikh menegur dan mentarbiah ku atas laporan yang disampaikan. Inilah istimewanya berguru kepada syeikh yang mursyid.

Malam itu, Syeikh putuskan beberapa nama yang perlu ke *rehearsal* dan acara sebenar. Mereka perlu memberi nama kepadaku untuk diserahkan kepada pihak Penjara. Terima kasih Sidi Miqdam yang membantuku mencatat nama dan nombor kad pengenalan mereka semua.

Esoknya sudah hari Jumaat, sedangkan acara pada Isnin dan Selasa. Aku segera siapkan surat rasmi kepada Tuan Pengarah, melampirkan dokumen-dokumen persatuan yang dipintanya (Sijil ROS dan lain-lain) dan juga senarai nama mereka yang akan hadir; pada hari Isnin enam orang manakala pada hari Selasa 14 orang termasuk Syeikh. Selepas solat Jumaat, aku terima SMS daripada Pengarah dan Timbalan Pengarah, bahawa acara kami diluluskan

(melepasi tapisan keselamatan).

Tangisan hari pertama… Itulah yang dapat aku gambarkan pada hari *rehearsal* tersebut. Aku hadir bersama-sama Sidi Azhar, Sidi Jalil, Sidi Shahril, Sidi Azizan dan Tuan Haji Hassan Mokhtar. Tujuan kami pada hari pertama ini adalah untuk memahami selok-belok penjara, laluan dan prosedur yang perlu dilalui untuk masuk ke dalam penjara. Kami dijemput oleh Petugas Penjara dari pondok pelawat di luar untuk masuk ke kawasan penjara seterusnya diiringi masuk ke dalam pintu/tembok besi Penjara Kajang. Berdebar-debar juga hatiku apabila masuk ke dunia pengasingan ini.

Kami perlu melalui prosedur keselamatan, mendaftar nama, meninggalkan semua barang yang dibawa termasuk dompet, telefon bimbit, kunci kereta, duit dan sebagainya. Hanya buku nota dan pen dibenarkan. Kemudian kami lalui *body-search* lalu seluruh anggota badan kami diperiksa secara fizikal. Lepas pemeriksaan ini barulah kami melintasi satu lagi pintu besi berkunci. Selepas pintu besi kedua ini adalah kawasan penjara. Terbentang di hadapan kami, lapis demi lapis pagar dan kawat berduri yang melingkungi blok-blok penghuni penjara. Ia memang satu dunia lain yang amat asing bagi orang yang belum pernah masuk ke dalamnya.

Kami dibawa ke Pejabat Bahagian Pemulihan dan Bimbingan Agama di dalam Penjara itu lantas disambut ceria oleh para ustaz dan petugas Bahagian. Wajah-wajah ceria mereka sungguh melegakan kami dan dalam masa yang sama aku merasa simpati dengan ustaz-ustaz itu yang setiap hari setia selama lapan jam duduk di sini. Kalau aku… tak sanggup rasanya.

Sekitar jam 9.15 pagi kami pun dibawa melepasi satu lapisan pagar berduri lagi untuk ke Surau. Surau ini letaknya seolah-olah di tengah-tengah kompleks penjara itu untuk

kegunaan banduan solat berjemaah dan solat Jumaat. Kelas-kelas bimbingan harian juga diadakan di sini.

Dari kejauhan kami terdengar para jemaah sedang mengalunkan zikir munajat dan istighfar. Sebaik kumpulan kami tiba petugas meminta semua yang hadir diam dan bersedia untuk menerima kami.

Tujuan kami datang adalah untuk meninjau kawasan, melihat persekitaran, memerhatikan gelagat hadirin dan apa-apa yang perlu kami siapkan sebelum kedatangan Syeikh keesokan harinya. Maka kami berbahagi tugas, ada yang meninjau tandas dan kebersihannya, ada yang melihat laluan untuk Syeikh, lokasi untuk meja dan kerusi Syeikh dan sebagainya. Aku sungguh gembira dengan Tim Peninjau ini kerana masing-masing tahu apa yang perlu dilakukan tanpa perlu arahan atau perintah.

Kemudian kami dimaklumkan oleh Petugas Penjara bahawa para hadirin (banduan) sedang menunggu tazkirah dari kami. Dengan tak ragu-ragu aku menolak Tuan Haji Hassan untuk mengambil tempat menyampaikan tazkirah.

Haji Hassan menyampaikan kata nasihat yang ringkas dan padat mengenai kelebihan selawat dan mengapa kita akan buat majlis selawat pada esoknya. Beliau juga memaklumkan bahawa akan hadir tetamu istimewa dari Madinah untuk bersama-sama tuan-tuan sekalian.

Aku perhatikan, baik pentazkirah dan para *audience*nya, sama-sama berwajah sayu. Masakan tidak, pentazkirah dan para hadirin di saf pertama hampir sebaya usia mereka. Haji Hassan kemudiannya menceritakan betapa hatinya sebak menatap wajah-wajah kumpulan rakan tua yang sepatutnya tinggal damai di kampung halaman melayan gelagat anak cucu dan mengisi waktu dengan zikir serta mengaji, namun sekarang sedang menghabiskan baki usia mereka di dalam

kepungan tembok-tembok kebal berkawat duri.

Kemudian giliran aku pula memberikan taklimat. Aku tekankan agar para hadirin nanti bersama-sama mengikuti majlis yang akan dipimpin oleh Syeikh dengan ikut serta membaca maulid dan selawat. Mereka semua menyahut "FAHAM!" dengan lantang.

Selesai taklimat, kami pun mahu beredar. Namun sebilangan hadirin sudah berpusu-pusu mahu bersalaman dengan kami. Fahamlah kami jika tidak diaturkan pasti esok Syeikh juga akan diserbu seperti ini. Maka dengan bantuan para Petugas Penjara, hadirin diminta bertenang dan

Kita semua sama-sama memerlukan rahmat Tuhan...
Maulid di Penjara Kajang.



kembali berbaris dalam saf. Kemudian diadakan *rehearsal* bersalaman dengan "syeikh" seorang demi seorang secara berturutan dan bergilir-gilir, saf demi saf.

Inilah babak lucunya. Maka perlu ada "syeikh" di hadapan untuk bersalaman dengan para hadirin. Aku segera memberi isyarat kepada Sidi Azizan supaya mengambil tempat selaku "syeikh." Maka bersalamanlah "syeikh" dengan sekalian hadirian sampai tamat diiringi alunan selawat (seperti amalan di masjid dan surau orang Melayu kita). Dengan *reharseal* ini kami kira sudah cukup baik untuk menghindarkan Syeikh kami dari terperangkap dalam "rusuhan kecil" di majlis sebenar esok.

Apabila dilaporkan kisah ini (Sidi Azizan menjadi syeikh) Syeikh tertawa dan mengatakan benar, Sidi Azizan paling layak kerana beliau adalah pesara tentera, paling segak dan memahami protokol istiadat seperti itu. Alhamdulillah.



Hari kejadian…

Seperti biasa Syeikh diikuti rombongannya tiba lebih awal dari yang dijanjikan. Menjelang 7.50 pagi kami semua sudah bersedia untuk masuk. Aku segera hubungi Tuan Penguasa Penjara memaklumkan kami sudah sedia dan cukup bilangan.

Kami segera dijemput masuk sekitar jam 8.00 pagi. Sampai di kawasan pejabat Penjara Kajang, empat petak letak kereta khas telah disediakan buat kami. Keluar sahaja dari kereta kami disambut mesra oleh para petugas penjara. Ini semua dengan berkat Syeikh kami.

Rombongan kami yang 14 orang ini berpecah dua. Sebahagian terus masuk ke pintu besi penjara untuk ke pejabat bahagian agama di dalam (seperti prosedur

kami semalamnya). Adapun Syeikh dan beberapa muridnya dibawa membuat kunjungan hormat kepada Pengarah Penjara Kajang. Beliau begitu baik menyantuni kami. Kami disambut di ruang tamu beliau dan berlakulah perbualan mesra antara Syeikh dan Tuan Pengarah.

Inilah kelaziman guruku yang sentiasa siap meraikan dan melayani pelbagai lapisan masyarakat. Syeikh telah menghadiahkan koleksi buku dan CD rakaman yang diterbikan oleh Persatuan.

Perbualan disambung di meja santapan di mana kami diraikan dengan sarapan pagi bersama Tuan Pengarah. Sebelum beredar untuk masuk ke Penjara, Syeikh dipersilakan dengan hormatnya untuk membuat catatan dan menandatangani Buku Pelawat Rasmi. Setelah berpamitan kamipun dibawa menembusi dua pintu besi.

Syeikh memang amat menjaga masa. Syeikh memang tetapkan, majlis harus bermula tepat jam 9.00 pagi dan tamat jam 11.00 pagi kerana Syeikh perlu segera bergegas ke KLIA untuk mengejar pesawat pulang ke Madinah pada jam 3.00 petang. Kelewatan boleh mengakibatkan masalah dan kekangan ini telahpun difahami oleh pihak penjara.

Dengan itu kami pun "masuk penjara" dan tiba di suraunya tepat jam 9.00 pagi. Syeikh memulakan bicara sedang para hadirin semuanya bersedia duduk secara ubudiyyah (duduk antara dua sujud dan bukan bersila) melainkan yang uzur dan sakit kaki. Rupa-rupanya para petugas memerhatikan cara kami duduk semasa rehearsal semalam dan faham bahawa cara duduk yang betul dalam majlis-majlis sebegini adalah seperti itu.

Kuperhatikan dengan cara duduk itu pun sudah satu yang enak mata memandang. Bila Syeikh memulakan bicara maka tunduklah sekalian kepala, bergenanglah air di mata

dan syahdulah segala jiwa tenggelam mengamati patah demi patah kata dari muzakarah Syeikh yang diterjemahkan oleh Sidi Rahmat.

"Sebenarnya, pada wajah-wajah tuan-tuan, jelas terpancar cahaya dari hati yang remuk redam. Sedangkan hati yang remuk redam itu adalah ciri-ciri orang yang mustajab doa. Maka sayalah yang lebih perlukan doa tuan-tuan, bukan sebaliknya…"

Begitulah antara lontaran awal Syeikh yang telah memulihkan *self-esteem* para banduan dan seterusnya memaut hati mereka untuk bersama-sama Syeikh hingga ke akhir majlis, seperti yang diceritakan di awal bab ini. Aku sama sekali tidak percaya bahawa Syeikh mengucapkan itu atas dasar teknik motivasi, sumpah aku tak percaya itu kerana aku kenal benar Syeikh ku. Ya ALLAH, rezekikan kami untuk bersuhbah lagi dengan Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani yang kami kasihi.

PELAJARAN

1. Sentiasa peka dan sensitif dengan isyarat dan hasrat Syeikh untuk segera ditunaikan.
2. Berusaha sebaik mungkin menunaikan amanat Syeikh dengan merujuk kepada Syeikh.
3. Sentiasa patuhi arahan, panduan dan nasihat Syeikh dalam setiap perkara.
4. Yakin dan sangka baik bahawa apa yang dilakukan akan berhasil Insya ALLAH.